

**BALING**

MEMBUKA

JALAN

DAMAI

W A H B A



EM  
PUBLISHERS  
1988

PERSEKUTUAN ARAB

No. 117, Jalan Sultan  
Taman Melayu, Kuala Lumpur  
Selatan, Tanah Melayu

PERAKATA

Persembahkan kepada  
para rakan-rakan  
Utusan Melayu

*Cintakan agama, bangsa dan nusa adalah ibadah setiap insan sebelum menemui Ilahi.*

*Teristimewa buku ini ditujukan kepada rakan-rakan para wartawan, khususnya para wartawan Utusan Melayu (dahulu dan sekarang) yang saban hari memainkan penanya untuk kemajuan bangsa, agama dan tanah air.*

S. S. S. S.

M 54015

**BALING**

**MEMBUKA JALAN  
DAMAI**

WAHBA

**ME** ماسو اینترپرائسز  
**MASA ENTERPRISE**

KAJANG

1994

## PRAKATA

DARURAT sudah lama tamat. Bagi mereka yang sepanjang tahun 1948-1960 ia telah boleh dianggap sebagai suatu mimpi; hanya ia bukan mimpi tetapi suatu hakikat. Di kalangan generasi muda sekarang yang tidak mempunyai pengalaman secara langsung zaman awal darurat yang penuh peristiwa itu, mereka juga kadang-kadang kurang faham bahawa "Darurat" sebenarnya merujuk kepada undang-undang yang dikuatkuasakan oleh kerajaan untuk mengawal suatu keadaan yang dianggap sangat berbahaya.

Undang-undang Darurat dikuatkuasakan pada pertengahan tahun 1948. Biasanya permulaan darurat juga dianggap sebagai permulaan pemberontakan oleh Parti Komunis Malaya. Tetapi mungkin itu kurang tepat. Berasaskan penyelidikan mutakhir, ternampak peristiwa yang mencetuskan tindakan PKM untuk memberontak ialah pengisytiharan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948 kerana dengan lahirnya PTM *status quo* politik sebelum Perang Dunia II diwujudkan kembali. Itu bererti PKM tiada kesempatan untuk merebut kuasa secara berperlembagaan sebagaimana diharapkannya setelah tamatnya perang Dunia II dan Parti Buruh berkuasa di England.

PKM penuh keyakinan dalam tempoh yang singkat sahaja ia dapat merampas kuasa. Tetapi perhitungannya kurang tepat. Pada tahun 1954 PKM terpaksa mengaku ia memerlukan strategi baru terutamanya kerana sekali lagi ternampak adalah kemungkinan proses demokrasi akan diperkenalkan di Tanah Melayu. Ini kemudian mengakibatkan perjumpaan di Baling pada tahun 1955.

Kisah darurat sudah banyak ditulis dalam bahasa Inggeris tetapi tulisan dalam bahasa Malaysia amat sedikit terutama



## **MASA ENTERPRISE**

No. 17A, Jalan Muhibbah 3,  
Taman Muhibbah, 43000 Kajang,  
Selangor Darul Ehsan.

Wan Hamzah Awang  
(Wahba)

Edisi Baru

ISBN 983-9041-13-4

Hak cipta terpelihara

Tidak dibenarkan memetik atau  
mencetak kembali mana-mana bahagian isi buku ini  
dalam bentuk apa jua dengan apa cara pun, baik  
secara elektronik, fotografi, mekanik, rakaman,  
atau yang lain-lain sebagainya sebelum  
mendapat izin bertulis  
daripada Penerbit.

M

959.5712

WAH

Di cetak oleh  
Cumall Industri Sdn. Bhd.,  
No. 106, Jalan Radin Anum 1,  
Seri Petaling  
57000 Kuala Lumpur.

M 740124

22 AUG 1994

Perpustakaan Negara  
Malaysia

## PENDAHULUAN

RUNDINGAN Baling tahun 1955 yang mempertemukan YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj dengan Chin Peng, Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya merupakan *Turning Point* dalam sejarah negara kita menentang pengganas komunis.

Dalam temu ramah saya dengan Tunku pada bulan Mac, 1984, Tunku berkata: "Kalau tidak berjumpa Ching Peng, saya rasa tidak dapat menyelesaikan masalah darurat dengan cepat. Terang-terang dia menyebut hendak menubuhkan negara komunis di Malaya bila mencapai kemerdekaan dan dia tidak boleh bekerjasama dengan kita yang anti-komunis dan hakikat inilah yang kita tentang habis-habisan."

Selepas mengetahui niat sebenar Chin Peng, Tunku telah melancarkan kempen besar-besaran untuk melumpuhkan dan meleburkan pengaruh komunis di Tanah Melayu.

Pertemuan Tunku-Chin Peng di Baling itu memang sudah tercatat dalam tinta sejarah negara kita tetapi jarang orang yang mengetahui detik-detik atau dialog-dialog yang berlaku dalam pertemuan itu.

Dalam buku ini, para pembaca boleh mengikuti sejarah sehingga lahirnya rundingan itu dan dialog-dialog yang berlaku dalam rundingan selama empat sesi (dua hari) dari 28 Disember, 1955 hingga 29 Disember, 1955.

Memoir i-v telah disiarkan secara eksklusif dalam majalah *Mastika*, terbitan Utusan Melayu (M) Berhad dari bulan Julai hingga November 1983. Memoir ini ditulis oleh Datuk Haji Shafei Haji Abdullah yang pernah menjadi Setiausaha Peribadi kepada YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj.

Memoir vi (Kata Dua Tunku) dipetik daripada buku *Baling Talks* terbitan kerajaan iaitu kenyataan Ketua Menteri yang

sekali kajian-kajian yang lebih rapi dan berasaskan penyelidikan. Kerana itulah buku ini oleh Wan Hamzah Awang begitu penting bukan hanya bagi murid-murid sekolah yang perlu mempelajari tentang darurat untuk peperiksaan kertas sejarah tetapi juga untuk orang ramai yang seharusnya memahami sejarah masyarakat di mana mereka tinggal.

Penulisan secara serius dan tersusun tidak biasa dilakukan dalam bahasa Malaysia oleh golongan di luar universiti. Oleh yang demikian saya menganggap *Baling Membuka Jalan Damai* suatu karya yang sungguh bernilai dan sepatutnya dicontohi oleh para penulis umum yang juga dapat memainkan peranan penting menolong para akademik merakamkan sejarah tanah air.

Buku Wan Hamzah Awang ini mempunyai banyak maklumat yang baru dan menarik. Penulis berjaya menghubungi pihak-pihak tertentu yang secara langsung terlibat dalam perjumpaan di Baling. Usaha-usaha yang serius dan membina seperti ini sepatutnya disanjung tinggi. Wan Hamzah Awang telah membuktikan bahawa beliau berkebolehan menulis tentang peristiwa-peristiwa yang bersejarah dengan cara yang ilmiah. Mudah-mudahan beliau akan seterusnya berusaha menghasilkan buku-buku lain yang tidak kurang bermutunya.

**Profesor Khoo Kay Kim,  
Universiti Malaya.**

## KANDUNGAN

BAB	Muka Surat
<i>Pendahuluan Kata</i>	vii
1. Sejarah Pembentukan Parti Komunis	1
2. Zaman Darurat (Jun 1948-Julai 1960)	8
3. Dari Zaman Darurat Hingga Tercapainya Kemerdekaan	22
4. Surat Chin Peng	35
5. Chin Peng Lari Ke Sempadan Thailand	45
6. Surat Rundingan	52
7. John Davis dan Chin Peng	54
8. Cerita John Davis Kepada Tan Sri Dato Mubin Sheppard	59
9. Memoir i: Persiapan Menjelang Pertemuan Tunku-Chin Peng	67
10. Memoir ii: Dialog Tunku Di Meja Rundingan	73
11. Memoir iii: Chin Peng Tolak Tawaran Ampun Beramai-ramai	81
12. Memoir iv: David Marshall Tumbuk Meja	92
13. Memoir v: Chin Peng Beritahu "Hendak Masuk Parti Buruh"	97
14. Memoir vi: Rundingan Keempat (Hari Kedua)	104
15. Pengisytiharan Pengampunan	111

meliputi rundingan hari kedua 29 Disember, 1955 yang bermula dari 10.05 pagi hingga 12.05 tengah hari.

Dalam menyiapkan buku ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Arkib Negara, khususnya Encik Shafei Saad yang telah memberikan kerjasama untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan dan foto-foto.

Setinggi-tinggi terima kasih juga dirakamkan kepada Encik Mazlan Nordin, Pengarah Urusan Utusan Melayu (M) Berhad yang telah mencetuskan idea untuk menerbitkan buku ini dan rangsangan-rangsangan yang diberi dari semasa ke semasa. Juga kepada Encik Osman Abdi, Ketua Pengarang Kumpulan Majalah yang memberi dorongan dan kerjasama dalam usaha menemu ramah Encik Musa Ahmad, bekas Pengerusi PKM, serta mereka yang terlibat mengatur temu ramah tersebut.

Tidak ketinggalan kepada Tan Sri Dato Mubin Sheppard yang telah memberikan kerjasama dan menemu ramah John Davis (bekas pegawai polis zaman darurat, iaitu pegawai yang menjadi pengiring Chin Peng dalam rundingan Baling) di rumahnya, di Kent, England pada bulan Julai, 1984.

Atas dorongan dan kerjasama berbagai-bagai pihak itulah maka buku yang tidak seperti ini dapat diterbitkan jua. Wassallam.

**Wan Hamzah Awang,  
Kuala Lumpur.**

## SEJARAH PEMBENTUKAN PARTI KOMUNIS

BILA menyebut komunis atau Parti Komunis sebahagian besar daripada kita mempunyai anggapan bahawa komunis itu ialah gerombolan pengganas yang memikul senjata dan bergerak di hutan, menyerang, membunuh dan memusnahkan harta rakyat yang tidak berdosa.

Gerombolan komunis di hutan belantara itu adalah alat komunis. Mereka adalah lasykar komunis, lasykar daripada satu organisasi parti politik yang bersifat internasional yang mempunyai cita-cita tertentu untuk menukar wajah dunia atau menukar sistem pemerintahan dunia kepada apa yang dinamakan komunis sejagat, satu corak pemerintahan di mana kebebasan bersuara, beragama dan kebebasan individu tidak wujud.

Sekarang ini, komunis menjadi musuh dunia, musuh dari negara-negara yang mengamalkan dasar demokrasi berparli-men, musuh dari negara-negara yang mengamalkan kebebasan memilih kerajaan menerusi pilihan raya terbuka atas dasar satu undi, satu suara, ertinya rakyat bebas memilih parti yang mereka suka untuk mentadbir negara bagi satu tempoh tahun

X / KANDUNGAN

✓ 16.	Peranan Tunku Dalam Rundingan Baling ✓	113
✓ 17.	Ucapan-Ucapan Sir Henry Gurney Semasa Darurat (✓✓)	118
✓ 18.	Berakhirnya Darurat ✓	125
✓ 19.	Kegagalan PKM ✓	129
20.	Rashid Madin Masih Di Hutan	137
✓ 21.	Komunis Gagal Pengaruhi Melayu ✓	142
22.	Musa Ahmad Tinggalkan Komunis ✓✓	150
23.	Temu Ramah Dengan Musa Ahmad	162
24.	Temu Ramah Dengan YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj.	179
25.	Jalan Menuju Damai	192
26.	Jerangkap Samar	206
27.	Temu Ramah dengan Chin Peng	209
28.	Latar Belakang Pemimpin PKM Yang Meletak Senjata ✓	214
	<i>Bahan Rujukan</i>	219
	<i>Indeks</i>	222

Dalam negara komunis, sistem kebebasan memilih itu tidak ada. Yang ada ialah cara pemerintahan diktator, di mana rakyat dipaksa menerima apa yang diatur oleh kerajaan, dengan nyawa di hujung muncung senjata. Manusia hanyalah menjadi patung atau robot sahaja.

Matlamat akhir komunis internasional ialah menuju kepada tahap penaklukan komunis di seluruh dunia, iaitu mereka bercita-cita menjadikan seluruh negara di dunia berada di bawah panji-panji komunisme.

Perjuangan komunis internasional bermula selepas Parti Komunis berjaya merampas kuasa di Rusia dengan menggulingkan pemerintahan Kaiser Rusia dalam satu pemberontakan bersenjata pada bulan Oktober, 1917. Sejak dari tarikh tersebut Rusia menjadi pangkalan untuk melanjutkan cita-cita komunis bagi menakluki dunia.

Stalin dalam sebuah buku (edisi tahun 1954) yang berjudul *Problems of Leninism* antara lain menjelaskan bahawa matlamat komunis selepas revolusi bulan Oktober ialah untuk mengukuhkan kuasa pemerintahan diktator prolitariat (pemerintahan kuku besi kaum pekerja) dalam sebuah negara (Rusia) untuk dijadikan sebagai pangkalan untuk menewaskan kaum imperialisme di seluruh negara di dunia. Dari situlah mereka bercadang mengembangkan revolusi ke seluruh negara di dunia. Dari detik itulah bermulanya zaman revolusi komunis di dunia.

Pada umumnya strategi yang digunakan oleh pemimpin-pemimpin Soviet dalam perjuangan mereka menentang negara-negara bukan komunis di dunia adalah berpandukan kepada sebuah buku yang ditulis oleh Lenin dalam tahun 1916 berjudul *Imperialism The Highest Stage of Capitalism*. Dalam buku tersebut Lenin cuba membuktikan bahawa ekonomi kuasa-kuasa barat sebenarnya bergantung kepada negara-negara Asia yang kaya dengan sumber-sumber alam (barang-barang mentah), sumber tenaga manusia dan pasaran yang luas di negara-negara kurang maju, tanpa negara-negara ini kuasa-kuasa barat akan runtuh.

Atas fakta itulah, maka negara-negara Asia dan negara-





*Komunis sedang bergerak di hutan.*

paling lama dan rakyat kemudiannya bebas pula memilih parti lain jika mereka mendapati parti yang mereka pilih itu gagal menegakkan kemakmuran, keadilan dan kestabilan politik, ekonomi dan sosial.

Oleh kerana kedudukan Malaya (Malaysia) sebagai sebuah negara yang strategik di Asia Tenggara, maka Malaysia dianggap sebagai sebuah negara penting oleh Soviet untuk menyebarkan pengaruh komunis. Sebagai sebuah negara yang menjadi idaman Moscow, Komintern dengan tidak melengahkan masa telah bekerja keras mengirinkan ejen-ejennya ke sini.

Sebaik saja persetujuan kerjasama tercapai di antara Soviet dengan Kuomintang dalam tahun 1923, penghasut-penghasut politik komunis telah diseludupkan berselindung di sebalik nama Kuomintang. Pada ketika itu Kuomintang wujud sebagai parti politik yang halal di Persekutuan Tanah Melayu hingga bulan Julai, 1923.

Rombongan pertama ejen-ejen komunis yang menyamar sebagai orang-orang Kuomintang itu dikirim secara langsung dari negeri China. Mereka bergerak menyebarkan ajaran-ajaran komunis di sekolah-sekolah malam Cina Hailam, kumpulan-kumpulan kecil kesatuan sekerja dan dalam kelab-kelab kerjatangan Cina.

Dalam bulan Mei 1926, mereka telah berjaya menubuhkan organisasi komunis yang pertama yang diberi nama Nanyang General Labour Union atau Kesatuan Buruh Umum Nanyang. Pertubuhan itu dengan sendiri mencerminkan kejayaan yang telah mereka capai dalam meresapkan fahaman komunis di kalangan setengah-setengah kaum pekerja Cina. Organisasi seumpama itu juga telah ditubuhkan di Singapura di bawah kuasa Parti Komunis China.

Bila kerjasama Soviet Kuomintang dibubarkan dalam tahun 1927, maka ia dengan sendiri tidak memungkinkan lagi ejen-ejen Komintern bergerak dengan menggunakan topeng Kuomintang Malaya, pihak Biro Timur Jauh komunis terpaksa lah mengatur langkah yang lain. Untuk tujuan ini satu perwakilan lima orang Parti Komunis China telah dihantar ke Malaya pada penghujung tahun 1927. Perwakilan ini telah membentuk satu organisasi baru yang dikenal sebagai Nanyang Communist Party yang dikuasai oleh Parti Komunis China, manakala Kesatuan Buruh Umum Nanyang terus digerakkan

negara kurang maju menjadi tumpuan Soviet dan pemimpin-pemimpin Soviet sentiasa berikhtiar untuk melepaskan negara-negara Asia daripada ikatan dengan negara-negara barat dan meletakkan negara-negara itu di bawah penaklukan Soviet. Memang itulah satu-satunya jalan bagi Soviet untuk melemahkan kuasa-kuasa barat sebagai kuasa yang sebenarnya menghalang cita-cita penaklukan komunis di dunia.

Dalam perjuangannya menakluki dunia, pemimpin-pemimpin Soviet menggunakan berbagai-bagai taktik untuk disesuaikan dengan keadaan, ada masanya pemimpin-pemimpin Soviet menggalakkan kegiatan-kegiatan bersenjata, pada masa yang lain menggunakan muslihat politik dan pada satu ketika yang lain pula pemimpin-pemimpin Soviet berpura-pura menunjukkan dasar kompromi dan tolak-ansur.

Dalam hubungkait mengenai perkara ini, Stalin pernah berkata: "Pada peringkat melanjutkan revolusi, taktik perjuangan berubah sebanyak mungkin bergantung kepada arus yang bergolak, sama ada naik atau menurun tetapi bagaimanapun strategi perjuangan tetap kekal."

Dalam hubungan ini juga, negara-negara Asia Tenggara adalah negara yang paling penting dalam rancangan pengembangan kuasa atau pengaruh Soviet. Negara-negara Asia disifatkan oleh Soviet sebagai negara-negara anak jajahan atau negara separuh jajahan, malah negara yang bukan tanah jajahan juga dianggap oleh Soviet tidak bebas kerana menurut anggapan mereka (pemimpin-pemimpin Soviet) politik dan ekonomi negara-negara tersebut dikuasai oleh barat, hanya negara-negara di bawah pimpinan komunis yang menumpahkan taat setia kepada Moscow sajalah dianggap sebagai bebas dan merdeka.

Dalam rancangan untuk mengembangkan penguasaan pengaruh Soviet, sebuah organisasi yang dipanggil Komunis Internasional (Komintern) telah ditubuhkan di Moscow dalam tahun 1919. Pertubuhan ini bertanggungjawab menyelaraskan semua dasar dan kegiatan komunis di seluruh dunia terutama di kalangan negara-negara Asia Tenggara.

menentang Jepun yang popular ini memberikan kesempatan yang sebaiknya kepada Parti Komunis Malaya untuk memulihkan pengaruhnya di kalangan kaum buruh, khususnya kaum Cina.

Dalam bulan Mac 1948, satu perjumpaan jawatankuasa pusat Parti Komunis Malaya telah diadakan. Dalam sidang tersebut *Moscow* mengeluarkan arahan supaya satu pemberontakan bersenjata dilancarkan.

Keganasan pun bermula. Keganasan itu dimulakan dengan beberapa pemogokan buruh di Singapura pada bulan April dan Mei kemudian merebak ke Persekutuan Tanah Melayu. Mogok-mogok itu disertai dengan perbuatan-perbuatan jenayah seperti membakar kilang getah dan membunuh kontraktor-kontraktor, pengurus-pengurus serta mereka yang dicap oleh komunis sebagai kambing hitam.

Dalam masa setengah bulan pertama bulan Jun tahun 1948, sembilan belas kes bunuh dan cuba membunuh telah berlaku dan tiga belas kes membakar, manakala pada setengah bulan yang kedua bulan Jun, 26 kejadian bunuh, 22 cuba bunuh, 2 kes bakar telah berlaku ke atas balai-balai polis yang terpencil, kesemua kejadian itu dilakukan oleh "Pasukan Bergerak", satu unit yang dibentuk secara rahsia dari pasukan Bintang Tiga atau MPAJA.

Akhirnya pada tengah malam 20 Jun, 1948, kuatkuasa undang-undang darurat telah diisytiharkan di seluruh Persekutuan Tanah Melayu tetapi sayangnya pada ketika itu juga semua pemimpin penting komunis telah lari ke hutan.

Manakala pemimpin-pemimpin parti komunis di Singapura juga sempat menghilangkan diri setelah keadaan darurat dikuatkuasakan di Singapura pada 24 Jun, 1948.

Pada 23 Julai, 1948, kerajaan Singapura dan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu serentak mengharamkan Parti Komunis Malaya dan badan-badan yang bergabung dengannya.



*Sepasukan komunis yang lengkap dengan uniform dan senjata.*

sebagai "Organisasi Rakyat" untuk melaksanakan arahan dari badan yang baru dibentuk itu atau Parti Komunis Nanyang.

Badan Parti Komunis yang baru itu mempunyai bidang tanggungjawab yang luas. Ia bukan saja bertanggungjawab dengan kerja-kerja komunis di Malaya tetapi juga merangkumi kerja-kerja komunis Thailand, Indo China dan Hindia Timur, dan kepulauan Indonesia.

Dalam tahun 1929, Komintern telah mengambil keputusan menyusun semula Parti Komunis Nanyang dan mengarahkan satu perhimpunan perwakilan diadakan di Singapura pada awal tahun 1930. Sidang tersebut yang dikenal sebagai sidang perwakilan ketiga mengambil keputusan membubarkan Parti Komunis Nanyang dan Kesatuan Buruh Umum Nanyang untuk memberi jalan kepada penubuhan Parti Komunis Malaya dan Kesatuan Buruh Umum Malaya.

Pertubuhan ini berkembang terutama sekali bila pecah perang China - Jepun dalam bulan Julai tahun 1937, semangat

Pada umumnya, di dunia hari ini terdapat dua blok komunis yang besar iaitu Soviet Union dan Republik Rakyat China. Sungguhpun dua kuasa besar ini pada dasarnya menganut ideologi yang sama tetapi mereka sering tidak sekata atau sependapat dalam beberapa perkara terutama dari segi strategi dan taktik perjuangan.

Sejak beberapa abad yang lalu, dua kuasa besar ini saling rebut-merebut pengaruh untuk menyebarkan ideologinya. Dalam perjuangannya itu mereka saling menggunakan taktik untuk menanamkan jarumnya bagi meresapi pengaruh mereka di negara-negara kecil untuk masuk ke perangkap mereka.

Komunisme menurut V. Thompson bererti: "suatu fahaman yang menentang elit atau establishment (golongan pemerintah) yang tradisional, feodalis dan imperialis dengan cara kekerasan (militant) untuk menggulingkan mereka dan menggantikannya dengan sebuah pemerintahan yang menganut ideologi sosialis."

Semenanjung Tanah Melayu adalah salah sebuah negara di Asia Tenggara yang menjadi idaman blok komunis itu. Selepas Jepun menyerah kalah, mereka mempergiatkan usaha mereka untuk memenangi hati rakyat dan seterusnya menguasai Tanah Melayu. Cita-cita dan impian mereka musnah. Pergerakan mereka dari hutan-hutan dapat ditumpaskan oleh pihak tentera yang sentiasa berwaspada dan melancarkan operasi demi operasi.

Secara rasminya zaman darurat di Tanah Melayu bermula pada 16 Jun, 1948 dan berakhir pada 31 Julai, 1960. Di bawah undang-undang ini, kerajaan berusaha untuk melumpuhkan kegiatan komunis di hutan-hutan dengan menyekat saluran makanan, bantuan dan sebagainya. Operasi-operasi sering dijalankan untuk menggempur mereka.

Dalam masa darurat, pertempuran-pertempuran sering berlaku di hutan-hutan. Ramai terkorban sama ada di pihak musuh mahupun di pihak pasukan keselamatan. Hutan belantara Tanah Melayu adalah di antara hutan-hutan yang tebal di dunia ini.

## ZAMAN DARURAT

(Jun 1948 - Julai 1960)

UNDANG-UNDANG darurat atau *Emergency Regulations* telah diisytiharkan oleh kerajaan British (British Military Administration) pada bulan Mei 1948, iaitu tidak lama selepas Perang Dunia Kedua.

Undang-undang darurat diisytiharkan untuk menentang Parti Komunis Malaya (PKM) yang melancarkan pemberontakan bersenjata terhadap pemerintahan British di Semenanjung Tanah Melayu.

PKM mahu merampas kuasa secara kekerasan bagi mewujudkan kerajaan komunis di Tanah Melayu.

Dari bulan Jun, 1948 hingga bulan Julai, 1960, Malaya (sekarang Malaysia) telah terlibat dalam perang sengit dengan PKM yang cuba hendak menubuhkan sebuah negara pemerintahan komunis. PKM yang bernaung di bawah kuasa besar komunis seperti Soviet Rusia dan China, telah melancarkan keganasan dan pemberontakan untuk merampas kuasa. Kuasa-kuasa besar komunis itu telah juga mendorong gerombolan-gerombolannya di beberapa buah negara di Asia Tenggara yang lain melancarkan pemberontakan yang sama.



Pihak komunis telah kehilangan 9,581 orang lelaki dan perempuan: 6,398 terbunuh, 1,245 ditawan dan 1,938 menyerah diri. Sejumlah 2,760 mengalami kecederaan. Berapakah jumlah dari mereka yang cedera ini mati atau terbunuh kemudiannya tidak diketahui.

Pasukan keselamatan pula termasuk anggota-anggota polis, askar-askar, tentera udara dan Home Guards sejumlah 1,851 orang terbunuh dan 2,526 mengalami kecederaan. Selain dari itu sejumlah 2,461 orang-orang awam termasuk wanita, kanak-kanak dan petani-petani dari bangsa Inggeris terbunuh dan 1,383 mengalami kecederaan. Sejumlah 807 orang dikatakan telah diculik oleh komunis dan dibawa masuk hutan. Orang-orang itu masih tidak ditemui sehinggalah berakhir darurat. Bagaimana nasib mereka tidaklah diketahui.

Pihak komunis mengalami kekalahan kerana mereka berjuang bersendirian di hutan-hutan. Mereka tidak pernah menerima bantuan material sama ada dari China atau Rusia.

Selain dari itu, rakyat pada umumnya tidak pernah memberikan sokongan terhadap perjuangan komunis yang mereka anggap sebagai sia-sia itu. Kerajaan sendiri mengambil tindakan tegas dengan menyekat pengaliran makanan masuk ke hutan-hutan di samping melancarkan operasi buru dari semasa ke semasa.

Gerila-gerila komunis itu mungkin akan dapat memberikan penentangan sekiranya mereka mempunyai bekalan makanan yang cukup, senjata dan peluru yang cukup dan bantuan serta sokongan orang ramai. Tetapi perkara-perkara itu tidak diperolehi mereka. Mereka tersepit antara kebuluran dan ketiadaan senjata untuk meneruskan perjuangan.

Tiga tahun selepas bermulanya darurat, kerajaan telah membuat *master plan* untuk menewaskan komunis. *Master plan* terus menjadi strategi utama untuk selama sembilan tahun berikutnya. Ia mencakupi suatu konsep mudah iaitu menyekat aliran bekalan, komunikasi dan intelligence. Akibat dari sekatan ini mereka mengalami kebuluran, kekurangan bekalan peluru dan bekalan lain-lain termasuk sumber-sumber perisikan. Akhir-





IN AN ENGAGEMENT 22 CTs, INCLUDING 3 WOMEN,  
WERE KILLED BY 1st GURKHA RIFLES SOUTH OF  
LABIS, JOHORE IN 1949.

*Anggota komunis, termasuk tiga orang wanita yang berjaya dibunuh oleh askar Gurkha di selatan Labis, Johor, pada tahun 1949.*

kampung-kampung. Selain dari itu mereka juga melancarkan kempen-kempen keganasan secara menyeluruh.

Pada peringkat kedua mereka akan memaksa pasukan keselamatan kerajaan keluar dari kawasan-kawasan pedalaman terutama kampung-kampung baru dan mengisytiharkan yang kawasan-kawasan itu telah "dibebaskan." Peringkat ketiga akan memerhati proses "pembebasan" berjalan terus sehingga sampai ke tahap British akan meninggalkan negara ini, dan pada waktu itulah nanti mereka akan mengisytiharkan negara ini sebagai negara Soviet. Peringkat kedua dan ketiga itu tidak pernah diceritakan secara detail oleh pucuk pimpinan Parti Komunis. Ia hanya tercatat atas kertas sahaja. Impian dan cita-citanya tidak pernah terlaksana.

Parti Komunis Malaya mula berkembang di Tanah Melayu pada awal tahun 1920-an yang dibawa masuk oleh ejen-ejen Parti Komunis China. Matlamat perjuangan komunis ialah untuk menakluki seluruh dunia iaitu menjadikan negara-negara di dunia sebagai negara yang menganut dasar komunisme.

Kira-kira dalam tahun 1928, Parti Komunis China telah menubuhkan cawangannya di Singapura dengan nama Parti Komunis Nanyang (Lautan Selatan) tetapi menghadapi kegagalan untuk berkembang. Malaya dan Singapura sememangnya tidak mempunyai minat langsung dengan doktrin revolusi yang diperjuangkan oleh Parti Komunis.

Singapura dan Malaya waktu itu mempunyai jumlah penduduk kira-kira lima juta yang kebanyakannya mendiami kawasan-kawasan desa dan pedalaman. Pada waktu itu orang-orang Melayu merupakan 44 peratus dari jumlah penduduk, Cina 43 peratus dan India kira-kira 10 peratus. Penduduk dari keturunan Eropah kurang dari 1 peratus. Orang-orang Melayu waktu itu yang berpegang teguh kepada adat resam dan kebudayaan, menyukai pemerintahan Inggeris, iaitu sebelum memuncaknya semangat kebangsaan yang digerakkan oleh nasionalis-nasionalis Melayu seperti Dato Onn dan lain-lain.

Orang-orang Melayu kebanyakannya bekerja sebagai petani dan menoreh getah. Mereka berpegang kuat kepada agama

nya mereka tidak lagi menerima sokongan dari kalangan orang-orang mereka sendiri.

Kerajaan juga telah memindahkan lebih setengah juta kaum Cina yang duduk secara haram di pinggir hutan ke kawasan penempatan baru yang kemudiannya dikenali sebagai "Kampung-kampung Baru."

Pemindahan mereka ini dianggap penting kerana sebelum ini kawasan mereka menjadi semacam "sarang" bagi kegiatan komunis. Kampung-kampung baru yang dibina itu dikenakan kawalan rapi dengan membina pagar-pagar kawat berduri untuk mengelak anasir-anasir komunis menyusup masuk.

Di tiap-tiap buah kampung baru itu dibina pos kawalan yang menempatkan pasukan polis dan Home Guard untuk menjaga keselamatan di daerah tersebut. Pasukan polis juga memasang ejen-ejennya sendiri untuk memungut apa juga maklumat tentang kegiatan komunis dari penghuni-penghuni kampung baru yang bersedia untuk memberikan kerjasama dengan kerajaan.

Beberapa tahun kemudiannya, tujuan asal komunis yang kononnya hendak "membebaskan" kawasan-kawasan pedalaman dari tangan kerajaan telah bertukar menjadi sebaliknya. Pihak kerajaanlah yang telah membersihkan atau memutihkan kawasan-kawasan hitam itu dari *anasir-anasir* komunis. Menjelang tamatnya darurat hampir-kesemua "kawasan hitam" telah dapat dibersihkan oleh kerajaan kecuali kawasan-kawasan sepanjang utara Kedah dan sempadan Perak dengan selatan Thailand. Masih ada komunis bersarang di kawasan-kawasan ini, tetapi mutu kekuatan mereka sudah menurun dan lemah.

Strategi komunis di Tanah Melayu didasarkan dari konsep yang diasaskan oleh Mao Tse-Tung dalam penaklukan terhadap Tanah Besar China. Ia meliputi tiga aspek atau peringkat. Konsep pertamanya ialah untuk melumpuhkan ekonomi negara dengan cara melakukan serangan ke atas estet-estet getah dan lombong-lombong bijih, menakutkan buruh-buruh dan pada masa yang sama melakukan serangan ke atas balai-balai polis dan

negara ini merupakan kumpulan "pencari duit" yang gigih. Niat awal mereka datang ke Malaya ialah untuk mencari sebanyak mana wang yang diperolehi dan akan pulang ke negara asal mereka (China) dengan kekayaan yang sudah diperolehinya untuk hidup aman damai di tanah tumpah darahnya.

Orang-orang India datang ke negara ini sebagai buruh-buruh ladang. Pada tahun 1920-an, mereka diambil bekerja dengan upah yang sangat rendah di ladang-ladang getah, membuat rel kereta api, jalan raya dan lain-lain.

Dalam strategi PKM, mereka cuba bergerak di kalangan masyarakat Cina yang kebanyakannya bekerja di lombong-lombong atau membuat ladang-ladang di pinggir-pinggir hutan.

Pada bulan April, 1930, Parti Komunis Nanyang telah dimansuhkan dan diganti dengan Parti Komunis Malaya, yang hanya mempunyai tujuan yang satu iaitu menubuhkan kerajaan komunis di Malaya.

Di antara wakil-wakil dari Moscow dan Shanghai yang hadir di Singapura pada hari penubuhan PKM ialah Nguen Ai Quoc yang mendapat latihan di Moscow. Nguen Ai Quoc kemudiannya dikenali di seluruh dunia sebagai Ho Chin-Minh yang telah berjaya melancarkan revolusi terhadap Perancis di Indo China dan kemudiannya melancarkan perang Vietcong terhadap Vietnam Selatan.

Pergerakan komunis memperolehi tapak perjuangan di Malaya pada tahun 1930-an iaitu ketika negara sedang menghadapi kemelesetan ekonomi. Tetapi tindak tanduk PKM itu sudah mula dapat dikesan oleh kerajaan British yang kemudiannya mengatur strategi untuk meleburkan mereka.

Bila perang meletus di Eropah pada tahun 1939, PKM mendakwa memperolehi keahlian seramai 37,000 di mana sebahagian darinya ialah dari Singapura. Dengan Rusia sebagai sekutu Jerman di Eropah, PKM dengan mempunyai alasan-alasan yang kuat telah melancarkan kempen keganasan terhadap British di Malaya, tetapi suatu keadaan tiba-tiba berubah pada bulan Jun, 1942 di mana Jerman secara tidak diduga sama sekali telah menyerang Rusia. Pihak PKM



*Komunis lengkap bersenjata.*

Islam dan tidak mudah terpedaya dengan hasutan-hasutan kumpulan anti agama seperti anasir-anasir komunis.

Orang-orang Cina yang merupakan kaum pendatang ke

paksa mengisytiharkan darurat untuk membendung dan menghapuskan pengganas-pengganas komunis yang cuba merampas kuasa dengan cara kekerasan.

Tindakan awal pemberontakan komunis ialah pembunuhan ke atas tiga orang Pengurus Ladang Getah bangsa Eropah di Sungai Siput. Akibat dari pembunuhan tersebut, kerajaan mengisytiharkan darurat yang menguntukkan beberapa rang undang-undang untuk membolehkan kerajaan bertindak tegas terhadap para pengganas itu.

Operasi-operasi untuk membanteras komunis dijalankan, dan kerajaan terpaksa membelanjakan kira-kira £20,000 setiap hari untuk gerakan tersebut.

Tugas pasukan keselamatan diperhebat untuk melindungi negara dan harta benda serta menghapuskan penjahat-penjahat komunis dan anasir-anasir subversif yang bergiat untuk menghancurkan keamanan negara.

Sungguhpun pasukan keselamatan kerajaan lebih ramai, iaitu mengandungi 40,000 orang askar, 70,000 orang polis dan 25,000 orang Pasukan Kawalan Kampung berbanding dengan Pasukan Komunis (8,000 orang antara tahun 1948 - 1950-an) tetapi buat beberapa waktu gerila-gerila komunis telah mengekalkan semangat perjuangan mereka dengan menyerang hendap pasukan keselamatan dan mengganggu-gugat keamanan awam.

Operasi-operasi yang dijalankan oleh pasukan polis dan tentera kadangkala menjadi kecewa kerana adanya sokongan dari penduduk tempatan terutama orang-orang Cina terhadap perjuangan komunis.

Untuk melindungi jiwa rakyat dan harta benda, kerajaan telah mengambil langkah-langkah dengan mengadakan satu sistem pertahanan yang mahal dan lengkap seperti mengadakan pagar-pagar berduri, lampu-lampu yang cerah (*spotlight*). Sistem perhubungan yang lengkap, kereta-kereta kebal/perisai serta lain-lain kemudahan yang diurus dan dikendalikan oleh orang-orang yang terlatih.

Dalam kegiatan komunis itu, mereka sering mengeluarkan ancaman terhadap pengurus-pengurus ladang dan lombong,

kemudian dengan serta merta menawarkan “kerjasama” dengan kerajaan Malaya jika perang merebak ke Timur Jauh.

Enam bulan kemudian, pada 8 Disember, 1941, bila askar-askar Jepun menyerang Malaya dan Pearl Harbour, PKM menawarkan lagi khidmatnya kerana Jepun telah menjadi “musuh bersama.” Pihak British tanpa pilihan lain lagi terpaksa menerima tawaran itu.

Kerajaan menerima syarat komunis bahawa setiap orang anggotanya berada dalam tahanan mesti dibebaskan. Parti bersetuju bahawa anggota-anggota mudanya mesti diberi latihan perang di sekolah yang ditubuhkan di Singapura. Kira-kira 200 orang komunis menerima latihan sebelum Singapura jatuh ke tangan Jepun pada 15 Februari, 1942. Mereka dan askar-askar British, termasuk gerila-gerila Cina dan Melayu telah masuk ke hutan di semenanjung untuk melancarkan operasi terhadap pendudukan Jepun.

Oleh kerana mereka tidak mempunyai pemimpin, mereka bercempera ke merata tempat bila askar-askar Jepun memburu mereka berhabis-habisan. Untuk mengelak dari buruan askar-askar Jepun itu, mereka terpaksa berdiam diri berbulan-bulan untuk mengelak dari dapat dikesan oleh pihak tentera Jepun.

Lama kelamaan mereka bertapak di hutan dan membuat kubu-kubu di tengah belantara untuk melancarkan penentang-an terhadap pihak berkuasa. Mereka mendapat bekalan makanan, perubatan dan lain bekalan dari penyokong-penyokongnya yang bersimpati dengan perjuangan mereka.

Di Malaya, dari awal tahun 1948, komunis mula menunjukkan taringnya dengan melancarkan keganasan dan pembunuhan. Mereka membunuh buruh-buruh estet dan pekerja-pekerja. Mereka mengancam pihak British dan membunuh kaki-tangan-kakitangan. Mereka menyerang balai polis dan meng-ganas terhadap orang-orang yang tidak mahu membantu perjuangan mereka. Kesemua tindakan ganas ini dilakukan oleh *mobile killing corps* yang ditubuhkan oleh pasukan rahsia parti yang tinggal di hutan belantara semenjak akhir Perang Jepun.

Dari tindakan ganas komunis itu, pihak berkuasa ter-



Untuk mengatasi masalah kegiatan komunis itu, pihak kerajaan telah melancarkan satu skim penempatan untuk semua kampung-kampung setingan dari keturunan Cina. Kampung-kampung baru dikepung dan dikenakan kawalan ketat. Tetapi dasar ini, tidak lama, kerana adalah mustahil untuk meneruskannya berdasarkan perikemanusiaan dan juga atas dasar kepentingan ekonomi penduduk dan negara.

Kemudian daripada itu, dilaksanakan pula Rancangan Briggs yang memindahkan setingan-setingan dan lain-lain ke tempat penempatan baru. Briggs pada masa itu ialah Pengarah Gerakan menentang komunis pada tahun 1949. Kampung-kampung yang berjauhan telah digantikan dengan kampung-kampung baru yang padat, dikelilingi dengan pagar berduri serta dilindungi oleh sebuah balai polis. Pihak pasukan keselamatan sentiasa mengadakan kawalan di kampung-kampung tersebut tidak kira siang atau malam. Dengan cara itu, penghuni-penghuni tersebut akan terselamat daripada ugutan dan ancaman pegganas-pegganas komunis. Secara tidak langsung hubungan mereka dengan pegganas komunis telah terputus. Ini memberikan pukulah teruk kepada komunis.

Dari rancangan tersebut, penduduk-penduduk di kampung-kampung baru itu mendapat beberapa faedah. Mereka disediakan dengan segala kemudahan asas seperti tanah, air paip, sekolah, dewan orang ramai, kuasa elektrik dan sebagainya. Rancangan tersebut merupakan pertama kalinya pihak kerajaan dapat mengawal dan memaksa kaum-kaum Cina menyesuaikan diri dengan sistem politik dan sosial Tanah Melayu. Kampung Baru dalam segi jangka panjangnya boleh menolong mengubahsuaikan diri mereka dan cara hidup dan latar belakang sosial penduduk Tanah Melayu yang lain.

Beberapa langkah lain juga diambil oleh kerajaan untuk menghadapi darurat seperti mengenakan catuan makanan, mengeluarkan kad pengenalan, mengenakan perintah berkurung dan mengadakan pemeriksaan ke atas orang-orang yang disyaki.

Dalam kegiatan menentang keganasan komunis, peranan Jeneral Sir Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi British adalah



dengan meminta wang dan bantuan. Jika enggan bekerjasama mereka diugut untuk diambil nyawa mereka.

Kemuncak dari tindakan komunis untuk mengharu-birukan pemimpin-pemimpin kerajaan, mereka telah membunuh Sir Henry Gurney dalam satu serang hendap pada bulan Oktober, 1951.

Dalam tahun 1948 dan tahun-tahun berikutnya, bilangan mangsa yang telah dibunuh bertambah. Peringkat awal sasaran mereka ialah peladang-peladang Inggeris dan Eropah. 1/10 daripada peladang Eropah telah dibunuh oleh komunis. Kakitangan tempatan dan buruh-buruh ladang getah juga diganggu-gugat dan mengalami kekejaman komunis sebagai amaran kepada orang-orang lain supaya jangan menolak permintaan komunis untuk mendapatkan bekalan makanan, wang dan maklumat.

Mana-mana ladang yang enggan memberikan kerjasama, komunis telah bertindak membakar bangunan-bangunan, ladang getah dan kenderaan-kenderaan.



*Mangsa kekejaman komunis.*

besar. Sistem yang dijalankannya ialah menggabungkan operasi tentera dengan pentadbiran awam. Sistem gabungan telah memberikan kesan terhadap kegiatan komunis. Kegiatan mereka semakin lumpuh dan terhad.

Kegagalan perjuangan komunis bolehlah didasarkan kepada sebab-sebab berikut, antaranya:

- Kekejaman yang memusnahkan nyawa dan harta benda menyebabkan PKM kurang mendapat simpati dari nasionalis-nasionalis Cina dan golongan intelektual sayap kiri di Tanah Melayu. Bagi orang-orang Melayu dan India, PKM merupakan gambaran keganasan perkauman Cina.
- Penyertaan Pemimpin Tanah Melayu dalam kerajaan dan peluang-peluang yang semakin cerah ke arah berkerajaan sendiri juga merupakan satu cara mengasingkan PKM daripada nasionalis-nasionalis yang diharapkan oleh PKM untuk menyokong perjuangan mereka untuk kebebasan daripada penjajah Inggeris.
- Usaha-usaha ketenteraan termasuklah menumpukan perhatian yang lebih terhadap aktiviti inteligen, pencatuan makanan, perang urat saraf dan menambahkan bilangan askar serta polis di kawasan tertentu merupakan tekanan yang dapat melemahkan semangat komunis untuk berjuang.
- Kegagalan komunis di Tanah Melayu ialah disebabkan para pemimpinnya kurang berkualiti. Selain Chin Peng, tidak diketahui dengan jelas kebolehan pemimpin-pemimpin yang lain. Tidak ada pemimpin yang bersifat *theoretician* atau *strategist* bagi menafsirkan semula garis perjuangan parti.

Kemuncak dalam mengatasi pemberontakan bersenjata komunis ialah Rundingan Baling (28 dan 29 Disember, 1955) di antara Perdana Menteri Tanah Melayu, YTM Tunku Abdul

Rahman Putra Al Haj dan Singapura yang diwakili oleh David Marshall dengan Chin Peng (Setiausaha Agung PKM) yang disertai juga oleh Rashid Madin dan Chen Tien. Rundingan Baling gagal kerana PKM memohon agar mereka diberikan pengiktirafan serta dibenarkan mengamalkan ideologi mereka. Permohonannya tidak dapat diterima sama sekali oleh kerajaan.

jadi, maka pada 12 Julai 1948 Sir Alec Newbould, wakil Pesuruhjaya Tinggi yang telah meninggal itu telah mengisytiharkan darurat untuk seluruh Persekutuan. Parti Komunis Malaya (PKM) dan beberapa buah persatuan yang dianggap berbahaya kepada negara telah diharamkan.

Orang-orang yang disyaki terlibat dengan PKM atau persatuan-persatuan yang diharamkan telah ditangkap dan ditahan. Tindakan tersebut telah melibatkan beribu-ribu orang masuk ke dalam kem tahanan.

#### Kejayaan Kempen Gempur Terhadap Komunis Dari Tahun 1948-1951:

Pada peringkat awal pemberontakan bersenjata yang dilancarkan oleh penganas komunis jumlahnya lebih kurang 4 atau 5 ribu sahaja, tetapi pada permulaan tahun 1950, jumlahnya dikatakan bertambah sehingga 8 ribu orang. Jumlah tersebut menurun pula pada tahun-tahun berikutnya.

Pada mulanya, komunis menyebut diri mereka sebagai orang-orang *The Malayan People's Anti British Army* (Kemudian ditukar menjadi *The Malayan Races' Liberation Army*).

Kumpulan mereka pada peringkat awalnya mengandungi beberapa unit kecil yang secara senyap-senyap membunuh pekerja-pekerja ladang, lombong-lombong, mata-mata, askar-askar dan orang-orang biasa (kebanyakannya orang-orang Cina) yang enggan bekerjasama dengan mereka. Dalam keganasan itu, mereka membakar gudang-gudang, rumah-rumah, kereta-kereta, merosakkan rel kereta api, pohon-pohon getah ditebang atau ditoreh sendiri untuk dijual getahnya.

Pihak penganas komunis itu dikatakan mendapat bekalan makanan, ubat-ubatan, pakaian dan keterangan-keterangan sulit dari ahli-ahli Min Yuen (Gerakan Rakyat), iaitu sebuah pertubuhan yang dianggotai oleh lelaki dan wanita dari keturunan orang-orang Cina. Pertubuhan ini dikatakan berpusat di bandar-bandar, di kampung-kampung, dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengan hutan. Jumlah ahlinya dikatakan hampir

### DARI ZAMAN DARURAT HINGGA TERCAPAINYA KEMERDEKAAN

KETIKA kaum pengganas komunis menembak mati dua orang pengurus dan seorang penolong pengurus dari bangsa Inggeris pada 16 Jun 1948 dalam satu serbuan ke atas tiga buah ladang getah di Sungai Siput Perak, baharulah pihak berkuasa Inggeris menyedari akan gentingnya ancaman pihak komunis, yang secara berani telah melakukan pemberontakan bersenjata.

Dengan berlakunya pembunuhan itu, Sir Edward Gent, Pesuruhjaya Tinggi telah mengisytiharkan darurat di Perak dan Johor. Pada hari yang sama juga berlaku keganasan komunis di dua daerah, di mana pembunuhan dan penganiayaan berlaku.

Oleh kerana situasi bertambah genting, kira-kira dua minggu kemudian, Sir Edward Gent telah dipanggil balik ke London untuk mendapat penerangan lanjut mengenai keadaan cemas dalam Tanah Melayu ketika itu. Tetapi Sir Edward Gent tidak sempat menyampaikan laporannya kerana kapal terbang yang dinaikinya telah berlanggar dengan sebuah kapal terbang lain di ruang udara London. Beliau menemui ajalnya.

Keganasan yang dilakukan oleh komunis semakin menjadi-

setengah juta orang. Bukan kesemua yang menganggotai pertubuhan itu dengan rela hati, setengahnya kerana terpaksa dan takut akan ancaman-ancaman maut dari pihak PKM.

Perjuangan pengganas-pengganas komunis di Tanah Melayu dikatakan mendapat semangat baru selepas tentera Komunis China di Tanah Besar China dapat mengalahkan tentera-tentera nasionalis China, sehingga menyebabkan ketuanya, Chiang Kai Shek lari ke Taiwan (Formosa) pada permulaan tahun 1949.

Galakan semangat mereka bertambah selepas Parti Komunis China berjaya menubuhkan Republik Rakyat China pada 1 Oktober 1949, dan kemenangan tentera sukarela China dalam Perang Korea tahun 1950-51.

Moral atau semangat mereka bertambah kuat selepas berlakunya tragedi sedih bagi kerajaan Inggeris pada 7 Oktober 1951, bila suatu pasukan pengganas telah berjaya menembak mati Pesuruhjaya Tinggi, Sir Henry Gurney (pengganti Sir Edward Gent) yang sedang dalam perjalanan dengan kereta bersama isterinya dari Kuala Lumpur ke Bukit Fraser.

Kejayaan mereka menembak mati Henry Gurney itu dianggap suatu kemenangan bersejarah bagi PKM dan peristiwa itu secara tidak langsung telah menambahkan lagi semangat mereka. Tragedi itu menjadi gempar seluruh Malaya dan England. Walaupun PKM berjaya menembak mati Henry Gurney, tetapi perasaan benci rakyat terhadap mereka semakin bertambah. Rakyat mengutuk peristiwa tersebut.

Kerana tidak mendapat simpati dan sokongan rakyat (yang katanya hendak dibebaskan dari penjajahan itu) maka pihak pimpinan tertinggi PKM mulai sedar bahawa kempennya untuk melaksanakan objektifnya yang kedua (menduduki sebuah daerah untuk dijadikan pangkalan Republik Rakyatnya) tidak akan berjaya, dan sekarang mereka mulai faham, bahawa tanpa sokongan rakyat sepenuhnya, hasrat dan impian mereka tidak akan terlaksana.

Selain dari itu, pihak Kerajaan Persekutuan telah pun mula membuat polisi politik dua halanya iaitu berjuang untuk

meleburkan komunis dan mencari jalan keluar untuk mengatasi masalah fahaman perkauman antara beberapa suku ras terbesar di Tanah Melayu terutama antara orang-orang Melayu dengan Cina.

Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi yang menggantikan Sir Edward Gent itu dikatakan mempunyai pandangan politik yang berbeza dengan rakan-rakannya yang terdahulu. Beliau berpendapat komunis hanya akan dapat dikalahkan kalau gerakan tentera dapat diimbangi dengan dasar politik dan ekonomi. Katanya, kalau kemajuan dan kemakmuran rakyat berbilang bangsa dapat ditingkatkan maka pengaruh komunis boleh dileburkan. Rakyat seharusnya diberi kesedaran bahawa dasar demokrasi adalah jauh lebih baik dari dasar komunis.

Dalam zaman darurat itu, sebilangan besar orang-orang Cina mengambil sikap berdiri atas pagar. Mereka berada dalam dilema. Kalau mereka memperlihatkan sokongan kepada kerajaan, mereka sudah pasti akan menerima ancaman maut dari pengganas-pengganas komunis. Kalau mereka menyokong komunis, bererti mereka akan menyokong corak keganasan yang dilakukan PKM, di samping mendapat cap hitam dari kerajaan. Oleh kerana kerajaan sendiri pada waktu itu tidak dapat memberikan jaminan keselamatan kepada mereka, maka cara paling baik mereka lakukan ialah "berdiri atas pagar."

Orang-orang Melayu pada umumnya menaruh syak wasangka kepada orang-orang Cina kerana yang menganggotai PKM sebilangan besar ialah orang-orang Cina.

Situasi unik di Tanah Melayu ini menyebabkan Henry Gurney berpendapat bahawa orang-orang Cina seharusnya dipujuk untuk menyebelahi kerajaan, sementara orang-orang Melayu pula seharusnya diinsafkan bahawa Persekutuan Tanah Melayu hanya akan dapat status berkerajaan sendiri kalau kerjasama antara tiga ras terbesar, Melayu, Cina dan India dapat diwujudkan.

Salah seorang pemimpin Melayu yang menyedari bahaya perkauman ketika itu ialah penentang Malayan Union, Dato Onn Jaafar. Dato Onn memang seorang pemimpin Melayu yang



Undangan Persekutuan), Dr. Mustaffa Osman (ahli Jawatan-kuasa kerja UMNO) dan Dato Zainal Abidin Abbas (Setiausaha Agung UMNO). Anggota-anggota lain ialah Dato Tan Cheng Lock mewakili masyarakat Cina dan Dato E. Thuraisingham mewakili masyarakat India.

Dato Onn yang memimpin UMNO pada waktu itu telah mengambil keputusan meninggalkan parti itu selepas persidangan pada 20 Mei 1952. Beliau mengambil keputusan meninggalkan UMNO selepas cadangannya untuk membuka pintu kepada orang-orang bukan Melayu menyertai UMNO mendapat tentangan. Selepas berhenti dari UMNO, Dato Onn menubuhkan *Independence of Malaya Party* (IMP).

Tempat Dato Onn sebagai Pengerusi UMNO, diambil alih oleh Tunku Abdul Rahman Putra. Sebelum ini pun Tunku memang sudah berminat dalam pergerakan politik, pernah menjadi penasihat kepada pertubuhan politik bernama Seberkas di Kedah, disamping menjadi Pegawai Daerah di negeri itu.

Beliau menjadi Pegawai Daerah di Kedah antara tahun 1946 - 48. Pada tahun 1948, beliau dilantik menjadi *Deputy Public Prosecutor* di Kuala Lumpur.

Oleh kerana Tunku terkenal sebagai seorang yang jujur dan menganut fahaman politik yang sederhana maka dalam persidangan Agung UMNO 1951, beliau telah dipilih menjadi Pengerusi UMNO. Pemilihan Tunku telah membuka lambaran sejarah baru bagi UMNO, pertama; Tunku dapat memperkuatkan UMNO walaupun selepas ketiadaan Dato Onn dan kedua, Tunku dapat menjalin kerjasama antara UMNO dengan bangsa-bangsa lain sehingga tercapainya kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

### Kempen Melebur Komunis Antara 1950-51

Lain pemimpin, lain taktik perjuangannya. Begitulah dengan dasar yang diambil oleh Leftenan Jeneral Sir Harold Briggs yang datang untuk berkhidmat di Malaya pada bulan Mac 1950 untuk memegang jawatan Pengarah Operasi (*Director of*



sangat kuat mempertahankan hak-hak orang-orang Melayu, selain itu beliau juga cuba menghindarkan bahaya api perkauman dari merebak dan merosakkan keamanan negara.

Pada bulan Oktober 1948, Dato Onn telah melakukan lawatan ke London untuk berbincang dengan pegawai-pegawai tertinggi British. Sekembalinya ke Tanah Melayu, beliau mula menyedari betapa pentingnya langkah segera diambil untuk menghindarkan api perkauman.

Oleh kerana kedapatan orang-orang Cina yang menyokong PKM pada zaman darurat itu, maka suara-suara dalam akhbar Melayu ketika itu agak tajam dan sinis.

Akhbar Majlis umpamanya, terbitan 24 Oktober 1948 antara lain mencadangkan supaya orang-orang Cina yang disyaki membantu komunis dihantar balik sahaja ke negeri China.

Suara-suara seperti itu dianggap merbahaya oleh pegawai-pegawai British, maka pada 31 Disember 1948, dengan kerjasama Tun Malcom MacDonald, Pesuruhjaya Tinggi Jajahan Inggeris di Asia Tenggara, Dato Onn yang masa itu menjadi Pengerusi UMNO merangkap Menteri Besar negeri Johor telah mengadakan pertemuan dengan 21 orang pemimpin terkemuka berbilang bangsa di Tanah Melayu dan Singapura. Pertemuan itu diadakan di rumah Dato Onn di Johor Bahru. Antara orang-orang terkemuka yang hadir ialah Dato Tan Cheng Lock, Dato E. Thuraisingham dan Sir Roland Bradell (Penasihat Undang-undang kepada UMNO).

Hasil dari pertemuan itu mereka mengambil keputusan untuk menubuhkan *Communities Liaison Committee* yang akan menjadi badan setengah rasmi untuk mengadakan kerjasama antara berbagai ras di Tanah Melayu.

Akhirnya, dalam pertemuan kedua di Pulau Pinang pada bulan Januari 1949, badan tersebut menjadi kenyataan pada 10 Januari, 1949. Anggota Pengurusnya terdiri dari 9 orang, 5 Melayu, iaitu: Dato Onn Jaafar, Dato Panglima Bukit Gantang, (Menteri Besar Perak dan AJK UMNO), Encik Salleh Hakim (ahli Jawatankuasa kerja UMNO dan Ahli Dewan

*Operations*) di bawah Pesuruhjaya Tinggi Sir Henry Gurney.

Dalam satu surat arahannya, dia menulis: "Lindungilah daerah-daerah yang didiami penduduk, potonglah garis-garis perhubungan musuh, cegahlah kemasukan makanan dan barang-barang keperluan lain ke tangan musuh supaya mereka dapat dipaksa keluar dari tempat persembunyiannya dan di situlah musuh-musuh seharusnya dimusnahkan."

Surat tersebut berupa perintah untuk dilaksanakan oleh orang-orang Briggs dalam bidang kawalannya.

Untuk mencegah aliran bekalan ke pihak musuh maka pada awal tahun 1951, telah dilaksanakan perkampungan semula (*resettlement*) terhadap penceroboh-penceroboh tanah atau setingggan-setingggan yang sebilangan besar terdiri dari orang-orang Cina. Pihak kerajaan juga mengadakan pengawasan terhadap penjualan dan pengangkutan bahan-bahan makanan, pakaian, ubat-ubatan, dan lain-lain. Para pekedai diarah mencatat nama-nama pelanggannya dan jumlah pembelian mereka.

Menubuhkan semula perkampungan-perkampungan bukanlah perkara mudah kerana hampir sejuta penduduk terlibat tetapi usaha tersebut terpaksa diteruskan juga. Perbelanjaan yang besar terpaksa digunakan tetapi mujurlah juga harga getah meningkat akibat dari kesan Perang Korea tahun 1950 - 51.

Penubuhan semula kampung-kampung baru ternyata memberi kesan. Penduduk-penduduk merasa lebih selamat kerana adanya kawalan-kawalan.

Pada akhir bulan November 1951, Menteri Jajahan *Ingeris*, *Oliver Lyttelton* telah datang ke Malaya untuk meninjau kedudukan sebenar terutama usaha yang telah dilakukan untuk meleburkan komunis. Beliau telah mengadakan rundingan dengan para pemimpin dari berbagai kaum. Selain itu beliau juga mengadakan rundingan-rundingan dengan pengurus-pengurus ladang dan lombong. Para pemimpin kaum itu telah menggesa Lyttelton mengambil tindakan tegas untuk meleburkan komunis yang masih menjadi ancaman besar.

Pada tahun 1952, seorang Jeneral Inggeris bernama Sir Gerald Templer telah ditugaskan pula ke Malaya sebagai Pesuruhjaya Tinggi. Beliau diberikan kuasa dan tanggungjawab untuk menghadapi dua peperangan iaitu; a) Peperangan terhadap komunis dan b) peperangan terhadap fahaman perkauman. Beliau dibantu oleh Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Donald MacGillivray yang ditugaskan untuk mengetuai pentadbiran awam (*Civil Administration*).

### Perkembangan Antara Tahun 1952-1955

Templer yang mendapat mandat dari kerajaan Inggeris itu telah merancang rancangan untuk mempercepatkan perkembangan politik di Tanah Melayu, di samping berusaha dengan lebih gigih bagi meleburkan pergerakan komunis.

Kerajaan Inggeris pada dasarnya telah mempunyai rancangan untuk melepaskan Tanah Melayu dari belenggunya, itupun bergantung kepada keadaan kaum dan politik di Tanah Melayu.

Templer telah merancang rancangan-rancangan untuk mencapai kemajuan dalam dua kempennya iaitu terhadap komunis dan perkauman:

**Kempen Melebur Komunis:** Usaha menubuhkan semula perkampungan setinggan sudah pun dilakukan sebahagiannya oleh Leftenan Jeneral Briggs. Templer meneruskan lagi rancangan itu dengan mengemaskini beberapa perkara seperti menyekat bekalan dan aliran maklumat yang mungkin diperolehi oleh pihak komunis dari penduduk-penduduk setinggan itu.

Pergerakan penghuni-penghuni di kampung-kampung baru itu sentiasa diawasi dari semasa ke semasa.

Pihak komunis juga dikatakan telah menukar taktik mereka. Kalau dahulu mereka melakukan keganasan secara melulu terhadap rakyat jelata, sekarang mereka menukar taktik, kerana perlakuan ganas itu sudah pasti akan menambah kebencian rakyat terhadap mereka.

untuk menjaga keselamatan kampungnya dari penyerapan anasir-anasir komunis.

#### Menuju Kemerdekaan:

Dalam bulan Ogos 1955, YTM Tunku Abdul Rahman telah membentuk kabinet yang terdiri dari beliau sendiri menjadi Ketua Menteri dan 5 orang Melayu lainnya, 3 Cina dan 1 India sebagai anggota jemaah menterinya.

Kabinet itu termasuk dalam *Executive Council* yang diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi. Ahli-ahli council itu terdiri daripada kabinet tersebut dengan ditambah 5 orang pegawai tinggi dari bangsa Inggeris (Setiausaha Agung, Peguam Negara, Setiausaha Kewangan, Setiausaha Pertahanan dan Setiausaha Iktisad).

Sementara itu, penganas komunis yang sudah semakin lemah itu, tiba-tiba pada bulan Jun 1955 menawarkan diri untuk mengadakan rundingan antara pihaknya dengan pemimpin-pemimpin politik kerajaan persekutuan. Tawaran itu dinyatakan dalam sepucuk surat yang ditandatangani oleh seorang yang menamakan dirinya Ng Heng (nama ini kemudian dikenali sebagai salah satu nama yang digunakan oleh Setiausaha Agung PKM, Chin Peng).

Mungkin pada waktu menjelang pilihan raya itu, PKM merasa perjuangannya tidak sesuai lagi dengan cogan kata anti penjajahan Inggeris kerana pihak Inggeris sudah pun memajukan dasar demokrasi dengan meluluskan suatu pilihan raya akan diadakan pada bulan Julai 1955, yang kemudiannya akan disusuli pula dengan pemberian kemerdekaan. Atas alasan ini mungkin PKM cuba "memancing" dengan mengajak kerajaan berunding dengannya.

Tawaran itu diajukan pada bulan Jun 1955, tetapi tidak diambil berat oleh kerajaan. Pihak kerajaan merasakan tidak perlu mengadakan rundingan dengan PKM kerana kedudukan PKM pada masa itu berada dalam keadaan lemah. Tetapi selepas kerajaan Perikatan (UMNO, MCA dan MIC) berjaya dalam

Pada tahun 1952, mereka mengurangkan tindakan keganasan dan menarik sebilangan besar ahli-ahlinya masuk ke hutan. Mereka tidak lagi menyerang rakyat jelata tetapi menumpukan serangan mereka terhadap pasukan keselamatan. Usaha mereka untuk mendapat simpati kelas menengah gagal. Mereka tidak memperolehi simpati. Templer terlebih dulu telah memikat masyarakat kelas menengah supaya menyertai kerajaan dalam memerangi PKM.

Templer telah memperhebatkan serangan terhadap komunis. Pasukan askar Melayu diperbesar sehingga menjadi 7 batalion. Ia turut diperbantu oleh askar-askar Gurkha, Fiji, Afrika Timur, Australia dan lain-lain. Templer juga melatih orang-orang asli untuk membantu kerajaan mengesan pengganas komunis. Pada tahun-tahun sebelumnya, kedapatan sebilangan orang-orang asli membantu pihak komunis.

Taktik perang baru dilancarkan. Pihak tentera menumpukan kegiatannya terhadap sesuatu daerah yang diketahui menjadi sarang komunis. Kawasan ini dipanggil "daerah hitam." Di kawasan ini, askar-askar akan membuat pengawasan makanan dan gerak-geri penduduknya. Akibat dari pengawasan yang ketat itu, komunis-komunis yang bersembunyi di kawasan itu telah terputus bekalan makanan dan maklumat. Dan akhirnya mereka menjadi lemah, terperangkap dan seterusnya menyerah diri.

Apabila daerah hitam sudah dapat dibersihkan dari anasir-anasir komunis, maka ia diisytiharkan sebagai "kawasan putih" dan undang-undang darurat mula dikendurkan. Begitu lah yang dilakukan oleh Jeneral Templer sehingga beliau meninggalkan Tanah Melayu pada 1 Jun 1954.

Selama 1½ tahun Templer menjadi Pesuruhjaya Tinggi, pengganas komunis telah menderita kekalahan demi kekalahan dan ramai dari mereka yang terkorban.

Pada tahun 1953, barulah penyusunan semula perkampungan baru selesai. Sehingga tahun tersebut terdapat kira-kira 300 buah kampung baru diwujudkan, dan di tiap-tiap buah kampung itu telah ditubuhkan pasukan pengawal kampung

pilihan raya itu maka dalam bulan September 1955, kerajaan Persekutuan telah menawarkan pengampunan beramai-ramai kepada komunis. Tawaran pengampunan itu dilakukan dengan menggugurkan 40 juta surat edaran dari kapal terbang ke dalam hutan tetapi tidak mendatangkan hasil.



*Jurugambar sibuk mengambil gambar sebelum rundingan dijalankan. Dari kiri ke kanan David Marshall, Tunku Abd. Rahman dan Tan Cheng Lock.*

Pada 17 November 1955, Chin Peng telah menulis surat kepada YTM Tunku Abdul Rahman meminta diadakan rundingan untuk mengakhiri perang. Tunku telah menerima baik cadangan itu dan akhirnya rundingan tersebut diadakan di Baling, Kedah pada 28 Disember 1955.

Beberapa minggu sebelum rundingan dengan Chin Peng di Baling, Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan, Sir Donald MacGillivray mengumumkan bahawa keadaan darurat tidak lagi menjadi penghalang utama untuk Tanah Melayu mencapai taraf berkerajaan sendiri.

Pengumuman itu disambut dengan gembira oleh penduduk Tanah Melayu. Persidangan Agung UMNO yang diadakan kemudiannya memutuskan supaya dituntut kemerdekaan selewat-lewatnya pada 31 Ogos 1957.

Pada 2 Januari 1956, YTM Tunku bersama dengan wakil-wakil para Sultan dan Perikatan telah bertolak ke London untuk mengadakan rundingan dengan kerajaan Inggeris.

Mereka telah mengadakan rundingan dengan Menteri Jajahan Inggeris, Alan Lennox-Boyd dan lain-lain pegawai

Tanggal 12 October, 1957.

Yang Berhormat Perdana Menteri,  
Persekutuan Tanah Melayu.

Dengan hormatnya saya maa'lomkan bahawa saya bersedia berunding semula dengan Tengku untuk menchapai suatu persetujuan yang a'dil dan menasabah bagi menamatkan peperangan.

Dalam hal ini, agar perundingan kita pada kali ini dapat menchapai persetujuan dengan lunaknya, maka saya menhadangkan hendaknya diadakan terlebih dahulu pertemuan pendahuluan diantara wakil2 dari pihak saya dengan pihak Tengku.

Sekianlah terimakasih.

Yang benar,

.....  
(Cheng Ping)  
Setiasaha Agong,  
Party Komunis Malaya.

*Surat Chin Peng kepada Tunku bertarikh 12 Oktober, 1957, meminta diadakan rundingan semula.*



## SURAT CHIN PENG

TAHUN 1955 wajar sekali dianggap tahun yang paling istimewa sepanjang zaman darurat (menghapuskan pengganas komunis) di Tanah Melayu. Ini ialah kerana pada tahun itu, penekanan mula beralih dari menentang pengganas komunis kepada mengadakan pilihan raya menuju kemerdekaan, sungguhpun 25,000 orang askar British masih jauh dari berjaya menyempurnakan tugas mereka.

Setelah enam tahun lebih penduduk Tanah Melayu sentiasa dicengkam ketakutan oleh ancaman pengganas komunis, tiba-tiba keadaan pada tahun itu bertukar disebabkan keghairahan negara menghadapi pilihan raya pertama.

Para ahli politik gigih berkempen dan mengadakan persiapan sepatutnya menjelang pilihan raya pada bulan Julai. Keyakinan terhadap kemerdekaan yang akan dicapai selepas pilihan raya telah kuat tertanam di jiwa rakyat kerana sungguhpun Pesuruhjaya Tinggi British masih memerintah atas nama Queen dengan kuasa pembatal, ini hanyalah peringkat akhir menjelang kemerdekaan. Banyak kuasa telah diserahkan secara beransur-ansur kepada rakyat.



British pada 18 Januari, 1956 hingga 8 Februari 1956. Rundingan tersebut tidak menghadapi banyak masalah dan akhirnya tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu telah ditetapkan pada 31 Ogos 1957.

Pada waktu Tanah Melayu mencapai kemerdekaan darurat masih belum tamat. Pada 3 September 1957, ketika Yang di Pertuan Agong membuka Persidangan Dewan Undangan, baginda menyatakan bahawa negara telah merdeka, maka tidak ada alasan lagi bagi komunis untuk membebaskannya dari penjajahan Inggeris, oleh itu mana-mana kaum komunis yang suka menyerah diri mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan bolehlah berbuat demikian dan kerajaan akan memberikan pengampunan.

Pihak komunis tidak memberikan jawapan segera terhadap seruan baginda itu, kecuali pada bulan November 1957, Chin Peng ada menulis surat lagi kepada Tunku meminta diadakan semula rundingan tetapi tidak menerima layanan yang sewajarnya.

Kerajaan telah melancarkan tindakan-tindakan yang teratur untuk mematahkan semangat komunis terutama kegagalan Chin Peng dalam kempenya dan rundingannya dengan Tunku. Rundingan Baling ternyata tidak memberikan sebarang hasil kepada Chin Peng dan beliau telah keluar sebagai seorang yang tewas dalam perjuangannya.

Akibat dari tindakan kerajaan yang tegas dan berani akhirnya darurat tamat pada tahun 1960. Pada waktu itu dikatakan hanya terdapat kira-kira 500 orang pegganas komunis yang masih belum menyerah, bertaburan antara sempadan Thai, Kedah dan Perak.

Ketika itu YTM Tunku Abdul Rahman telah sekali lagi menunjukkan kebijaksanaan politiknya. Beliau berazam untuk memenangi pilihan raya itu kerana beliau tahu sekiranya beliau menang, beliau pasti akan dapat memimpin negara apabila diberikan kemerdekaan.

Sebagai pemimpin Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) beliau menyedari bahawa bagi memastikan kemenangannya dalam pilihan raya beliau mesti mengukuhkan parti Perikatan dengan Persekutuan China Tanah Melayu (MCA) (yang telah memberikannya kemenangan dalam pilihan raya tempatan 1952) dengan memasukkan pula Parti Kongres India Tanah Melayu (MIC). Dengan itu tiga buah parti bergabung di dalam Perikatan.

Secara senyap-senyap Tunku berusaha mendapatkan sokongan kaum India itu dengan menawarkan mereka beberapa buah kerusi dengan syarat parti itu tidak mengemukakan calon-calon lain menentang beliau di kawasan-kawasan pilihan raya lain. Begitulah teguhnya kedudukan Parti Perikatan ketika itu. Selain daripada itu, menyedari rakyat telah bosan dengan gangguan pengganas komunis, Tunku telah menawarkan pula pengampunan kepada pemimpin komunis Chin Peng ke dalam manifesto pilihan rayanya.

Sebulan sebelum pilihan raya itu, dengan demam pilihan raya mencapai kemuncaknya, tiba-tiba Chin Peng membuat tawaran untuk berunding mencari penyelesaian damai di meja bulat.

Tawaran pertama Chin Peng itu dibuat dalam sepucuk surat yang dikirim di Haadyai, di selatan Thailand, dan dialamatkan kepada Persatuan Peladang Bersatu (*United Planters Association*) Tanah Melayu, untuk disampaikan kepada pertubuhan-pertubuhan politik dan perkauman. Di dalamnya dia telah mencadangkan supaya berbagai parti politik itu mengadakan satu persidangan bagi merancang cara-cara menamatkan pertempuran.

Chin Peng tidak memasukkan namanya di dalam surat itu, yang pertama dari beberapa pucuk surat yang dikirimnya.

Ia hanya ditandatangani oleh seorang bernama "Ng Heng, seorang wakil Ibu Pejabat Markas Tertinggi Tentera Pembebasan Malaya." Ketika itu pihak Cawangan Khas (*Special Branch*) telah selesai menyiapkan senarai pengganas-pengganas komunis yang dikehendaki tetapi ini tidak termasuk nama tersebut, dan kerana itu dapatlah dianggap nama itu sebagai nama samaran atau nama lain bagi Chin Peng.

Pemimpin komunis itu tentunya telah sengaja memilih waktu itu untuk melancarkan kempennya sendiri, menyedari kebanyakan parti-parti politik itu sedang menjadikan kemerdekaan dan keamanan sebagai modal manifesto pilihan raya mereka, tetapi kerajaan yang disokong teguh oleh para pemimpin politik Tanah Melayu, telah menolak surat itu sebagai hanya "tipu helah biasa Parti Komunis" bertujuan mengganggu pilihan raya itu.

"Kita telah melihat peralihan mengejut dasar komunis sebelum ini", kata satu kenyataan kerajaan, "dan kita tidak akan mudah terkeliru oleh tipu helah ini. Menyedari tujuan sebenar tawaran komunis itu dan motif di sebaliknya, kerajaan menolaknya bulat-bulat dan tidak berniat untuk berunding dengan pengganas komunis. Sekiranya pihak komunis benar-benar ingin menamatkan keadaan darurat, mereka boleh melakukannya hari ini."

Pada 31 Julai 1955, 85 peratus daripada pengundi telah turun membuang undi. Sungguhpun semangat nasionalisme Melayu merupakan faktor politik yang terkuat, Tunku dengan kebijakannya telah mengubahsuaikannya untuk menerima perlunya tolak ansur dengan masyarakat Cina dan India. Hasilnya ialah kemenangan besar bagi Parti Perikatan, yang memungut 818,000 undi dan menguasai 51 dari 52 buah kerusi. Dengan itu Tunku yang berusia 43 tahun itu telah menjadi Ketua Menteri Tanah Melayu yang pertama.

Usaha beliau menyatukan orang-orang Melayu, Cina dan India ke dalam parti tersebut tidaklah mudah, kerana sedikit sebanyak terdapat rasa saling curiga mencurigai antara satu sama lain yang tidak mudah dikikis//Bagaimanapun kerana

bolehlah menyerah diri dan dihantar pulang ke China.

Dua belas juta pas Pengampunan telah dijatuhkan di kawasan hutan belantara. Tercetak dalam bahasa Cina, Tamil dan Melayu, setiap risalah itu memberi jaminan:

Pemegang pas ini ingin menerima peraturan pengampunan am yang diisytiharkan oleh Kerajaan Persekutuan. Tunjuk arah telah pun diberikan kepada semua anggota pasukan keselamatan, polis, tentera dan para pegawai kerajaan, supaya memberikan layanan baik kepada pemegang pas ini. Mereka akan bertanggungjawab melaksanakan tunjuk arah ini.

Tunku nampaknya tidak berharap akan mendapat hasil yang segera dari tawaran pengampunan tersebut. Sebaliknya beliau menghendaki Chin Peng memberikan jawapan sambil kerajaan sabar menunggu. Tiga minggu kemudian Chin Peng memberikan jawapan bersurat menyatakan bahawa perjuangan penganas komunis telah berakhir dengan kekalahan. Dia meminta diadakan satu gencatan senjata dan rundingan bagi menamatkan perang. Surat-surat yang dikirim di Kampung Klian Intan di Perak, 11 batu ke selatan sempadan Thai, telah dialamatkan kepada Tunku, David Marshall, Ketua Menteri Singapura, dan beberapa orang ahli politik terkemuka lainnya. Kesemuanya bertandatangan, 'Yang benar, Chin Peng.' Reaksi pertama David Marshall ialah, 'Marilah kita bersikap adil kepada Chin Peng kerana suratnya yang tulus ikhlas itu.'

Chin Peng telah membuat tiga perkara pokok; dia ingin menghantar seorang utusan ke Kuala Lumpur; satu gencatan senjata serta-merta hendaklah diatur; dan pertemuan hendaklah diadakan di antara Tunku Abdul Rahman dan Chin Peng seberapa segera yang mungkin. 'Untuk mengelakkan kehilangan jiwa dan harta benda selanjutnya,' menurut surat Chin Peng, 'dan untuk membolehkan berbagai masalah politik diselesaikan secara aman, perlulah wakil-wakil berkenaan terlebih dahulu membuat persetujuan mengenai gencatan senjata sepenuhnya. Kami percaya bahawa sekiranya pihak berkuasa tentera British

masa depan negara sedang terancam, semua kaum tersebut telah meletakkan keyakinan mereka untuk menjadi asas bagi sebuah negara pelbagai kaum.

Tanah Melayu ketika itu hanya selangkah lagi ke arah kemerdekaan, dan satu peringkat baru peperangan telah terbuka dalam mana orang-orang Melayu akan memikul tanggungjawab yang lebih besar.

Dalam kenyataan terbuka beliau yang pertama Tunku telah berjanji bahawa keutamaan pertama beliau ialah menamatkan segera darurat dan bahawa beliau akan menawarkan pengampunan pada waktu yang tepat dan dengan nasihat para pakar.

Beliau menegaskan bahawa keutamaan keduanya ialah mendapatkan kemerdekaan, sungguhpun beliau tidak akan "terburu-buru mendapatkannya." Beliau bagaimanapun telah mengecam keras pengekalan kuasa pembatal (*veto*) di tangan Pesuruhjaya Tinggi, menekankan bahawa kuasa-kuasa tersebut hendaklah merupakan 'kuasa penasihat semata-mata' dalam masa dua tahun atau lebih awal lagi jika mungkin.

'Sekiranya Pesuruhjaya Tinggi itu membatalkan rang undang-undang yang kami luluskan,' tegas beliau, 'kami tidak akan dapat menjalankan tugas untuk rakyat dan lebih baik sahaja kami menarik diri. Bukanlah tujuan kami untuk bersengketa, tetapi saya tidak akan duduk diam sehingga soal kuasa pembatal ini akhirnya diselesaikan.'

Bagaimanapun tiada kuasa pembatal atau perselisihan terjadi apabila pada 9 September Tunku menawarkan pengampunan kepada Chin Peng, tawaran murah hati yang kerananya Tunku telah bersedia membebaskan para pengganas komunis yang telah melakukan pembunuhan.

'Sesiapa di antara kamu yang datang menyerah diri tidak akan didakwa kerana sebarang kesalahan yang berhubung dengan darurat yang telah kamu lakukan di bawah arahan komunis sama ada sebelum tarikh ini atau kerana tidak mengetahui perisytiharan ini,' demikian janji Tunku. Mereka yang telah enggan membuang kepercayaan komunis mereka

bersikap jujur, satu gencatan senjata sepenuhnya boleh dilaksanakan segera.'

Surat Chin Peng itu jelas menunjukkan bahawa dia menyedari satu perkara pergerakan nasionalis Tanah Melayu telah jatuh ke tangan para penentanginya dan dia sedang berusaha mendapatkan suatu persamaan yang akan menamatkan revolusi tidak berguna yang akan memberi sedikit faedah kepada dirinya. Surat itu ketara sekali untuk diterbitkan sepenuhnya di *Cominform Journal* di Rusia.

Perasaan Tunku pula nyata sekali, jelaslah Chin Peng sungguh merasa bimbang tentang masa depan, terutamanya setelah Kerajaan Perikatan 'telah berjaya mendedahkan belang sebenar di sebalik perjuangan anti penjajahan Parti Komunis Malaya.' Dan beliau telah memberitahu sahabat-sahabat karib bahawa beliau tidak membantah diadakan pertemuan dengan Chin Peng sekiranya itu dapat menyegerakan tamatnya permusuhan.

Tawaran Chin Peng itu rupanya, merupakan rahmat besar kepada Tanah Melayu dan melemahkan terus perjuangan komunis, kerana terdapat dua reaksi yang jauh bertentangan terhadapnya di Kuala Lumpur.

Para ahli politik tersebut yang telah berjanji untuk berusaha mencapai keamanan berpendapat pertemuan itu wajar sekali diadakan, bahawa Chin Peng akan menyerah diri dan bahawa sekiranya komunis dibenarkan kekal sebagai sebuah parti politik yang sah mereka boleh diawasi.

Dengan pihak Cawangan Khas menentang pertemuan itu, suasana semakin tegang di Kuala Lumpur dan ramai tokoh politik terkemuka mula percaya bahawa pihak British tidaklah terlalu ghairah untuk menamatkan perang, kerana telah sejak lama lagi persetujuan dibuat bahawa kemerdekaan akan hanya diberikan selepas tercapai kemenangan menentang komunis. Seperti tulisan Harry Miller, 'kerajaan British tiba-tiba sahaja menjadi tidak popular di segi politik. Mereka telah disyaki tidak ingin memberikan kemerdekaan kepada negara ini.'

Pada hakikatnya pihak British menghadapi keadaan serba



*Masyarakat Cina mengadakan tunjuk perasaan Anti Komunis.*

salah, kerana sekiranya ia menghalang Tunku dari menggunakan kekerasannya dan cuba menamatkan peperangan, ia akan dituduh mengamalkan dasar 'penjajahan.' Sekiranya ia



Thomson menganggap penyelesaian itu sebagai 'membuang beberapa tahun masa yang terpaksa ditunggu oleh Tanah Melayu bagi mendapatkan kemerdekaan.' Dan anehnya surat Chin Peng tersebut telah menyegerakan tarikh tersebut.

Berpandukan ini kerajaan berpendapat tiada sebab kenapa rundingan awal (dengan Chin Peng) tak patut diadakan. Chin Peng yang tidak mempunyai alamat tertentu telah meminta Tunku memberikan jawapannya secara bahasa kod di Radio Malaya, dan perutusan kod tersebut telah disiarkan selama beberapa hari, yang tentunya telah membingungkan para pendengar yang tidak memahaminya. Namun bagi Chin Peng perutusan itu cukup nyata sekali Tunku telah bersetuju mengadakan pertemuan awal dengan para wakil komunis dan Encik I.S. Wylie, *Timbalan Pesuruhjaya Polis*. Wylie telah pernah diturunkan dengan payung terjun ke Tanah Melayu bersama Pasukan 136 dan kerana itu cukup mengenali Chin Peng. Dia juga mengenali ketua perwakilan Chin Peng – Chen Tien, juga dari pasukan 136, yang telah menghadiri persidangan-persidangan komunis di Prague, London dan Calcutta, dan telah mengambil bahagian dalam Perarakan Kemenangan di London.

Suruhanjaya persediaan itu telah bersidang sebanyak tiga kali – pada bulan Oktober dan November di Klian Intan dalam suasana yang layak dianggap sebagai opera komik. Para penduduk kampung telah berpusu-pusu ke jalan raya untuk melihat wajah wakil-wakil Chin Peng, pengganas-pengganas komunis sebenar yang 'bebas' buat seketika; mereka telah ditemu ramah oleh akhbar-akhbar tempatan, dan Chen Tien telah dapat memesan terbitan-terbitan lama *Straits Times* yang mengandungi rencana-rencana mengenai dirinya. Bagaimanapun rundingan tersebut sungguh penting, kerana ia telah merintis jalan bagi Chin Peng keluar dari hutan dan bersemuka dengan Tunku buat pertama kalinya sejak bermulanya permusuhan.

Dalam masa sepuluh hari terakhir bulan Disember pasukan keselamatan telah menerima satu perintah gencatan senjata mengejut meliputi satu kawasan seluas empat ratus batu persegi berhampiran sempadan Thai.





*Dengan sepanduk tulisan jawi, orang-orang Melayu mengadakan tunjuk perasaan Anti Komunis.*

bersetuju membenarkan pertemuan itu, Chin Peng tak syak lagi akan mengambil kesempatan menjadikan pertemuan itu sebagai kemenangan pihak komunis.

Dan dalam keadaan serba salah itu Tunku telah berunding dengan Bob Thomson, Pegawai Penyelaras Keselamatan ketika itu.

Siapakah sebenarnya yang merangka penyelesaian mudah tetapi berani terhadap perasaan anti British ini tidak mungkin akan diketahui, tetapi selepas berunding dengan Whitehall (Kementerian Luar) kerajaan British, yang sentiasa berkeras mengatakan bahawa kemerdekaan tidak akan diberikan sehingga penganas komunis berjaya dihapuskan, telah dapat mengikis semua kebimbangan para ahli politik Melayu dengan satu perisytiharan baru dan berani bahawa British tidak perlu menunggu sehingga tamatnya perang untuk memberikan kemerdekaan. Ia tidak lagi menganggap bahawa 'penerusan keadaan darurat' tetap menjadi 'batu penghalang terhadap kemaraan Persekutuan ke arah berkerajaan sendiri.'

Semua orang arif pasti tahu maksudnya: akhirnya Chin Peng yang telah tidak dilihat selama bertahun-tahun, ingin berdamai. Pertemuan itu akan diadakan di Sekolah Ingeris di Baling, bandar yang punya 17,000 penduduk terletak dua puluh batu dari sempadan Thai.

## CHIN PENG LARI KE SEM- PADAN THAILAND

SEMASA Templer hendak meninggalkan Malaya, Chin Peng dikatakan sedang bersiap-siap hendak melarikan diri ke selatan Thailand. Dia mendakwa tindakannya itu bertujuan untuk mencari strategi baru.

Pada awal tahun 1952, Chin Peng mengambil keputusan untuk memindahkan ibu pejabatnya dari Bentong, Pahang ke Betong di selatan Thailand, yang dia anggap sebagai kawasan lebih selamat untuknya melakukan pemberontakan.

Tindakannya itu juga mungkin untuk memudahkannya pergi ke Bangkok melalui kereta api dan dari situ terbang ke Peking untuk berunding dengan Parti Komunis China.

Tetapi di sebalik alasan itu, Chin Peng sebenarnya merasa tekanan yang hebat dari pasukan bersenjata. Dia dapat meramalkan perjuangannya akan menghadapi kegagalan dan sekiranya dia bertahan lebih lama di Pahang, lambat laun dia akan terperangkap juga.

Chin Peng mengumumkan niatnya untuk berpindah ke selatan Thailand itu kepada Jawatankuasa Pusat partinya pada bulan April 1952.



*Abdullah C.D. Tokoh Komunis Melayu.*

orang Melayu kecuali tak ada jalan lain lagi. Mereka akan berusaha memberitahu orang-orang Melayu yang komunis adalah rakan mereka dalam perjuangan menentang British untuk mencapai "Kemerdekaan."

Pada bulan April itu merupakan perjumpaan terakhir bagi Jawatankuasa Tertinggi Parti Komunis di bumi Malaya. Tetapi ramai darinya tidak hadir. Antaranya, Yeung Kwo, Timbalan Setiausaha Agung, Ah Hoi, Setiausaha Negeri Perak, Foo Thin, Setiausaha Negeri Pahang, dan Ah Kok, ketua Parti Komunis bagi negeri Johor.

Tiga nama terawal memberi alasan bahawa mereka tidak dapat hadir kerana tidak dapat keluar dari daerahnya disebabkan kawalan keselamatan yang ketat oleh pasukan tentera.

Perjumpaan mereka itu berlangsung selama sebulan. Banyak perkara yang mereka bincangkan terutama mengenai politik dan ketenteraan.

Jawatankuasa Tertinggi Parti bersetuju dengan cadangan Chin Peng untuk berpindah itu. Mereka juga dapat merasakan tekanan yang semakin kuat dari pasukan keselamatan. Jadi untuk keselamatan Chin Peng, mereka bersetuju berpindah ke negara asing iaitu selatan Thailand.

Jawatankuasa Tertinggi Parti Komunis itu juga mengambil keputusan untuk mempengaruhi orang-orang Melayu dan India untuk menyertai parti itu.

Chin Peng sendiri telah meminta tiga pemimpin komunis Melayu (Abdullah C.D., Rashid Madin dan Musa Ahmad) supaya mempengaruhi orang-orang Melayu untuk menyertai Parti Komunis. Tetapi Lau Lee, seorang anggota Parti Komunis telah membuat analisa mengapa orang-orang Melayu enggan menyertai Parti Komunis.

Di antara sebab yang diberikannya ialah:

“Kita berjuang menentang Islam dan sikap anti agama kita telah memarahkan orang-orang Melayu. Kita tak akan berjaya mempengaruhi petani-petani Melayu untuk menyertai kita kerana sikap kita itu. Belum tiba masanya untuk kita menyemaikan benih ideologi kita kepada orang-orang Melayu. Kita mesti cuba mempengaruhi orang-orang Melayu dengan cara lembut ...”

Jawatankuasa Tertinggi Parti Komunis juga mengambil keputusan jangan menggunakan kekerasan terhadap orang-

daerah Perak, kemudian menyeberang ke sempadan Thai melalui Kroh, Gunung Kobeh, iaitu jalan sulit ke Betong.

Sementara itu di Bentong kumpulan ibu pejabat yang mengandungi 120 orang itu dibahagikan kepada dua pasukan sebelum masing-masing bertolak mengikut arahan jalan yang dirintis oleh kedua-dua Siu itu.



*Eng Meng Cheng: AJK Pusat PKM. Anggota Rejimen Ke-10. Isteri Abdullah C.D.*

Jawatankuasa parti juga mengambil keputusan untuk menubuhkan kubu-kubu di hutan belantara untuk melatih kader-kadernya.

Dalam perbincangan itu Chin Peng dilaporkan memberitahu sepucuk surat yang diterimanya dari Peking mengisytiharkan yang Moscow menganggap perjuangan komunis yang berterusan di hutan Malaya sebagai suatu "keuntungan" kepada gerakan Parti Komunis antarabangsa.

"Oleh kerana itu," kata Chin Peng, "kita mesti bersikap lebih tegas dan agresif."

Chin Peng menganggap daerah-daerah Bentong, Raub dan Lipis di Pahang sebagai kawasan terpenting untuk projek jangka panjang Parti Komunis Malaya. Melalui kawasan inilah tersebar segala maklumat ke serata tempat di Malaya. Di kawasan itu, PKM mempunyai jurupandu-jurupandu yang terlatih, pusat bekalan dan kawasan perlindungan yang strategik.

Selepas selesainya mesyuarat penting antara Chin Peng dengan orang-orangnya itu, akhirnya mereka mengucapkan selamat jalan kepada Chin Peng dan rombongannya berpindah ke selatan Thai.

Bersama Chin Peng, isterinya dan Lau Lee turut serta ialah Ah Sum, anggota Jawatankuasa Pusat bagi hal-ehwal kaum India. Abdullah C.D. tokoh komunis Melayu, Chen Tien dari Biro Propaganda Pusat, Ah Sze, Jawatankuasa Daerah Pahang Selatan dan isteri jelitanya Eng Meng Cheng, dan seorang editor dari Biro Propaganda Pusat.

Pengembaraan jauh Chin Peng dan rombongannya itu dirancang dengan teliti untuk menjamin keselamatannya.

Dua orang kuatnya di Pahang, Siu Chong dari rejimen keenam dan Siu Mah, yang membunuh Gurney telah merintis jalan ke selatan Thai tiga bulan lebih awal untuk memastikan jalan yang akan dilalui oleh Chin Peng selamat. Selain itu mereka juga menguruskan soal bekalan makanan dan jurupandu-jurupandu.

Mula-mulanya mereka melalui daerah Raub dan kemudiannya mendaki Cameron Highlands, bergerak melalui bukit-bukau

Pasukan pertama mengandungi 75 orang diketuai oleh Lau Lee, yang kebanyakannya mengandungi ahli-ahli biro propaganda. Pasukan kedua mengandungi 45 orang, bersama Chin Peng dan isterinya. Pasukan kedua ini berlepas lebih awal dari pasukan Lau Lee. Dalam perjalanan itu Chin Peng merancang untuk menemui pegawai-pegawai parti terutamanya Ah Hoi di Perak.

Pengawal peribadi Chin Peng dianggarkan lebih dari 100 orang, kebanyakannya ahli-ahli penembak yang handal. Masing-masing dilengkapi dengan alat senjata.

Dalam perjalanan itu, ketika berehat di sebuah khemahnya, Chin Peng dikejutkan oleh ledakan bom dari pasukan tentera udara. Sebuah sarang komunis menjadi sasaran pengeboman itu.

Chin Peng dan anggota rombongannya berpindah ke sebuah khemah lain, kira-kira tujuh batu dari situ. Masa perjalanan yang diambilnya kira-kira 12 hari. Mereka terpaksa berhati-hati, kerana asakan pasukan keselamatan begitu hebat.

Chin Peng mengesyaki ada di antara orangnya yang belot sehingga terjadinya pengeboman yang hampir mengorbankan mereka. Ramalannya tepat. Dua puluh empat jam sebelum berlakunya serangan itu, seorang anggota Min Yuen yang terlibat menolong membina khemah itu telah menyerah diri dan memberitahu pihak berkuasa tentang perjalanannya itu.

Perjalanan Chin Peng dan rombongannya itu menghadapi banyak cabaran. Pihak pasukan keselamatan berusaha untuk memburunya. Suatu hari ketika dia sedang bercakap dengan Lau Lee dan Wu Tien Wang seorang anggota Jawatankuasa pusat, mereka mendengar lagi bedilan tidak jauh dari khemah mereka. Mereka meluru ke tempat persembunyian. Kejadian tembak menembak itu berlaku kira-kira sepuluh minit, kemudian senyap. Beberapa jam kemudian, Chin Peng mengetahui apa yang berlaku. Senti kemudian mendengar bunyi derap ranting patah menandakan ada orang lalu. Mereka bersembunyi. Kemudian muncul seorang leftenan polis berbangsa Inggeris dengan tujuh orang anggota polis berjalan di belakangnya.



Mereka boleh membunuh anggota-anggota polis itu tetapi sentri berfikir adalah lebih baik mereka tidak mengambil sebarang tindakan.

Pasukan polis itu kemudian berjumpa sebuah khemah dan secara kebetulan khemah itu menjadi tempat perlindungan Chin Peng. Leftenan polis mendapat tanda-tanda yang khemah itu diduduki orang, mungkin lebih ramai dari orang-orangnya. Dia memberi isyarat supaya berdiam diri, tetapi tiba-tiba mereka terserempak dengan sentri kedua yang merasa terperanjat telah melepaskan tembakan. Pihak polis membalas tembakan dan kemudiannya leftenan polis itu baru menyedari yang mereka menjadi sasaran tembakan dari pasukan pengganas komunis.

“Mati kau! Mati kau! Anjing bedebah!” Teriak satu suara dalam bahasa Inggeris yang didengar oleh leftenan polis itu. Jeritan itu diikuti dalam bahasa Cina.

Leftenan polis itu mengarahkan orang-orangnya merangkak di celah-celah banir kayu itu untuk keluar dari perangkap itu.

Selepas suasana kembali sepi, mereka menemui kesan darah tetapi tidak mengambil tindakan memburu pasukan polis itu yang berjaya melarikan diri dari perangkap pengganas komunis itu.

Tiga bulan kemudian Chin Peng semakin hampir ke selatan Thai. Tetapi dalam perjalanannya meredah hutan, mereka sentiasa berdepan dengan serangan-serangan pasukan keselamatan, terutamanya serangan dari udara.

Akhirnya beliau dikatakan selamat sampai ke selatan Thai, iaitu daerah persembunyian baru baginya, tetapi ramai orang-orangnya yang menjadi mangsa serangan pasukan keselamatan. Sewaktu dia mendengar radio, dia mendengar berita tentang kematian orang kuatnya Ah Kok .....

Dalam pada itu hubungan telah dibuat dengan wakil Chin Peng untuk mengadakan "rundingan" bagi membincangkan syarat-syarat tersebut.

Ketua Menteri menegaskan bahawa beliau tidak menca-dangkan untuk mengadakan rundingan dengan Chin Peng, tetapi sebaliknya, beliau hanya mahu bersemuka dengan Chin Peng untuk menerangkan syarat-syarat pengampunan dan akan menimbangakan sebarang cadangan yang mungkin akan dikemu-kakan oleh pihak PKM.

Akhirnya pertemuan bersejarah itu diadakan di Baling. Rundingan itu berlangsung dalam empat sesi, selama dua hari.

Hari pertama:

28 Disember 1955:

Sesi pertama dari 2.30 petang hingga 3.30 petang

Sesi kedua dari 3.40 petang hingga 5.45 petang

Sesi ketiga dari 6.30 petang hingga 8.05 malam

29 Disember 1955:

Sesi keempat dari 10.50 pagi hingga 12.48 tengah hari.

PADA awal bulan Jun 1955, sepucuk surat telah diterima daripada wakil "Ibu Pejabat Pemerintah Tertinggi Tentera Pembebasan Malaya" yang mengatakan bahawa PKM bersedia untuk mengadakan rundingan bagi menamatkan darurat dan memulihkan keamanan di Malaya.

Pada 24 Jun 1955, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu di samping menegaskan sekali lagi keinginannya untuk mewujudkan keamanan telah menolak tawaran untuk mengadakan rundingan itu dan mengatakan sekiranya pihak komunis dengan jujurnya ingin menamatkan darurat, mereka seharusnya melakukan dengan segera iaitu menerima syarat-syarat menyerah diri yang telah disebarikan kepada umum.

Kedua-dua surat dan kenyataan kerajaan itu telah disiarkan secara meluas oleh akhbar-akhbar tempatan dalam berbagai bahasa.

Pada 18 September 1955, iaitu sejurus selepas kerajaan Perikatan mendapat kuasa (hasil pilihan raya pertama) tawaran pengampunan telah diumumkan oleh Ketua Menteri. Syarat-syarat pengampunan (*amnesty*) telah dikeluarkan dan disebarikan secara meluas.

SEORANG pegawai British kelihatan berdiri di tepi hutan Klian Intan menanti Chin Peng. Dia merenung hutan tebal di depannya. Dia kelihatan tenang, walaupun orang yang ditunggunya itu seorang pemimpin komunis yang boleh berbuat apa saja terhadap dirinya.

Pegawai British itu ialah John Davis. Dia dihantar menjemput Chin Peng untuk tujuan membawa Chin Peng dan rombongannya ke Baling di mana satu rundingan penting akan dilakukan di situ.

John Davis sebenarnya telah lama mengenali Chin Peng. Mereka dikatakan sama-sama berada dalam hutan Perak semasa pendudukan Jepun. Semasa dalam hutan itulah, mereka mengenali antara satu sama lain secara lebih dekat. Sama-sama berjuang menentang Jepun.

Mereka sudah tidak berjumpa antara satu sama lain semenjak tahun 1947, dan pertemuan hari itu untuk satu upacara bersejarah merupakan suatu drama bagi mereka.

Davis berdiri di pinggir bukit itu dengan memerhati Chin Peng berjalan menuju ke arahnya. Langkah Chin Peng perlahan



*John Davis menemani Chin Peng, Chen Tien dan Rasid Madin di Gunung Paksi, sementara menunggu trak lain datang untuk membawa rombongan PKM itu kepinggir hutan.*

dan Davis menunggu dengan perasaan gembira bercampur cemas.

Chin Peng kelihatan lebih gemuk dan kulitnya berbintik-bintik biru putih menandakan seseorang yang sudah bertahun-tahun tinggal di dalam hutan.

Selepas bercakap dalam bahasa kantonis beberapa ketika Davis menerangkan kepada Chin Peng dan dua orang kawannya tentang jadual rundingan dan masalah kediamannya di Baling.

Chin Peng ingin tahu tentang urusan menjaga keselamatannya kerana bimbangkan sesuatu perkara yang tidak diingini berkemungkinan berlaku terhadapnya. Davis memberitahu masalah keselamatan mereka telah diuruskan.

Chin Peng tidak diberikan layanan VIP semasa dalam perjalanan ke Baling itu. Bagi kerajaan, dia tidak lebih dari

mempunyai tempat duduk dibuat dari kayu. Chin Peng menaiki sebuah trak bersama Davis. Dalam trak yang kedua terdapat tiga orang lain.

Di bawah kawalan yang ketat, rombongan komunis itu dibawa melalui jalan-jalan yang berliku-liku menuju ke Baling sejauh sepuluh batu. Tempat rundingan yang disediakan ialah di sebuah sekolah terbaru di pekan Baling ketika itu.

Kawasan sekolah itu dipagar dengan kawat berduri yang tinggi. Sebuah bilik darjah di bangunan sekolah itu sudah diatur sebagai bilik rundingan.

Rumah kediaman guru besar sekolah itu merupakan tempat kediaman Chin Peng dan rombongannya semasa rundingan berjalan. Rumah itu dilengkapi alat-alat perabot yang perlu sahaja. Pihak komunis itu telah dibekalkan dengan berus gigi, ubat gigi dan seketul sabun tiap-tiap seorang.

Bila rundingan bermula, Davislah juga orangnya yang membawa Chin Peng dari kediaman semmentaranya ke dewan rundingan. Davis pada hari rundingan itu telah menjadi orang perantaraan dan pengiring kepada Chin Peng juga orang-orangnya.

Selepas rundingan selama dua hari itu selesai, Chin Peng dan orang-orangnya balik semula ke dalam hutan. Davis berjalan bersama mereka ke dalam hutan sejauh kira-kira suku batu.

Selepas berada di pinggir hutan, Chin Peng berjabat tangan dengan Davis dan masing-masing menuju ke haluan masing-masing. Chin Peng dan orang-orangnya masuk ke hutan dan Davis berjalan menuju ke Klian Intan.

Tidak ramai orang mengetahui bahawa Davis dengan persetujuan Tunku Abdul Rahman telah membuat urusan dengan Chin Peng tentang menempatkan sebuah "kotak pos" di mana mereka boleh berhubung lagi, sekiranya pada beberapa minggu kemudian, Chin Peng menukar fikiran tentang syarat-syarat untuk menamatkan perang. Davis dikatakan pada hari-hari tertentu pada tiap-tiap bulan akan ke kotak pos itu untuk mendapatkan reaksi.

seorang penjenayah yang datang untuk mengetahui syarat-syarat menyerah diri. Kenderaan yang digunakan untuk mengangkutnya hari itu ialah sebuah trak polis berwarna hitam



*John Davis mengiringi Chin Peng, Chen Tien dan Rashid Madin ke bilik rundingan.*

Perkara ini mereka lakukan, seperti yang dipersetujui, beberapa kali pada minggu-minggu berikutnya, tetapi Davis berhenti berbuat demikian selepas mendapati tidak ada reaksi dan tidak berfaedah lagi berbuat begitu.



## CERITA DAVIS KEPADA TAN SRI DATO MUBIN SHEPPARD

(Semasa pulang bercuti ke England pada bulan Julai, 1984, Tan Sri Dato Mubin Sheppard sempat bertemu dengan John L.H. Davis di rumahnya di Kent. Davis ialah Pegawai Daerah Kanan Butterworth, bekas Pegawai Polis sebelum perang dan orang yang bertindak sebagai Conducting Officer semasa rundingan Baling antara YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj dengan Chin Peng.

Dari pertemuan singkat di rumah Davis itu, Tan Sri Dato Mubin Sheppard sempat merakamkan peranan yang dimainkan oleh Davis dalam rundingan yang bersejarah itu. Berikut ialah cerita Davis kepada Tan Sri Dato Mubin Sheppard tentang pengalamannya itu).

Saya telah diberi tugas sebagai *Conducting Officer* pada 28 Disember, 1955. Tugas saya ialah menunggu Chin Peng di tepi hutan Klian Intan, iaitu kawasan lombong bijih timah dan membawa mereka ke Baling.

Waktu itu, keadaan di Baling dipenuhi oleh askar-askar dan polis yang membuat kawalan. Orang ramai yang ingin tahu apa

ramai ahli komunis telah menyerah diri. Chin Peng sendiri telah memindahkan markasnya ke kawasan hutan di negeri Thai (selatan Pattani) dan menubuhkan markas barunya di situ.

Pada tahun itu, beliau telah berhubung dengan YTM Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri Malaya meminta diadakan rundingan mengenai tawaran *Amnesty* yang telah diberi oleh Tunku.

Tempat pertemuan yang ditetapkan ialah di Sekolah Kerajaan Baling, pada 28 Disember, 1955. Waktu pertemuan ialah pukul 2.25 petang pada hari itu.

Wakil komunis terdiri dari Chin Peng, Chen Tien dan Rashid Madin. Pada pagi itu Chin Peng, Chen Tien dan Rashid Madin serta seorang tukang masak telah keluar dari hutan pada kira-kira pukul 9.00 pagi.

Chin Peng berjalan keluar dari hutan dengan langkah yang perlahan. Pada pandangan saya ketika itu, keadaannya telah banyak berubah dari yang pernah saya lihat beberapa tahun dahulu. Badan Chin Peng kelihatan agak sembab, macam orang terkena penyakit beri-beri.

Mukanya kelihatan bersih dan bercukur. Dia memakai baju kemeja putih dan seluar panjang putih. Dari hutan, Chin Peng telah membawa *bodyguard* tetapi tidak keluar bersamanya. Mungkin *bodyguard*nya itu menunggu di pinggir hutan sahaja.

Hanya empat orang sahaja yang keluar iaitu Chin Peng, Chen Tien, Rashid Madin dan seorang tukang masak.

Saya menyambut Chin Peng dan berkata: 'Sudah lama benar kita tidak berjumpa.' Saya berkata dalam bahasa Kantonis. Chin Peng cuma tersenyum sambil menghulurkan tangannya. Kami berjabat tangan.

Selepas itu saya membawa Chin Peng berjalan kaki ke lori polis tidak jauh dari situ. Berhampiran dengan lori polis itu, kami berhenti sebentar dan saya menerangkan kepadanya tentang peraturan-peraturan yang dibuat semasa rundingan Baling itu berlangsung.

Dia mendengarnya dengan teliti dan mengangguk-angguk.

tahu apa yang sedang berlaku telah keluar beramai-ramai. Mereka mungkin ingin melihat muka Chin Peng.

Saya pernah tinggal di hutan rimba negeri Perak selama lebih dua tahun, antara tahun 1943-45.

Kami pernah bertemu ketika mengadakan rundingan-rundingan antara pihak saya yang mewakili British dan pihaknya yang mewakili komunis. Antara kami memang tidak ada persefahaman terutama dari konsep perjuangan.

Tetapi dalam zaman pemerintahan Jepun, kami berjuang bersama. Pihak British menentang Jepun dan pihak komunis juga melawan Jepun. Sasaran perjuangan sahaja yang sama tetapi konsep politiknya tidak.

Selepas Jepun menyerah diri, saya telah mewakili Mountbatten (*Supreme Allied Commander*) dalam perbincangan dengan wakil-wakil MPAJA.

Perbincangan kami ialah tentang penyerahan balik senjata-senjata British yang dipinjamkan kepada MPAJA semasa berjuang menentang Jepun. (Senjata-senjata itu telah dihantar kepada ahli-ahli MPAJA di hutan melalui payung terjun). Kami meminta balik senjata-senjata itu dan saya telah pun mengatur upacara penyerahan balik itu.

MPAJA telah dibubarkan pada bulan Oktober/November, 1945, iaitu selepas Inggeris berkuasa semula dan sebilangan besar anggota-anggotanya telah pun pulang ke kampung masing-masing.

Tetapi anggota-anggota komunis rupa-rupanya telah berpakat untuk mencari jalan bagi memerintah Tanah Melayu. Mereka enggan menyerahkan senjata dan merancang untuk meneruskan perjuangan bersenjata menentang kerajaan.

Pada 28 Jun, 1948 keadaan darurat telah diisytiharkan oleh kerajaan. Chin Peng sebagai Setiausaha Agung Parti Komunis telah mengadakan markasnya di hutan. Pada waktu itu, dianggarkan terdapat 5,000 anggota komunis yang menyertai Chin Peng untuk menyertai perjuangan bersenjata bagi melawan kerajaan Tanah Melayu.

Pada tahun 1955, setelah merasa tertekan hidup di hutan,

Selepas saya memberi keterangan, kami bertolak ke Baling bersama-sama dan diiringi oleh sekumpulan askar-askar British.

Kami, (saya, Chin Peng dan dua orang rakannya) menaiki trak hitam polis, dengan bangku kayu sebagai tempat duduk. Chin Peng nampak takut dan gelisah.

Mungkin di hatinya bersarang perasaan syak wasangka dan curiga. Mana tahu askar-askar British akan menangkapnya dan menahannya dalam penjara. Saya kemudian mententeramkan hatinya dan kawan-kawannya: Jangan bimbang keselamatan tuan-tuan semua terjamin.

Selepas itu barulah Chin Peng kelihatan tenang sedikit. Dalam perjalanan itu masing-masing diam membisu.

Dari Klian Intan ke Baling, jaraknya kira-kira 10 batu. Sampai di Baling, kami melihat ramai orang berkerumun, tetapi mereka tidak dibenarkan menghampiri kawasan sekolah. Kami masuk ikut pintu pagar besi dan turun di halaman sekolah.

Saya kemudian mengiringi Chin Peng dan rakan-rakannya masuk ke rumah Guru-Besar sekolah yang telah dikhaskan untuk mereka. Chin Peng dan Chen Tien meminta baju singlet dan seluar dalam yang baru. Tuala, sabun, ubat gigi dan berus gigi sudah pun disediakan.

Rundingan di antara YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj dengan Chin Peng dimulai pada pukul 2.30 petang pada 28 Disember, 1955. Pada hari itu ada tiga peringkat rundingan diadakan. Peringkat ketiga diadakan diwaktu malam. Sementara peringkat keempat diadakan pada keesokannya.

Rundingan yang berlangsung selama dua hari itu tidak menghasilkan sebarang keputusan muktamad. Pihak komunis yang pada mulanya hendak menjalankan tipu helah bagi mendapatkan *concession* dari Tunku akhirnya menemui kegagalan.

Selepas rundingan keempat pada 29 Disember, Chin Peng kelihatan sangat kesal dan menyesal kerana gagal mendapat *concession* dari kerajaan Malaya.

Kekesalan ini diluahkan kepada saya selepas rundingan. Dia merasa kecewa. Pada mulanya, dia merasa yakin akan


dapat memujuk Tunku supaya memberi sedikit kelonggaran dari keputusannya tetapi harapan dan niat Chin Peng itu gagal. Pihak kerajaan yang dipimpin oleh Tunku ternyata lebih pintar dan tegas pendiriannya.

Tunku, semasa dalam rundingan sentiasa bersikap tegas dan enggan memberi sebarang kelonggaran walaupun sedikit.

Selepas rundingan, rombongan Chin Peng bertolak balik ke Klian Intan tetapi tidak sempat memanggil *escort* dari hutan. Oleh itu dua buah khemah didirikan, sebuah untuk Chin Peng dan rakan-rakannya dan sebuah lagi untuk saya.

Tetapi saya memberitahu mereka; Saya sudah biasa tidur sama satu khemah dengan Chin Peng di hutan dulu, apa salahnya kalau malam ini, saya tidur bersama sekali lagi.

Pada malam itu, kami berbual tentang pengalaman kami, terutama semasa kami berkerjasama melawan Jepun. Pada waktu itu, pihak British telah membekalkan senjata-senjata



*Chin Peng dan rakan-rakan diiringi oleh polis ke tempat penginapan.*

Chin Peng tidak mahir bercakap bahasa Inggeris. Sungguhpun kami sudah bermusuhan, tetapi kami masih saling hormat menghormati.

Pada pagi esoknya, kami minum kopi bersama. Selepas minum kami berjalan ke tepi hutan. Chen Tien tidak bersetuju berjalan kaki. Dia bimbang keselamatan diri mereka kerana askar British berdiri di tanah lombong memandang ke tepi hutan iaitu ke arah mereka.

Saya memberitahu mereka supaya jangan bimbang. Askar-askar British tidak akan menembak kamu semua, kata saya.

Dengan jaminan itu barulah mereka berasa terjamin. Kami berjalan sejauh kira-kira 100 ela ke dalam hutan, dan selepas itu barulah saya mengucapkan selamat tinggal kepada mereka.

Chin Peng berkata kepada saya; 'Tuan mahu kami *escort* tuan ke tepi hutan pula?' Saya menjawab; 'Tak payah. Saya berjalan di negeri saya sendiri.'

Saya pun berjalan keluar dan terus balik ke Baling.

Demikian cerita Davis yang menjadi orang pengantara semasa rundingan Baling 1955. Davis pada waktu itu berusia 44 tahun. Chin Peng dalam lingkungan 33 tahun.

Davis dilahirkan pada 12 Februari, 1911, di Kent, England. Pada 11 Disember, 1930, beliau pernah menjadi Timbalan Pesuruhjaya Polis, berkhidmat di Kuala Lumpur, (Depot) Kelang dan Pekan. Beliau belajar bahasa Kantonis di China antara tahun 1933-1935. Beliau juga lulus dalam peperiksaan kerajaan dalam bahasa Melayu dan Kantonis, serta undang-undang.

Pernah berkhidmat sebagai OCPD Kuala Lumpur, OCPD Taiping dan Ketua Cawangan Detektif di Perak.

Pada zaman penaklukan Jepun, beliau dihantar berkhidmat dalam hutan Perak, iaitu sebagai ahli perisik anti Jepun dari pasukan Force 136.

Antara tahun 1942-1945, beliau adalah anggota Force 136 yang aktif bergerak di hutan Perak.

Pada tahun 1945, beliau mewakili British dari anggota

dan makanan kepada pihak komunis yang bergerak di dalam hutan untuk melawan pihak Jepun. Bila Jepun dapat ditewaskan, mereka dikehendaki menyerahkan balik senjata dan keluar dari hutan, tetapi pihak komunis rupa-rupanya mempunyai niat yang lain.

Saya sebenarnya, dihantar ke hutan Perak oleh Ibu Pejabat Force 136 yang berpusat di Ceylon (sekarang Sri Lanka). Saya dihantar dari sana melalui kapal selam. Tujuan mereka menghantar saya ke hutan Perak ialah untuk membuat hubungan dengan pihak PKM yang menggabungkan barisan bersama menentang tentera Jepun.

Saya dihantar bersama tiga orang lain. Saya diarah oleh Ketua Force 136 di Ceylon untuk menghubungi ketua-ketua pergerakan komunis bagi menyusun barisan bersama menentang tentera Jepun.

Di Perak saya menemui seorang Cina bernama Lim Bo Seng, kalau saya tidak silap, iaitu orang yang banyak membantu saya menemui ketua-ketua pergerakan komunis. Kami mengadakan rundingan dan perjanjian untuk menyusun barisan bersama menentang Jepun.

Dalam perjanjian itu, pihak British akan membekalkan senjata dan makanan untuk pergerakan komunis melawan Jepun. Selepas Jepun dapat ditewaskan, mereka diminta memulangkan balik alat-alat senjata itu. Tetapi mereka nampaknya mempunyai niat yang tersendiri, iaitu hendak merebut pemerintahan negara ini. Semasa kita meminta mereka menyerahkan balik senjata, mereka hanya memberi senjata-senjata yang tidak boleh digunakan lagi. Yang baik-baik mereka sorokkan dalam hutan. Mereka juga enggan keluar dari hutan, dan mengambil langkah menentang kita balik.

Saya mengenali Chin Peng semasa membuat gerakan menentang Jepun dari dalam hutan itulah. Chin Peng bukanlah orang yang mempunyai kelulusan, tetapi dia banyak membaca. Berpegang kuat kepada ideologi komunismenya.

Semasa dalam hutan itu, saya berhubung atau bercakap dengan Chin Peng menggunakan bahasa Kantonis.

kumpulan anti Jepun mengadakan rundingan dengan MPAJA untuk meletakkan senjata dan menyerahkan balik kepada British dan keluar dari hutan untuk hidup seperti orang awam. Dalam rundingan itu beliau mewakili Lord Louis Mountbatten, Pemerintah Tertinggi Tentera Bersekutu.

Beliau pernah dianugerahkan pingat D. S. O. dan C. B. E. pada tahun 1946. Beliau juga pernah berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Malayan atau Malayan Civil Service, di Johor. Beliau berkhidmat dalam MCS sehingga negara mencapai kemerdekaan.



## MEMOIR 1

# PERSIAPAN MENJELANG PERTEMUAN TUNKU-CHIN PENG DI BALING

YTM TUNKU telah memberitahu saya yang beliau hendak berangkat ke Baling menemui Chin Peng, Ketua Parti Komunis Malaya. Saya dikehendaki ikut bersama-samanya. Waktu itu jam 5.00 petang.

Dengan tergesa-gesa saya bersiap dan pada pukul 7.45 saya sampai ke rumah YTM Tunku dengan membawa sehelai dua baju untuk persalinan.

Di rumah Tunku, ramai kawan-kawan rapatnya yang kelihatan riang, sambil berjenaka dengan Tunku. Memang, kebiasaan Tunku suka berjenaka dengan kawan-kawan karibnya itu.

Malam itu, Tunku berjenaka dengan Menteri Buruh (mendiang) Sambanthan, Menteri Pos dan Perhubungan Encik Ong Yok Lin dan Menteri Pertanian Encik Aziz Ishak. Mereka kelihatan sungguh gembira. Gelak ketawa, sambil minum-minuman sejuk.

Pada pukul 8.40 malam, Tunku berkata: "Mailah-Apa lagi."

Kami pun berangkat dalam suasana yang gembira.

Di stesen keretapi Kuala Lumpur, orang sudah penuh

Rombongan kami kemudian terus dibawa ke Kulim dengan diikuti oleh dua buah kereta perisai polis dan beberapa buah lori kawalan dari pasukan keselamatan.

Pada pukul 7.15 pagi kami sampai di rumah Pegawai Jajahan Kulim. Di pekan Kulim terdapat sepanduk-sepanduk yang mengalu-ngalukan ketibaan YTM Tunku. Setelah mandi dan makan pagi, maka angkatan Kawalan Polis pun tiba dan kami pun berangkat ke Baling. YTM Tunku naik bersama Encik David Marshall. Saya bersama Dato Sir Tan Cheng Lock dan Encik T. H. Tan. Sepanjang perjalanan dalam pekan Kulim, orang ramai berdiri di kiri kanan jalan mengalu-ngalukan rombongan Tunku itu. Tetapi, tiada teriak gemuruh "Merdeka" seperti yang sering didengar. Air muka orang ramai itu pekat tetapi tenang, mungkin mereka tertanya-tanya sesama sendiri:

- Adakah ini menandakan tamatnya darurat?
- Mungkinkah Chin Peng tunduk kepada YTM Tunku?

Rombongan itu berangkat dalam lima buah kereta dengan dikawal rapi oleh empat buah lori yang penuh berisi askar yang lengkap bersenjata dan empat buah kereta perisai mengandungi askar dan polis. Lajunya rombongan itu berjalan ialah 45 batu satu jam.

Bagi Dato Tan dan T. H. Tan, itulah pertama kali mereka sampai ke Kedah.

"Itulah Gunung Baling dan di kakinya terletak tempat pertemuan kita nanti." Saya memberitahu T. H. Tan sambil menunjukkan ke arah sebuah gunung yang kemuncaknya menecah awan.

Dalam pekan Baling yang kecil itu, orang ramai telah penuh sesak berkerumun di jalan raya dan kaki lima menunggu ketibaan YTM Tunku.

Di tengah-tengah padang bola khemah-khemah tentera telah siap dibina. Askar-askar dan pasukan keselamatan sibuk dengan tugas masing-masing.

Orang ramai mengikut rombongan kami menuju ke Sekolah Inggeris Baling. Rupa-rupanya di pertengahan jalan,

sesak, rupa-rupanya mereka datang beramai-ramai hendak melihat Tunku dan rombongannya berangkat ke Baling.

Yang paling sibuk sekali ialah porter-porter di stesen itu, masing-masing, berebut-rebut hendak mengangkat barang-barang kepunyaan menteri-menteri. Yang kedua paling sibuk ialah pemberita-pemberita yang sentiasa mengekor di belakang rombongan YTM Tunku untuk mendapatkan bahan berita.

"Saya harap Chin Peng tidak akan membuat apa-apa terhadap saya," kata Tunku sambil tangannya melambai-lambai di pintu keretapi.

Gerabak yang dikhaskan kepada YTM Tunku dan rombongannya ialah yang di belakang sekali, siap dengan kantin.

YTM Tunku, semasa dalam keretapi itu tidak berhenti-henti berjenaka dengan Encik David Marshall dan Encik Hamid Jumat.

Encik Sambanthan, Ong Yoke Lin dan Encik Aziz Ishak serta Encik Sulaiman berpisah di stesen Kuang. Mereka hanya menghantar YTM Tunku separuh jalan sahaja. Lepas itu mereka kembali semula ke Kuala Lumpur.

Selepas minum dan makan roti, iaitu pada kira-kira pukul 9.15 malam Tunku kemudian menerang dan membuat rancangan mengenai pertemuan tersebut. Yang paling banyak bercakap ialah Encik David Marshall, Ketua Menteri Singapura. Encik Hamid Jumat cuma sekali sekala sahaja mencelah. Sementara (Allahyarham) Syed Jaafar Albar pula sering berkelakar.

Perbincangan mereka sampai lewat malam.

Saya diberi sebuah bilik bersama-sama dengan Setiausaha Sulit Encik David Marshall. Beliau ialah seorang Cina.

Saya terlena kira-kira pukul 11 malam dan bangun pukul 6 pagi. Masa itu kami sudah pun sampai di Province Wellesley.

Pada 28 Disember, 1955.

Pada pukul 7 pagi, keretapi sampai di stesen Bukit Mertajam. Tuan Pegawai Jajahan Kulim Syed Sheh Shahabuddin dan ASP Encik Salleh Abdul Rahman menunggu ketibaan Tunku.



*Kebangsaan Baling di mana berlangsungnya rundingan bersejarah itu.*

mereka ditahan oleh polis kerana tidak ada sesiapa pun yang dibenarkan masuk ke dalam kawasan pagar berkawat.

Kawalan adalah ketat. Tiap-tiap orang yang hendak masuk ke dalam pagar itu disoal dan diperiksa dengan teliti. Di sekeliling rumah Pegawai Daerah Baling terdapat khemah-khemah tentera dan polis. Pihak askar British sendiri yang mengawal pintu masuk ke rumah Pegawai Daerah itu.

Rombongan kami berhenti di rumah Pegawai Daerah Baling. YTM Tunku tanpa berleang-lengah terus pergi memeriksa tempat pertemuan iaitu bangunan Sekolah Inggeris Baling. Tunku diiringi oleh David Marshall. Mereka kemudian berpuas hati dengan persiapan dan kawalan sekeliling yang dikenakan.

Selepas minum kopi di rumah DO, kami diberitahu bahawa Chin Peng dan rombongannya telah sampai.

Dari tempat kami berada itu, jelas dapat dilihat lori polis yang membawa rombongan Chin Peng. Chin Peng turun sebentar di pintu pagar hendak masuk ke kawasan itu. Orang

ramai berhimpit-himpit hendak melihat wajah Chin Peng dan kawan-kawannya, lebih-lebih lagi orang-orang Melayu yang hendak melihat Rashid Madin-komunis Melayu itu. Barangkali itulah kali pertama pihak komunis menghadapi orang ramai secara terang-terangan begitu.

Wakil-wakil akhbar terutama para pemberita yang datang dari seluruh dunia berebut-rebut hendak mengambil gambar Chin Peng. Pihak askar mengelilingi Chin Peng dan mengawal-nya dengan rapi.

Ketua komunis itu dengan diikuti oleh kawan-kawannya berjalan naik ke tempat rundingan. Beliau tersenyum dan melambai-lambaikan tangan kepada orang ramai. Saya dapat melihat dengan jelas dari dekat, bahawa muka Chin Peng sebentar tersenyum, sebentar keruh pekat.

Beliau mungkin tersenyum melihat orang ramai dan pahit bila memandang pasukan keselamatan. Dia berjalan dengan angkuh, seolah-olah tidak ada apa yang menakutkannya.

Mereka dipandu oleh seorang pemandu dari bangsa Eropah yang juga menjadi Pegawai Jajahan Butterworth pergi ke rumah khas yang disediakan untuk rombongan komunis itu.

Di dalam rumah itu telah siap disediakan tempat tidur dan makan-makanan dalam tin serta ikan masin dan beras. Bekalan makanan itu cukup untuk seminggu lebih.

Pada pukul 10.50 pagi Tunku bertanya: "Ooi, Siapkah?" Yang pergi masuk ke tempat rundingan ialah:

1. YTM Tunku Abdul Rahman.
2. Dato Sir Tan Cheng Lock
3. Encik Hamid Jumat
4. Encik David Marshall
5. Encik Yaacob Latiff D. I. O
6. Encik Too Joo Hin
7. Encik T. H. Tan
8. Syed Jaafar Albar

Pihak komunis pula terdiri dari: (1) Chin Peng. (2) Chen Tien dan (3) Rashid Madin.

## MEMOIR: II

### DIALOG TUNKU DI MEJA RUNDINGAN

CHIN PENG dibawa masuk ke bilik mesyuarat dari jalan belakang. Dengan senyum dia memberi hormat kepada YTM Tunku dengan cara menundukkan kepala. Setelah menerima pelawaan duduk, maka dia pun duduk bertentangan dengan YTM Tunku.


Chin Peng memerhati sekeliling bilik mesyuarat itu, seolah-olah merasa curiga terhadap sesuatu hal. Dia memandang tepat ke arah (perakam suara yang dipasang di siling bilik mesyuarat itu).

Tunku kemudian menerangkan tentang maksud perakam suara itu dipasang dan meminta Chin Peng supaya jangan menaruh syak wasangka apa-apa. Tunku memberi kebenaran kepada Chin Peng supaya memeriksa sendiri alat itu jika dia masih menaruh curiga.

Chin Peng bangun, diikuti oleh Chen Tien memeriksa bilik sebelah dan sekeliling tempat rundingan. Masing-masing berpuashati dan duduk semula di kerusi.

Keadaan sunyi seketika.

YTM Tunku membetulkan tempat duduknya dan memulakan ucapan.



*Bilik rundingan antara pihak kerajaan dan wakil PKM.*

Sebelum Tunku masuk ke tempat rundingan, beliau telah mengadakan perjumpaan dengan akhbar di sebuah khemah yang dikhaskan.

Tunku dihujani dengan berbagai soalan oleh para pemberita tetapi Tunku dengan bijak telah menjawab segala soalan itu.

Wakil-wakil akhbar telah mendesak Tunku membenarkan 10 orang wakil akhbar masuk bersama-sama dalam perjumpaan Tunku-Chin Peng itu, tetapi Tunku telah menolak permintaan itu tetapi mengaku akan memberi peluang jurugambar-jurugambar akhbar mengambil gambar. Permintaan akhbar untuk menemui Chin Peng juga ditolak oleh Tunku.



*Wakil PKM/kiri ke kanan Rashid Madin, Chin Peng dan Chen Tien.*

- Tunku: Awak semua sudah makan?
- Chin Peng: Ya. Sudah.
- Chen Tien: Sudah.
- Rashid: Sudah.
- Tunku: Adakah awak berasa letih?
- Chin Peng: Tidak.
- Chen Tien: Tidak.
- Rashid: Tidak.
- Tunku: Awak ada rokok?
- Chin Peng: Ya. (Sambil menunjukkan sebungkus kotak rokok cap Players).
- Marshall: Awak hisap paip? (kepada Rashid)
- Rashid: Ya.
- Marshall: Tembakau cap apa?



- Rashid: (mengangkat sebuah tin) ... Old English.
- Jurubahasa: Adakah rundingan ini hendak dibuat dalam bahasa Inggeris?  
Semua mengangguk tanda bersetuju.
- Tunku: Adakah dikehendaki saya memulakan mesyuarat ini?
- Chin Peng: Lebih elok. Tunku Ketua Menteri memulakannya.
- Tunku: Saya datang hari ini ialah hendak bercakap dan memberitahu kepada kamu sekalian akan maksud pertemuan ini.
- Chin Peng: Ya.
- Tunku: Bersama-sama saya ialah Encik David Marshall dari Singapura dan ini ialah Dato Sir Tan Cheng Lock.
- Chin Peng: Ya.
- Tunku: Kerana awak semua tinggal di dalam hutan tentulah awak tidak tahu banyak perkara perubahan yang berlaku di luar tempat awak.
- Chin Peng: Ya.
- Tunku : *Perubahan pertama ialah berkenaan dengan pilihan raya di seluruh Tanah Melayu. Dalam pilihan raya di Singapura, David Marshall telah beroleh kemenangan. Kemudian berikutan dengan itu, diadakan di Malaya pula, parti Dato Sir Tan dan parti saya telah beroleh kemenangan. Kami telah membuat janji iaitu penjajahan mestilah ditamatkan.*

Dalam mesyuarat Federal yang lalu, Peruruhjaya Tertinggi telah membuat kenyataan rasmi dengan berjanji iaitu taraf pemerintahan


sendiri akan diberi bagi pihak kerajaan baginda Queen.

Dua hari yang lalu dalam persidangan UMNO di Kuala Lumpur, satu ketetapan telah diambil iaitu kemerdekaan Malaya mestilah dicapai sebelum 31 Ogos, 1957. Pada fikiran saya seboleh-bolehnya dalam tahun 1957. Saya sendiri membawa keputusan iaitu:

1. Pindaan undang-undang yang membolehkan kita mengambil dan memegang teraju negeri ini dengan licin.
2. Meminta satu suruhanjaya bebas menyediakan sebuah perlembagaan. Perkara Suruhanjaya ini kenalah mengambil masa. Masalah penduduk Malaya yang sebenar-benar berhak di dalam negeri ini pun satu soal juga. Kemudian pula perkara orang dagang dan hal anak negeri ini. Semua itu mestilah dibincangkan satu persatu. Begitu juga soal kedudukan Raja-Raja Melayu.

Saya telah berkata dalam ucapan-ucapan saya yang lalu bahawa parti saya adalah cukup kuat bagi melancarkan tuntutan kemerdekaan. Dan masih banyak perkara-perkara yang mustahak perlu dibincangkan. Saya akan bertolak menuju ke negeri Inggeris pada 31 Disember dan pada 1 Januari.

Saya cukup percaya dan penuh yakin bahawa rundingan-rundingan di London akan mendapat kejayaan. Sebelum parti saya beroleh kuasa, saya telah berkata yang saya ingin hendak mendapat peluang mengemukakan perkara-perkara yang munasabah terhadap Parti Komunis yang sekarang berjuang melawan kerajaan hari ini.



*Tunku, David Marshall dan Dato Sir Tan Cheng Lock bersama jurugambar sebelum rundingan dimulakan.*

Inilah satu ketetapan khas yang telah diluluskan oleh pihak saya:

1. Perkara komunis yang telah dihukum bunuh sampai mati.
2. Perkara orang yang telah dihukum kerana membantu.
3. Perkara komunis yang telah ditahan.

Semua mereka ini adalah di dalam selamat dan tidak akan dibebaskan sehingga sampai tamat darurat ini kelak.

Selagi darurat itu berjalan, maka selama itulah pula undang-undang darurat berkuatkuasa dan tidak sekali-kali akan dikendurkan. Malaya dan Singapura adalah satu dan kerana itulah kita hari ini membawa sama Tuan Marshall, dan juga orang yang menubuhkan MCA iaitu Dato Sir Tan Cheng Lock.

Saya berjanji dengan jiwa saya sebagai pertaruhan akan keselamatan tuan-tuan kalau tuan-tuan menerima rancangan ini. Tuan-tuan bolehlah menganggap bahawa rancangan ini tidak sesuai dengan tuan-tuan. Mengikut rancangan ini, tidak ada seorang pun yang menyerah diri yang tidak akan dibicarakan, kerana mana-mana kesalahan yang dilakukan dalam masa darurat berjalan, kenalah diselidik.

Kamu boleh menyerah diri dalam cara mana yang kamu suka. Ingatlah bahawa tidak ada sama sekali berhentinya tembak menembak. Pasukan keselamatan sentiasa bersedia akan melancarkan kewajipan masing-masing.

Pihak komunislah yang mula-mula sekali menjalankan serangan ke atas pasukan keselamatan contohnya, kejadian yang sedih berlaku di Cameron Highlands.

Mana-mana ahli komunis yang bersungguh-sungguh menunjukkan keikhlasan terhadap undang-undang negeri ini, maka mereka akan dibebaskan dari tahanan. Dan yang mana hendak kembali ke negeri China, maka mereka akan dikumpulkan di dalam satu tahanan dan akan dibenarkan pulang ke negeri China.

Sehingga hari ini, ramai dari mereka yang telah menolak racangan kami ini. Sekarang Tuan David Marshall adakah hendak berkata apa-apa. Juga Dato Sir Tan Cheng Lock?

Marshall:

Di dalam gerakan komunis menentang kerajaan, mereka tidak langsung mencapai kejayaan, kecuali penderitaan semata-mata. Ada juga di antara pihak komunis itu ahli kebangsaan dan ada pula yang ingin hendak menjadikan negeri ini satu tanah jajahan bagi satu kuasa luar.

Mana-mana ahli yang berfahaman kebangsaan, maka kita mengalu-ngalu mereka masuk ke dalam penghidupan rakyat yang damai. Kerajaan Persekutuan adalah merasai lebih dari apa yang dideritakan oleh kerajaan Singapura, tetapi hendaklah diingat bahawa Singapura juga yang menanggung beban ini. Sekarang saya mendesak supaya tuan-tuan berhentikanlah perjuangan yang sia-sia ini dan dengan kekerasan itu, serta marilah bersama-sama kami bercampur dalam kerajaan kami yang bercorak demokrasi.

Tunku:

Saya hendak menambah kata bahawa saya bercakap ini bukanlah saya ini seorang jurucakap atau sebagai perkakas tetapi saya bertindak ini sebagai seorang hamba kepada rakyat saya dan saya mewakili mereka. Apa yang diterangkan oleh Tuan Marshall itu adalah semuanya

## MEMOIR: III

### CHIN PENG TOLAK TAWARAN AMPUN BERAMAI-RAMAI

CHIN PENG menundukkan kepala dan mengisar tempat duduk. Rambutnya yang terjantai ke dahi dibetulkan kembali. Dengan suara perlahan dia berkata:

Chin Peng: Bolehkah saya minta Chen Tien menjadi juru-bahasa saya?

Tunku &

Marshall: Boleh.

Chin Peng: Terima kasih. (Chin Peng kemudian menganggukkan kepalanya dan mula bercakap).

Chin Peng: Pertamanya, telah jelaslah bagi kami bahawa tuan-tuan ini bukanlah jurucakap atau perkas bagi pihak kerajaan British. Kerana itu kami telah bersabung nyawa keluar ke tempat terang untuk menemui tuan-tuan di sini. Kami tahu bahawa di sekeliling kami, askar-askar dengan senjata siap sedia untuk bertindak, tetapi itu tidak mendatangkan apa-apa hal kepada

betul. Segala cara-cara kita hendak menjayakan tujuan kita ini bolehlah kita berikhtiar bersama-sama.

Sekarang tuan-tuan bebas untuk berkata apa-apa yang tuan suka.

kami. Kami tengok pasukan bersenjata berada dalam keadaan yang baik.

Pihak British nampaknya mempunyai senjata-senjata yang baik maka sebab itulah mereka berada dalam keadaan semangat yang tinggi. Saya datang ke sini, bukan untuk berunding perkara fahaman masing-masing tetapi ialah untuk keamanan.

Keamanan ialah desakan umum. Keamanan ialah kemahuan rakyat jelata. Dan kami juga berharap keamanan akan dapat diciptakan dan segala penderitaan rakyat selama ini akan ditamatkan. Peperangan tetap peperangan. Dan peperangan mendatangkan rasa benci membenci. Kalau saya tidak silap ingatan bahawa Tuan Nehru dalam satu ucapannya telah berkata: Kekerasan tidak akan membawa kita ke mana-mana.

Kami tetap bersetuju dengan tuan. Walaupun pergaduhan berlaku di sini, tetapi kami menaruh minat yang besar terhadap ucapan tuan Nehru itu.

Saya nampak tidaklah perlu untuk saya membincangkan lebih lanjut siapa yang bertanggungjawab atas segala malapetaka yang terjadi di Malaya sekarang.

Sebabnya kami menolak tawaran ampun beramai-ramai itu ialah amat senang saja iaitu apa yang terkandung dalam tawaran tersebut tidaklah ada bezanya daripada yang ditawarkan kepada kami dulu.

Tunku: Adakah itu mengenai serahan diri?

Chin Peng: Ya. (Chin Peng kemudian bercakap sesama sendiri dengan pembantunya selama kira-kira empat minit).



**Chen Tien:** Di dalam tawaran ampun beramai-ramai terhadap perbuatan yang telah kami lakukan telah pun disebutkan. Kami bersetuju dengan semangat hendak berunding sebenarnya.

Kami juga mengakui akan segala tenaga percubaan Tunku dan Dato Sir Tan Cheng Lock hendak menamatkan peperangan ini. Segala isi-isi tawaran ampun beramai-ramai sekarang ini adalah berlainan dari yang difahamkan umumnya.

Di dalam masa yang lalu YTM Tunku telah mengatakan jikalau kita hentikan peperangan ini maka kita akan dapat berunding tetapi dalam isi tawaran ampun beramai-ramai itu tidak pula disebutkan apa-apa.

Iniilah yang hendak saya cakapkan dan sekiranya percakapan saya ini mengeluarkan percakapan yang biadap, harap maafkan sahaja.

**Tunku:** Saya telah menyatakan di dalam ayat yang kelima iaitu, pertamanya, kamu semua kenalah meyakinkan kami iaitu kamu sebenarnya menumpukan taat setia kamu kepada hanya Malaya saja.

Tetapi kalau hanya bencikan kepada British, bukankah itu satu dasar kepada perjuangan kamu. Kamu semua mestilah taat kepada Malaya dan kamu semua mesti menunjukkan bukti bahawa kepada negeri inilah saja yang kamu tumpahkan kasih sayang dan taat setia kamu.

Hari ini semua rakyat Malaya adalah berdiri di belakang saya dan mereka menganggap komunis itu ialah sebahagian dari kuasa luar. Itulah sebabnya kamu mustahak menunjukkan bukti taat setia kamu terhadap Malaya saja.

terjadi di Malaya ini, maka bangsa Cinalah yang paling banyak menerima azab dan penderitaan.

Saya berharap semoga mesyuarat ini akan mendapat satu gambaran yang jelas dan keputusan yang baik.

Mengapakah kita semua menghabiskan wang dan jiwa kita dengan tidak ada sebab, tegasnya dengan percuma.

Sebahagian besar dari penduduk negeri ini tidak bersama dengan Parti Komunis tetapi sebaliknya adalah mereka bersatu padu dalam satu tujuan iaitu hendak menjadikan negeri ini kekal, aman dan sentosa.

Komunis adalah dibina atas asas-asas pencerobohan. Kita semua berkehendakkan negeri ini aman. Oleh itu marilah kamu semua keluar dari hutan. Darurat yang berjalan ini adalah seumpama satu penyakit yang menghisap darah rakyat. Oleh itu tidaklah ada satu sebab yang kita hendak panjangkan penyakit ini.

**Tunku:**

Saya telah baca segala manifesto yang dikeluarkan oleh pihak komunis. Saya dapati kandungannya amat baik dan tentu akan mendatangkan kebajikan kepada penduduk-penduduk sekalian.

Kita telah mengadakan kebebasan bercakap iaitu kebebasan perikemanusiaan yang kita sendiri agung-agungkan. Kita telah menjalankan polisi berkenaan dengan Bahasa Melayu dan saya berharap semua bangsa akan memberi galakan.

Tanah-tanah sekarang sedang diberikan kepada penduduk-penduduk negeri ini. Manifesto dari pihak tuan tidak ada berlainan dari yang kami keluarkan. Berkenaan dengan *amnesty*, apakah yang tuan hendak katakan di atas sega-

Inilah dia kedudukannya. Kalau sekali kamu telah masuk kembali ke dalam masyarakat kami ini, maka tentulah tidak ada lagi berlainan atau perbezaan antara kamu dan kami.

Kamu telah sebutkan berkenaan dengan tawaran ampun beramai-ramai dan serahan diri itu. Di sini ada juga bezanya. Tawaran serahan diri itu ialah dikeluarkan oleh kerajaan yang lalu, dan tawaran ampun beramai-ramai ini dikeluarkan oleh kerajaan kami, iaitu kerajaan dari sekalian rakyat.

Malang sekali kerana kertas tawaran ampun beramai-ramai itu pada mulanya ditandatangani oleh Jeneral Bourne tetapi setelah kami mendapati kesilapan itu, maka sebagai hendak menunjukkan bahawa tawaran itu mendapat sokongan dari rakyat jelata, maka kami telah memperbetulkan kesilapan itu dengan menu-runkan tandatangan kami.

(Hidangan teh telah diedarkan pada waktu itu).

**Tunku:** Dato Tan masih dalam keadaan sakit, tetapi kerana hendak berjumpa dengan kamu dia datang juga bersama-sama kita semua.

(Tunku diam seketika. Bilik mesyuarat menjadi sepi. Yang terdengar hanya tarikan nafas mereka).

**Tunku:** Rashid, adakah mempunyai anak isteri?

**Rashid:** Ya, Engku.

**Tunku:** Rashid anak Perakkah?

**Rashid:** Ya, Engku.

**Dato Tan:** Anggota Parti Komunis Malaya adalah terdiri dari bangsa Cina dan dalam pancaroba yang

negeri. Kita berkehendakkan rakyat sekalian taat kepada negeri bukannya rasa benci seperti yang ada hari ini. Semuanya itu untuk faedah negeri belaka. Kita, hari ini hendak berunding perkara pengampunan beramai-ramai. Kita bukan hendak berunding perkara fahaman masing-masing. Kita percaya tawaran pengampunan beramai-ramai itu ialah satu kehormatan sebagai satu cara untuk membaiki tali perhubungan antara bangsa-bangsa. Dalam bab lima tawaran tersebut, kita memujuk mereka meletakkan senjata dan mengalu-ngalukan mereka kembali ke dalam masyarakat yang damai.

(Chin Peng kelihatan tersenyum dan mengucapkan terima kasih).

Chin Peng: Saya suka hendak menerangkan satu perkara lagi. Bolehkah saya mendapat penerangan akan maknanya meninggalkan (*give up*) pergerakan komunis?

Marshall: Ya. Meninggalkan pergerakan serta membuang fahaman komunis.

Chin Peng: Tak adakah lain-lain cadangan dari pihak kerajaan, maksud saya lain-lain cadangan yang membina?

Tunku: Mana-mana komunis yang masuk ke dalam masyarakat kami akan kami terima sebagai rakyat biasa.

Marshall: (Kepada jurubahasa).

Tolong terangkan kepada mereka (kepada komunis) bahawa saya mengaku akan keberanian mereka, juga keikhlasan mereka. Dan saya sangat suka. Tetapi apa yang mereka lakukan sekarang ini ialah semata-mata memberi kesengsaraan. Dengan ikhlasnya saya mengatakan

la kandungan yang kami letakkan. Bagaimanakah maksud kamu dengan berkehendakkan saya lebih lagi bertimbangrasa dan bermaruah?

**Chin Peng:** Bolehkah saya mengulas dua perkara? Pertama tentang taat setia kepada Malaya. Bolehkah saya mendapat penjelasan tentang kehendak "taat kepada Malaya" itu?

**Tunku:** Berhentikan pergerakan komunis sebagaimana yang dijalankan sekarang ini.

Contohnya: Di Singapura berlaku penyeludupan anasir-anasir komunis, sementara di Malaya berlaku mogok pekerja-pekerja. Yang lagi satu ialah kekayaan seseorang. Kita tidak dapat menahan seseorang dari menjadi kaya raya. Kita sebaliknya mengadakan cukai-cukai terhadap mereka. Dan begitu juga Raja-raja Melayu. Mereka inilah yang menjadi tunjang dan menegakkan perjalanan negeri ini. Kepada semua orang Melayu, agama menjadi satu pertaruhan kepada mereka. Pihak Perikatan telah menegakkan Raja-raja sebagai kuasa yang teragung bukan sebagai ketua catur. Biarlah kuasa mereka itu tidak dicampur-campur. Raja-raja Melayu bukanlah dari golongan yang kaya seperti Raja-raja di India. Kepada orang-orang Melayu, mereka dipandang sebagai ketua yang amat mustahak. Panduan bagi agama, adat istiadat dan tumpuan taat setia mempertinggikan keaulatan serta kemegahan Raja-raja itu.

Semua ini adalah sebagai contoh-contoh tanggungan anak negeri yang taat setia.

**Marshall:** Hari ini kita mencari satu jalan hendak mencari keamanan kita. Rakyat mestilah menghormati kebajikan negeri, dan kemampuan

bahawa saya datang bersama-sama Tunku ini ialah bertujuan satu - iaitu berhajat hendak menjadikan Malaya ini satu negeri yang cemerlang.

Kalau kita mengakui pergerakan komunis maka bermakna kita akan melambatkan segala susunan kerja-kerja kita di dalam membina negeri ini. Kalau begitu letakkan senjata kamu. Marilah kita menghadapi hakikat yang sebenarnya. Kamu tetap bersalah. Kamu bersubahat dengan kekerasan. Sekarang apa lagi yang hendak kamu katakan?

**Chin Peng:** Kalau saya terburu-buru memberi keterangan saya itu haraplah maaf.

**Marshall:** Ya.

**Chin Peng:** Kerajaan Singapura ialah kerajaan yang dipilih oleh orang ramai. Kiranya kerajaan Singapura menurut keinginan pengundi-pengundi iaitu dengan mencapai kekuasaan dalam negeri, maka perkara mengiktiraf itu bukan menjadi perkara yang susah lagi.

**Marshall:** Dalam kerajaan demokrasi, rakyat boleh bersuara mengikut hak-hak yang diberikan kepada mereka.

**Chin Peng:** Saya ingin merujuk tentang perhimpunan orang ramai di Australia (Dewan Perhimpunan Orang Ramai).

**Marshall:** Saya tak mengerti apa yang tuan maksudkan itu.

**Chin Peng:** Di Australia, mengikut apa yang tersebut dalam manifestonya, ada tercatat satu rangkaian kata yang hendak menghalalkan Parti Komunis.

**Tunku:** Tetapi kamu harus faham bahawa kamu sekarang sedang melawan sebuah kerajaan yang dipilih oleh orang ramai.

- Chin Peng: Sebetulnya, kalau tak salah percakapan saya ni, kerajaan yang lalu itu, bukan sebuah kerajaan pilihan orang ramai.
- Tunku: Ya.
- Chin Peng: Setahun yang lalu Dato Sir Tan Cheng Lock mengatakan tidak guna menjalankan peperangan ini.
- Tunku: Negeri ini telah membelanjakan wang yang banyak untuk melawan pengganas. Kalau kita masih teruskan mengangkat senjata untuk berperang, kita kena guna wang yang banyak. Wang itu hanya datang dari negara-negara Komanwel. Kita tak mahu terus menerus buat begini.
- Chin Peng: Saya sendiri jelas nampak semuanya itu.
- Dato Tan: Kemudian mengapa tidak berhenti melawan?
- Chin Peng: Begini saja. Sebagai ahli Parti Komunis, kami percaya kepada fahaman kami. Sekarang kerajaan minta kami buang langsung fahaman ini, tetapi sebagai anak negeri ini, tentulah dia ada hak dari segi kebebasan berfikir, dan pada hakikatnya kerajaan sekarang nampaknya memandang dengan perkara ini.
- Tunku: Bagi pihak kami, kami telah berikan kebebasan berfikir dan kebebasan bercakap. Kamu kata, kamu berkehendakkan orang ramai menentukan, bukan?
- Chin Peng: Ya.
- Tunku: Kami pun berpendapat lebih kurang demikian juga. Orang ramai di Malaya suka tetapi hendaklah diingatkan bahawa aliran fikiran yang baru telah pun bertukar. Ramai ahli-ahli dalam Konsul telah mengeluarkan fikiran masing-masing.

jukkan yang Parti Komunis kami hendak dibubarkan. Saya berharap barangkali Tunku Ketua Menteri hendak mengulas lain-lain tentang soal ini.

**Tunku:** Tak ada ulasan apa-apa. Sukakah kalau rundingan ini kita hentikan sementara selama satu jam?

(Rundingan kemudian berehat selama satu jam).



perangan ini hanya akan membawa kepada ke-sengsaraan dan penderitaan.

Tunku: Kalau begitu, masuklah bersama-sama gerakan kami.

Chin Peng: Adakah bermakna yang kami akan membuang fahaman kami ini.

Tunku: Pergerakan dan fahaman adalah berlainan maknanya.

Chin Peng: Kalau kami tidak dapat mencapai hasrat kami, adakah tuan fikir yang kami ini akan mengikut kata tuan. Marilah kita ringkaskan perkara ini. Kami boleh ikut setengah-setengah perkara, iaitu sambil kami mengekal akan Parti Komunis ini, kami akan meresap masuk dalam Perikatan, tetapi kalau kami membuat gerakan di belakang, kami tentu dicap sebagai tidak jujur, ikhlas dan bersifat terus terang. Lagi satu perkara, ialah pandangan orang ramai, kami ini tetap sebagai komunis. Kerana itu maka perkara mengakui Parti Komunis ini biarlah dijelas dengan terang.

Tunku: Seperti yang telah saya katakan tadi, apa yang akan terjadi kemudiannya tidaklah saya ketahui. Pihak komunis telah sama-sama bersubahat untuk bunuh membunuh dan melakukan kekerasan. Kerana itulah kita tidak boleh mengakui Parti Komunis.

Chin Peng: Soal mengakui Parti Komunis bukanlah datang-nya dari Perikatan saja. Kami hendak tuan terangkan bahawa pihak Perikatan mempunyai kuasa tunggal untuk memberi pengakuan terhadap Parti Komunis.

Tunku: Di tempat-tempat tahanan mereka tidak me-

## MEMOIR IV

### DAVID MARSHALL TUMBUK MEJA

(Selepas berehat selama satu jam, rundingan disambung semula).

- Chin Peng: Cadangan tersebut adalah tersangat mustahak.
- Marshall: Pihak komunis telah membawa rasa benci, kekerasan dan keganasan.
- Chin Peng: Ah, itu soal lain. Kalau kami tak terima tawaran yang diletakkan ke atas kami ini, maka kamilah yang akan diletakkan kesalahannya.
- Marshall: Kalaulah Parti Komunis tidak diakui, (Marshall menumbuk meja sekali) maka kamu akan melakukan kekerasan. Tetapi apa yang dapat kamu capai dari sikap yang demikian?
- Chin Peng: Sekarang saya tegaskan lagi sekali. (Mukanya yang tadi tersenyum berubah menjadi pekat dan pahit). Kalau darurat ini berpanjangan, maka kesalahan itu jangan diletakkan di satu pihak saja. Kami sendiri sedar bahawa pe-

ngambil apa-apa hanya satu saja yang saya masih ingat iaitu sebuah jam tangan perempuan tetapi itupun akan dikembalikan kepada tuan empunya jika ada yang datang membuat tuntutan. Saya tak pernah menaruh rasa benci kepada sesiapaupun. Bagi menyelenggarakan tanggungjawab saya terhadap penduduk-penduduk saya telah bekerja keras dalam UMNO. Saya mahu semua bangsa sama-sama bekerja di dalam negeri ini untuk mencapai keamanan. Di Kulim, Pelam, Junjung, Guar Cempedak, dan di mana-mana tempat yang terjadi kejadian seperti ini, tidaklah ada satu kekerasan pun berlaku. Mula sekali saya memegang tampuk UMNO, saya telah menyatupadukan orang-orang Melayu, Cina dan India. Masih ada lagi tempat, untuk mencari kekayaan di negeri ini bagi semua anak-anak negeri. Jadi mengapa mesti berlaku kekerasan, pertengkaran dan rusuhan-rusuhan. Adakah dikehendaki saya menghentikan majlis ini untuk selama satu jam. Mereka ini semuanya telah letih. Mungkin kerana berjalan jauh.

**Chin Peng:** Bolehkah saya tahu, bahawa perkara-perkara yang kita bincangkan ini akan atau telah dipersetujui oleh kerajaan?

**Tunku:** Kalau saya telah memutuskannya begitu, biarlah kita rehat dulu.

(Majlis berehat lagi dari pukul 5.30 petang hingga 6.45 petang).

**Tunku:** Adakah tuan fikir kita boleh sambung semula percakapan kita. Kita berhenti sebentar tadi dengan mengatakan yang kita tidak akan menga-kui Parti Komunis.

- Chin Peng: Saya ingin hendak menggunakan jurubahasa saya sendiri. Boleh?
- Tunku: Suka hati awaklah.
- Chin Peng: Saya hendak bertanya. Sebelum itu, kita asingkan sebelah dulu perkara hendak mengakui Parti Komunis. Saya hendak tahu lebih lanjut apa kata Tuan Marshall tentang kata duanya terhadap kami itu.
- Marshall: Kami tetap tidak akan mengakui Parti Komunis.
- Tunku: Adakah tuan hendak bertanya soalan itu sekali lagi?
- Chin Peng: Sebelum kita berhenti percakapan kita petang ini, Tuan Marshall berkata dia tidak akan mengakui parti kami ini.
- Marshall: Nanti dulu saya terangkan.
- Chin Peng: Kemudian kita teruskan percakapan kita.
- Marshall: Ikut sukalah.
- Chin Peng: Bolehkah saya mendapat tahu, adakah kerajaan British mengakui hendak memberi kemerdekaan yang sepenuhnya kepada Malaya.
- Tunku: Ya. Sebagai yang saya katakan iaitu telah diisytiharkan di dalam Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan yang kerajaan baginda Queen telah mengakui hendak memberi kemerdekaan penuh.
- Chin Peng: Kami sesungguhnya berharap hendak mengetahui tentang perkara ini.
- Tunku: Kalau saya tak dapat capai kemerdekaan bagi umat Malaya ini, maka saya sudah pasti akan ditendang keluar. Pada 31 Ogos, 1957, kita akan

## MEMOIR V

### CHIN PENG BERITAHU, NAK MASUK PARTI "BURUH"

**Chin Peng:** Saya ingin hendak menegaskan bahawa di sekeliling tempat ini ada orang-orang British.

**Tunku:** Mereka datang untuk menjaga keselamatan.

**Chin Peng:** Marilah kita balik kepada soalan yang pertama. Saya suka tuan terangkan lagi mengenai perkara itu.

**Tunku:** Saya tak tahu hendak menerangkan lebih lanjut. Komunis di Indonesia berlainan dengan komunis di sini. Di sana saya lihat macam-macam bendera ada, berkibar sebelah menyebelah iaitu, kalau pada kedai ini tergantung bendera Chiang Kai Shek dan pada kedai sebelahnya pula tergantung pula bendera komunis. Mereka itu bukanlah komunis Cina tetapi komunis Indonesia. Bila mereka bercakap antara satu sama lain, mereka hanya dengan satu tujuan saja iaitu bersama-sama untuk membina negara

berbincang mengenai hendak memindahkan kuasa-kuasa ke tangan kita.

Chin Peng: Pindahan kuasa, hal keselamatan dalam negeri kepada kerajaan sekarangkah?

Tunku: Itulah yang saya bincangkan.

Chin Peng: Katakanlah kami tak mahu menerima apa yang tuan katakan itu.

Tunku: Kami akan menjalankan gerakan yang lebih bermakna. Kami akan mengadakan sekatan-sekatan ke atas bekalan makanan, menahan orang-orang lalu lalang dan lain-lain. Kita sekali-sekali tidak akan melonggarkan kerja-kerja kita.

Chin Peng: Saya hendak menunjukkan bahawa ada seseorang yang sekarang bekerja di belakang majlis mesyuarat ini. Saya ingin hendak menunjukkan yang ini (tangannya diarahkan kepada perakam suara yang digantung di tengah-tengah bilik rundingan itu).

Tunku: (KETAWA) Hah! Ha.

Kamu boleh teliti sendiri. Silalah.

*(Chin Peng dan Chen Tien Bangun Memeriksa Sekeliling Bilik Rundingan dan Bilik Sebelah).*

mereka. Lagi pula setahu saya, Parti Komunis di sana ialah sebuah parti yang kuat.

**Marshall:** Kamu barangkali telah baca dalam surat khabar akan kandungan perjumpaan hari ini.

**Chin Peng:** Kami telah mendengar berita ini menerusi radio semalam.

**Tunku:** Apa yang akan terjadi di sini saya masih belum dapat tekakan.

**Marshall:** Kamu sebenarnya telah melakukan kesalahan dengan menggunakan kekerasan.

**Tunku:** Orang Melayu di sini menganggap orang-orang komunis di sini menaruh taat setia kepada negeri China. Berapa orangkah di antara kamu yang sebenar-benarnya hendak menumpahkan taat setia kepada negeri ini?

**Chin Peng:** Benarkanlah saya menyoal tuan. Saya fikir soal ini kita bincang kemudian.

**Tunku:** Kamu hendaklah terlebih dulu menunjukkan taat setia dan kami hendak mengetahui keadaan yang sebenarnya. Kamu masih ada masa menentukan pendirian kamu.

**Chin Peng:** Katalah kami menerima. Tuan tidak akan mengakui juga parti kami jika kami keluar.

**Tunku:** Kami mestilah meneliti hal kamu dan mengadakan siasatan. Adakah kamu akan mengekalkan gerakan kamu itu? Waktu ini kamu semua adalah anti Malaya.

**Marshall:** Kita hendak mencapai kemerdekaan secara demokrasi. Kalaulah kamu hendak menyerah diri, Singapura tetap akan mengalu-ngalukan gerakan kamu itu.

Chin Peng: Kami tidak akan menerima tawaran tuan kalau tuan hendak meletakkan kami dalam tahanan.

Tunku: Kami mesti siasat. Kamu akan dihadapkan dengan perbicaraan kerana kamu telah banyak melakukan kesalahan.

Chin Peng: Kami mahu berkata terus-terang. Kalau kami keluar serah diri, apa akan terjadi kepada nasib kami.

Tunku: Apa yang saya katakan itu adalah cukup adil. Kamu semua akan ditahan untuk diteliti dan disiasat, iaitu dengan tujuan dan semangat yang baik serta jujur. Bila darurat ini tamat, maka tahanan akan dibebaskan.

Marshall: Tiap-tiap peluang akan diberi kepada semua yang menyerah diri dan pertolongan akan diberikan supaya mereka akan dapat masuk kembali ke dalam masyarakat yang teratur.

Tunku: Kami akan membantu mereka menyesuaikan diri ke dalam masyarakat umum. Pihak komunis telah lama tinggal dalam hutan dan kerana itu pandangan mereka adalah berlainan dari orang ramai. Perkara yang utama dan mustahak ialah memberi pertolongan mencarikan pekerjaan yang bersesuaian dengan mereka. Bantuan-bantuan tanah, benih-benih dan binatang ternakan mengikut kemahuan masing-masing akan diberikan. Bila mereka menyerah diri, mereka akan diberi peluang menyatakan kehendak masing-masing.

Chin Peng: Saya fikir soal menolong kami ini adalah soal yang kedua saja. Yang kami hendak tahu dengan tegas ialah perkara menghadkan pergerakan kami.



Chin Peng: Kalau tiap-tiap seorang dari kami diberi peluang pulang ke negeri China, maka nampaknya kamu tak hendak menghalalkan parti kami ini. Tak usahlah kita berlawan dalam soal ini. Perjuangan kami ini telah juga memberi hasil yang baik kepada negeri ini.

Marshall: Kalau kamu mempunyai perasaan cinta yang sebenarnya terhadap Malaya, apakah pengorbanan yang lebih baik selain dari yang kami tawarkan.

Chin Peng: Memandangkan kepada perjuangan kemerdekaan Malaya, maka pengorbanan mestilah ditunaikan dari kedua belah pihak.

Marshall: Dalam rundingan ini hanya satu soalan saja yang dikehendaki iaitu kita mesti menunjukkan kepercayaan dan ikhlas antara satu sama lain.

Chin Peng: Kami mengerti di atas segala rasa muhibah dan keikhlasan dari kedua-dua negeri dan kami mengerti juga ada di antara isi-isi di dalam syarat pengampunan beramai-ramai itu yang kami anggapkan tidak dapat kami terima.

Tunku: Katalah apa saja yang tak betul. Cuba terangkan kepada saya.

Chin Peng: Kepada kamu sangat terang dan senang, iaitu:

1. Soal menghadkan pergerakan kami.
2. Soal menghalalkan parti kami pada masa depan ialah semata-mata hanya membuang masa saja. Kita berunding lebih lanjut kalau tuan-tuan tidak hendak mengakui akan parti kami ini. Bukan pula saya bertujuan hendak mengagung-agungkan kekuatan kami ini.

Tunku: Kamu cuma dikehendaki menyatakan atau melaporkan diri kamu di mana kamu berada dan ke mana kamu hendak bergerak.

Chin Peng: Secara berterus-terang kami nyatakan sekarang bahawa kami tidak boleh menerima tawaran itu.

Tunku: Hendaklah kamu ingat bahawa kami mestilah pula menjaga kedudukan kami sendiri.

Chin Peng: Kerana kehormatan diri kami, di atas dasar kemanusiaan, kami terpaksa meneruskan perjuangan kami ini.

Tunku: Ah, itu terpulang kepada kamu sendirilah. Bagi kami, sesuatu tindakan mesti kami ambil untuk melindungi diri kami iaitu dengan menghadkan tiap-tiap pergerakan kamu itu.

Chin Peng: Kami bukan hendak bercakap sombong atau mengangkat diri kami sendiri. Kami tetap boleh meneruskan perjuangan kami.

Marshall: Sebab apakah kamu hendak meneruskan perjuangan kamu itu?

Chin Peng: Kerana menjaga kehormatan sifat kelelakian kami.

Marshall: Kamu bercakap tentang perjuangan. Di manakah letaknya kehormatan kelelakian kamu itu bila kamu semua menderita di dalam hutan. Mempertahankan kehormatan diri seseorang mestilah ada sesuatu pengorbanan. Dan inilah satu pengorbanan yang dikehendaki dari kamu semua.

Chin Peng: Kami bukan hendak bertengkar dalam soal ini.

Marshall: Kamu kemudian akan diberi peluang untuk pulang dengan serta-merta ke seberang laut.

- Marshall: Saya datang hendak mendengar apa yang kamu hendak kata.
- Chin Peng: Di dalam bab-bab penyerahan diri, maka telah jelas yang kami akan mengikut jalan-jalan sebagai yang dahulu juga.
- Tunku: Apakah itu?
- Chin Peng: Berkenaan dengan pergerakan diri kami.
- Tunku: Selepas saya membuat pengumuman, maka tiap-tiap seorang daripada kamu bolehlah keluar dengan apa cara mengikut sesuka hati masing-masing.
- Chin Peng: Tentulah juga termasuk orang-orang yang ingin kembali ke negeri China.
- Marshall: Berapa ramai yang hendak pulang?
- Chin Peng: Kami tidak tahu.
- Marshall: Tentulah akan diluluskan, kalau mereka tak suka tinggal di sini.
- Chin Peng: Adakah kami akan dibenarkan masuk ke dalam parti-parti siasah.
- Marshall: Dalam PAP?
- Chin Peng: Tidak.  
(David Marshall ketawa berdekeh-dekeh).
- Chin Peng: Bagaimana dalam Parti Buruh?
- Marshall: Di Singapura, ya, tapi mesti ikut cara demokrasi. Adakah kamu hendak menjalankan gerakan siasah dalam nama yang lain pula?
- Chin Peng: Kami bukan hendak berpura-pura atau ber-lindung-lindung.
- Marshall: Biarlah saya berkata di sini, bahawa kami gembira terhadap sikap berterus-terang tuan itu.

Tunku: Kalau kamu semua telah dibebaskan, maka kamu bolehlah masuk mana-mana parti yang halal di sisi undang-undang negeri.

Marshall: Kamu boleh masuk parti PAP kalau kamu mahu.

Tunku: Saya hendak menegaskan lagi kata-kata saya yang pertama tadi dan juga apa yang telah saya ulangi.

Marshall: Saya harap sebelum kita sambungkan percakapan kita esok, maka setakat ini.

Saya fikir memadailah dahulu.

(Mesyuarat tamat pada pukul 8.05 malam).

“Dalam bahasa yang betul, ia bukan ‘tahanan’ sama sekali. Kami bercadang untuk menahan awak bagi tujuan penyiasatan. Awak, seperti yang saya fahamkan, tidak bersetuju dengan perkara tersebut. Awak mencadangkan, sebaik-baik saja perjanjian dicapai, di mana keamanan akan wujud, awak kemudian akan dibenarkan untuk keluar dari hutan dan pergi ke mana awak suka secara bebas. Untuk perkara itu kami tidak dapat memberikan persetujuan atas sebab-sebab yang saya terangkan kelmarin.”

Kemudian daripada itu, awak mencadangkan juga bahawa tidak perlu mengadakan penyiasatan untuk menentukan awak setia atau tidak kepada negara ini. Kami merasakan penyiasatan itu (atau “soaljawab”), sekiranya awak lebih suka istilah itu dari perkataan “penyiasatan”, mesti diadakan. Penyiasatan itu akan menyiasat apa saja yang telah awak lakukan pada masa-masa yang lalu. Tujuan kami ialah untuk mendapat kepastian sama ada awak setia kepada negara ini atau tidak. Untuk tujuan itu, saya lebih suka, kalau kita katakan sebagai “soalsiasat.”

Kemudian perkara ketiga, yang dicadangkan oleh awak dan ditegaskan lagi oleh Ketua Menteri Singapura. Bagi sesiapa dari kamu yang ingin balik ke negeri China, atau ke lain-lain negara, kami dengan gembira akan membantu kamu balik. Bagi mereka yang hendak balik atau keluar dari negeri ini, saya fikir penyiasatan tidak perlu diadakan. Apa yang perlu kami tahu ialah ke mana kamu hendak pergi. Urusan pemergian dan duit poket boleh diberikan kepada mereka, ini pun sekadar cukup untuk perjalanan ke negara baru itu. Saya ingin menegaskan bahawa hanya mereka yang mahu tinggal di Malaya dan menjadikan negara ini rumah tangga mereka sahaja yang akan disiasat. Saya berharap kita boleh mencapai beberapa persetujuan mengenai perkara ini dan saya fikir elok kita berterus-terang tanpa berselindung-selindung lagi. Saya menghargai bahawa awak mahu berpegang kepada syarat terbaik sebelum kamu menyerah diri dan saya memahami sikap awak itu. Jadi, saya ingin mendengar apa yang hendak awak cakapkan.”

**RUNDINGAN KEEMPAT (HARI KEDUA)**

Pada 29 Disember 1955. dari pukul 10.50 pagi hingga 12.48 tengah hari.

**Kata Dua Tunku**

Pada hari rundingan sesi keempat Tunku telah memulakan ucapan dengan berkata:

“Kelmarin, rundingan kita membincangkan tiga perkara; pertama: soal pengiktirafan terhadap Parti Komunis Malaya (PKM). Kami telah memberitahu awak bahawa kami tidak sekali-kali memberikan pengiktirafan ke atas Parti Komunis.”

“Yang kedua ialah mengenai tahanan. Mengenai perkara ini, awak memberitahu yang awak tidak mahu ditahan atau dikenakan soalsiasat. Tetapi saya fikir, saya telah menerangkan kepada awak (sungguhpun saya tidak tahu sama ada awak faham atau tidak) bahawa masa penahanan hanya bergantung selama ia diperlukan untuk menjalankan penyiasatan, tidak lebih dari itu. Saya fikir, saya telah menerangkan kepada kamu tentang perbezaan antara tahanan yang menurut kefahaman kamu dan tahanan menurut ketetapan kami dalam kes komunis-komunis yang menyerah diri.”

Chin Peng: Sekiranya syarat-syarat yang ditetapkan itu tidak boleh ditukar, maka saya tidak mempunyai kuasa untuk menerimanya.

Tunku: Seperti saya katakan, ianya tidak boleh ditukar. Kami juga tak boleh membatalkan penyiasatan. Ia salah.

Chin Peng: Kalau macam itu tak perlu saya mengulangi apa yang saya katakan tadi. Apa yang telah saya katakan itu sudah jelas.

Marshall: Saya fikir kita telah menjelaskan satu perkara, iaitu mereka yang bebas boleh mengambil bahagian dalam kegiatan politik. Tetapi kita mesti mengadakan penyiasatan dan tentunya mereka mahu berbincang mengenai masa penyiasatan dijalankan, dengan menerima prinsip seperti yang dikehendaki oleh rakyat, dan berhubungan dengan ini saya fikir adalah baik untuk dibincangkan.

Chin Peng: Ini ialah soal prinsip. Saya tidak ada kuasa untuk berbincang soal prinsip.

Chin Peng kemudian meneruskan lagi:

Chin Peng: Kerajaan sekarang, walaupun ia sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat tetapi ia bukan sebuah kerajaan yang merdeka.

Marshall: (Mengarahkan jurubahasa). Beritahu dia negara kita telah diiktiraf sepenuhnya.

Chin Peng: Dalam beberapa perkara, bila kami kemukakan cadangan kami, kami menganggap ia begitu. Sekiranya kerajaan pilihan rakyat ini, iaitu Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura mempunyai kuasa sendiri dari segi keselamatan dalam negeri dan pertahanan negara, maka sudah tentu segala masalah itu boleh disele-

saikan dengan mudah. Sebaik sahaja dua kerajaan ini mempunyai kuasa sendiri dalam segi keselamatan dalam negara, maka kami boleh berhentikan perang dengan serta-merta.

**Tunku:** Adakah itu suatu janji? Bila saya balik dari England, perkara itulah yang akan saya bawa baik bersama.

**Chin Peng:** Jika itulah kesnya, kami boleh berhentikan sikap permusuhan serta-merta dan memansuhkan unit-unit bersenjata kami.

**Marshall:** Awak kata bahawa sebaik sahaja dua kerajaan mengawal hal ehwal keselamatan dalam negeri dan pertahanan negara awak akan berhentikan sikap permusuhan dan letak senjata dan juga memansuhkan unit-unit bersenjata kamu. (Berpaling kepada jurubahasa). Chen Tien, adakah perkara ini betul?

**Tunku:** Hanya satu perkataan "berkerajaan sendiri."

**Chen Tien:** Bukan berkerajaan sendiri tapi mempunyai kuasa penuh dalam hal ehwal keselamatan dalam negeri.

**Tunku:** Salah satu tujuan saya pergi ke England ialah untuk mendapatkan kuasa mengawal keselamatan dalam negeri. Bila saya dapat itu, adakah kamu katakan yang kamu bersedia untuk menerima syarat-syarat kami dan meletakkan senjata, sekiranya syarat-syarat itu datangnya dari saya?

**Marshall:** Apa yang kamu maksudkan dengan 'pertahanan negara?' Adakah kamu bermaksud mempunyai kuasa mengawal kesemua pasukan bersenjata dalam negeri?

**Chen Tien:** Pertahanan negara termasuk mengawal ke-



Marshall kemudian bercakap tentang tawaran Chin Peng itu dan membaca sebuah nota yang telah disediakananya, dan di mana dia meminta wakil-wakil komunis menandatangani; Ia berbunyi:

“Sebaik-baik sahaja kerajaan Persekutuan mendapat kuasa mengawal hal ehwal keselamatan dalam negeri dan pasukan bersenjata tempatan, kami akan memberhentikan tindakan permusuhan, meletakkan senjata dan memansuhkan pasukan bersenjata kami.”

Chin Peng berkata, dia bersedia menerima cadangan itu tetapi dengan satu tambahan. “Ia tidak akan menerima syarat-syarat pengampunan yang diberikan.” Chin Peng berkata, dia tidak bersedia untuk memikirkan masalah-masalah syarat pengampunan itu atau sebarang perkara mengenainya.

Chin Peng kemudian berbalik kepada soal penyiasatan yang menurut kefahamannya menyentuh tentang soal penyerahan diri. “Penyiasatan tersebut, tidak kira macam mana ianya diterangkan, memberi erti bahawa kami perlu menyerah diri. Adalah mustahil bagi kami untuk keluar hutan dan menyerah diri. Jika awak mahukan kami menyerah diri kami akan menentang sehingga ke titisan darah terakhir. Saya bukan bercakap bohong. Saya menceritakan perkara yang sebenar.”

Ketua Menteri kemudian menjelaskan bahawa oleh kerana terdapat 7,000,000 penduduk di Malaya dan cuma 3,000 orang komunis sahaja, maka kebajikan bagi 7,000,000 orang akan didahulukan.

Kata Marshall: “Kebajikan bagi 7,000,000 orang akan didahulukan. Sekarang kita telah memilih kerajaan dan kita sekarang sedang berada di ambang kemerdekaan, kita sama sekali tidak mengatakan bahawa perjuangan awak untuk mencapai kemerdekaan. Saya menyeru kepada awak supaya memikirkan perihal kebajikan rakyat keseluruhannya, walaupun ia akan memberi erti akan menyeksa 3,000 orang itu. Sekiranya kamu mengutamakan kebajikan rakyat, kamu tidak seharusnya

- semua pasukan bersenjata dalam negara.
- Marshall: Awak kata 'Pertahanan Negara' termasuk mengawal pasukan bersenjata dalam negeri.
- Chen Tien: Sekurang-kurangnya pasukan bersenjata tempatan.
- Marshall: Pasukan Tempatan? Adakah dalam beberapa perkara kamu boleh menerima syarat-syarat ini?
- Chen Tien: Untuk diberikan contoh-mengawal askar Melayu dan Rejimen Persekutuan.

Pada waktu ini, satu perkara ditimbulkan, iaitu semasa Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu pergi ke London, Ketua Menteri Singapura tidak akan pergi ke sana sehingga bulan April, dan sama ada tawaran itu terpaksa menunggu kepulangan Marshall, tetapi Chin Peng membuat penjelasan mengenai perkara ini dengan berkata "Sekiranya Tunku berjaya mendapatkan kuasa mengawal hal ehwal keselamatan dalam negeri bulan Februari dan pertahanan negara, maka kami akan berhentikan sikap permusuhan serta-merta dan kami tidak akan menunggu keputusan yang akan dibawa oleh rombongan Marshall."

Chin Peng kemudian menjelaskan bahawa tawarannya untuk meletakkan senjata tidak bermakna menyerahkannya kepada kerajaan. "Boleh saya ulangi, perletakkan senjata tidak sama dengan menyerahkannya kepada kerajaan. Sekiranya PKM diberi pengiktirafan; Jika sekiranya tidak disekat kebebasan kami, adalah berkemungkinan kami akan menyerahkan senjata-senjata kami."

(Dia memikirkan bahawa perletakan senjata seperti yang difahamkan olehnya tidak payah menyerahkan kepada kerajaan tetapi Tunku telah menjelaskan bahawa syarat-syarat itu memerlukan bahawa alat-alat senjata perlu diserahkan kepada kerajaan, kalau tidak mereka mungkin akan menggunakannya pada bila-bila masa sahaja).

meletakkan kesombongan dan keangkuhan kamu sebelum kebajikan rakyat."

Chin Peng, walau bagaimanapun, menjelaskan sepanjang penyiasatan itu diadakan, dia tidak berhak menerimanya. Dia mengakui bahawa jumlah orang-orangnya kecil sahaja.

Tunku berkata; Sekiranya ramai dari pemimpin mereka dan para pengikutnya mahu pulang ke negeri China dan mereka yang hendak tinggal di sini sedikit sahaja, maka barulah dia akan memansuhkan penyiasatan dan satu syarat lain dikenakan ialah mereka mesti membuat laporan di mana mereka berada. Walaupun perkara baru ini dikemukakan, Chin Peng nampaknya tidak mahu menyerah diri.

Tunku kemudian menyambung: "Seperti yang saya katakan kelmarin, ideologi kita adalah berbeza sama sekali. Oleh itu sekiranya kamu tidak mahu menyerah diri, kami tidak akan menerima kamu ke dalam masyarakat kami. Jika sekiranya kamu berkehendakkan keamanan di negara ini, satu pihak mesti menyerah sama ada kami menyerah kepada awak atau awak menyerah kepada kami. Dalam hal ini, kamulah mesti menyerah kepada kami!"

Tunku tidak akan membiarkan Malaya dipecah dua macam Korea dan Vietnam. Malaya terlalu kecil, dan untuk lebih jujur dan tegas, pihak komunis mesti menyerah diri.

Ketua Menteri sebelum meninggalkan dewan, menyeru kepada wakil-wakil komunis itu supaya memikirkan kebajikan rakyat terbanyak dan memberi amaran, sekiranya pada masa hadapan, pihak komunis bersedia menukarkan sikap mereka, pihak kerajaan tidak akan mengambil keputusan untuk berjumpa mereka lagi.

## PENGISYTIHARAN PENGAMPUNAN

KEPADA semua mereka yang mengangkat senjata untuk menentang kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan kepada mereka yang bersubahat dengan mereka, kerajaan yang mewakili seluruh rakyat Tanah Melayu telah membuat pengisytiharan pengampunan berdasarkan syarat-syarat berikut:

1. Kepada mereka yang datang menyerah diri tidak akan didakwa atas sebarang kesalahan berkaitan dengan darurat, yang mana telah kamu lakukan di bawah arahan komunis, sama ada sebelum tarikh ini atau ketiadaan mengetahui tentang perisytiharan ini.
2. Kamu boleh menyerah diri cara mana kamu suka dan kepada sesiapa yang kamu suka termasuk anggota orang awam.
3. Tidak akan ada "gencatan senjata" secara besar-besaran tetapi Pasukan Keselamatan akan sentiasa berjaga-jaga untuk membantu mereka yang ingin menerima tawaran ini dan untuk tujuan ini "gencatan senjata" tempatan akan diuruskan.

## PERANAN TUNKU DALAM RUNDINGAN BALING

Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj adalah orang yang memainkan peranan penting dalam rundingan Baling. Pertama kali Tunku berjumpa Chin Peng, Setiausaha Agung PKM ialah pada 28 Disember, 1955, iaitu dalam rundingan Baling. Pada waktu itu Tunku menjadi Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu.

"Rundingan Baling" pada tahun 1955 bolehlah dianggap sebagai suatu sejarah yang sangat penting bagi negara kita. Ia menjadi *turning point* bagi menumpaskan kegiatan komunis.

Darurat yang berlaku pada tahun 1948 merupakan suatu ancaman kepada keamanan negara. Pergerakan rakyat tersekat di mana mereka menghadapi ancaman-ancaman komunis pada saban waktu, tanpa mengira masa. Mereka mendoakan agar keganasan komunis dapat dicegah dan dihapuskan. Mereka tidak tahan lagi menghadapi keganasan demi keganasan dari gerombolan-gerombolan komunis. Pihak kerajaan tidak boleh mendiamkan diri sekelip mata pun. Pegganas komunis perlu dihapuskan. Nyawa dan harta orang ramai perlu dijaga dan diberikan kawalan.

As soon as the  
 Federation obtains complete  
 control of internal security  
 and legal armed forces  
 we will end hostilities, lay  
 down our arms and disband  
 our forces if you are  
 to accept the present amnesty  
 terms.

*Surat yang ditulis oleh David Marshall.*

4. Kerajaan akan menjalankan penyiasatan ke atas mereka yang menyerah diri. Mereka yang menunjukkan bahawa mereka dengan niat tulus ikhlas hendak menumpahkan taat setia kepada kerajaan Malaya dan hendak meninggalkan kegiatan komunis mereka akan diberikan bantuan untuk mencapai semula kedudukan mereka dalam masyarakat dan akan bersatu semula dengan keluarga mereka. Sebagai langkah keselamatan, beberapa peraturan dan larangan akan dikenakan ke atas kebebasan mereka tetapi sesiapa sahaja yang ingin balik ke negeri China, permintaan mereka akan dipertimbangkan.

Tunku, sebagai seorang pemimpin negara merasa tidak senang melihat tragedi demi tragedi berlaku. Satu usaha hendaklah dilakukan segera untuk menghentikan keganasan yang mengancam rakyat terbanyak itu. Pihak kerajaan British sendiri telah melancarkan operasi demi operasi untuk menghancurkan kegiatan komunis, tetapi semakin banyak operasi dilakukan semakin banyak keganasan yang mereka lakukan.

Pada masa itu Tunku sendiri merasakan "semakin ramai kita menembak mati komunis semakin banyak pula mereka berkembang." Oleh itu suatu jalan perlu dicari untuk menghentikan keganasan komunis itu. Selepas mendapat tahu PKM ingin mengadakan rundingan, Tunku berfikir mengapa tidak beliau berjumpa Chin Peng muka dengan muka dan mengadakan perbincangan untuk menamatkan keganasan yang telah mengorbankan banyak nyawa itu.

Tunku berpendapat keganasan komunis perlu ditamatkan segera untuk membolehkan rakyat hidup dalam aman dan damai. Salah satu cara ialah menemui Chin Peng dan mengadakan rundingan.

Niat Tunku untuk menemui Chin Peng itu dihalang oleh pihak British. Pentadbiran British tidak bersetuju Tunku berjumpa Chin Peng, tetapi Tunku berkeras juga hendak menemui pemimpin komunis itu. Beliau mahu mengadakan rundingan untuk menyelesaikan masalah yang menggugat keamanan negara itu.

Sebenarnya beberapa bulan sebelum itu Tunku telah menerima sepucuk surat yang ditandatangani oleh Chen Tien, seorang ejen komunis. Dia meminta untuk berjumpa dengan Tunku. Jika bersetuju, dia meminta Tunku menulis dalam *Personal Column* dalam surat khabar.

Selepas menulis jawapan dalam ruangan tersebut, Tunku telah menemui Pesuruhjaya Tinggi, Sir Donald MacGillivray dan Pengarah Majlis Operasi, Lt. Jeneral Geoffrey Bourne memberitahu perkara tersebut.

Mereka enggan membenarkan Tunku menemui Chin Peng. Pihak British berpendapat adalah tidak wajar bagi Tunku me-

menemui Chin Peng yang dianggap musuh negara dan pengacau keamanan negara itu.

Tunku mempunyai pendapat yang berlainan. Beliau ingin menemui Chin Peng untuk mendapat penjelasan dan pendirian Chin Peng mengenai perjuangannya. Dengan mengetahui niat sebenar Chin Peng barulah senang baginya mengambil tindakan memerangi Chin Peng dan pengganas-pengganas komunis secara menyeluruh dan besar-besaran.

Tunku berusaha memujuk kedua-dua tokoh British itu untuk meyakinkan mereka betapa pentingnya perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin PKM itu untuk membolehkan rakyat mengetahui dengan lebih jelas corak pemikiran Chin Peng dan motif sebenar perjuangannya yang penuh dengan keganasan itu.

Sungguhpun pada mulanya, pihak pentadbiran British berkeras, tetapi selepas pujukan dan penerangan dari Tunku akhirnya pihak British terpaksa mengalah dengan kehendak Tunku. British akhirnya membenarkan Tunku menemui Chin Peng. Itu pun dengan syarat; Tidak boleh buat keputusan dan berjabat tangan. Syarat-syarat itu Tunku terima.

Urusan untuk mengadakan rundingan itu kemudiannya dibuat. Tunku kemudian mengajak David Marshall, Ketua Menteri Singapura untuk menyertainya dalam rundingan itu. David Marshall pada mulanya enggan dan sependapat dengan pegawai-pegawai British lain bahawa berjumpa dengan Chin Peng hanya akan membuang masa dan menunjukkan kelemahan diri sendiri sahaja. Tetapi David Marshall akhirnya ber-setuju selepas Tunku menerangkan tujuan yang sebenarnya.

Nama kod bagi Rundingan Baling itu ialah *Operation Pin Gin*. Semasa rundingan itu diadakan Chin Peng telah diberikan bekalan makanan tentera, tetapi sebagai tambahan dia menerima daging ayam, telur, sayur-sayuran dan nasi. Apa-apa juga yang mereka perlukan diberi untuk membolehkan mereka memasak sendiri.

Mereka diberi kebenaran untuk membeli-belah di pasar Baling dan boleh membeli apa saja yang mereka suka. Per-



Di Pulau Pinang, ayah Chin Peng, Ong Seng Peow, seorang peniaga basikal memberitahu akhbar bahawa dia tidak berminat untuk mengetahui *shooting business* anaknya. Apa yang diminatinya ialah menjalankan perniagaan basikalnya.

Rundingan Tunku - Chin Peng di Baling telah melahirkan keputusan-keputusan yang berfaedah. Untuk pertama kali, penduduk-penduduk Tanah Melayu mula menyedari secara nyata bahawa Chin Peng yang sebenarnya bukan berjuang untuk mewujudkan sebuah negara komunis. Secara jelas bahawa penduduk-penduduk negara ini tidak sekali-kali akan menerima corak pemerintahan komunis yang bercorak kuku besi.

Mereka sekarang mempunyai pilihan yang lebih jelas iaitu sekiranya mereka mahukan negara demokrasi mereka mesti memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada kerajaan, dan inilah yang telah mereka lakukan. Menyokong kerajaan sepenuh jiwa dan menolak komunis bulat-bulat.

Sokongan yang diterima oleh kerajaan dari rakyat telah melemahkan perjuangan komunis. Mereka tidak lagi mempunyai harapan untuk berkuasa. Rakyat telah menolak perjuangan komunis.

Rundingan Baling ternyata telah membuka era baru dalam sejarah tanah air dalam usaha melemahkan perjuangan komunis. Tunku ternyata telah berjaya memainkan peranannya dalam usaha untuk melemahkan perjuangan komunis.

mintaan pertama Chin Peng ialah baju singlet, berus gigi, ubat gigi dan kasut.

Akhbar *Straits Times* pada 29 Disember, 1955 melaporkan dari Baling:

"Chin Peng telah tiba di sini, kelihatan lebih gemuk dari gambar yang sering dilihat. Tetapi dia kelihatan pucat mungkin gemuruh melihat orang ramai yang datang berpusu-pusu untuk melihatnya. Bersamanya dalam trak ialah dua orang leftenannya, Lee Chin Hee dan Tan Kwee Cheng.

"Dalam trak kedua ialah Chen Tien dan dua orang komunis lain iaitu Abdul Rashid Madin, orang yang telah melarikan diri dari kem tahanan Melaka pada bulan Mac 1951. Yang seorang lagi ialah Sanip. Ketibaan mereka ialah pada pukul 12.36 tengah hari hampir dua jam selepas Tunku Abdul Rahman, David Marshall dan Datuk Sir Tan Cheng Lock tiba dari Kulim.

"Sebaik saja mereka tiba, Chin Peng dan rombongannya menuju ke 'rumah batu' bagi kali pertama semenjak tujuh tahun. Mereka kelihatan tersenyum kerana kesemuanya berada dalam keadaan bersih. Pada pukul 2.15 petang, Tunku Abdul Rahman, David Marshall dan Tan Cheng Lock memasuki dewan persidangan.

"Daripada suatu sudut dalam kawasan yang dikawal rapi, Chin Peng yang ditemani oleh Chen Tien, Abdul Rashid Madin dan Encik J. L. H. Davis memasuki bilik persidangan melalui pintu belakang."

Dalam masa rundingan itu berjalan, keganasan terus juga berlaku di bahagian selatan. Di kawasan Renggam, Johor seorang komunis telah dibunuh oleh Rejimen Pertama. Yang mati itu dikenali sebagai Yap Soon dirahsiakan dulu untuk tujuan keselamatan. Di Ladang Gan Tien dalam kawasan Pagoh, Johor, polis menembak mati lima orang pengganas.

Para pengganas juga merosakkan pokok-pokok getah di Ladang Nyor di daerah Kluang, Johor dan melakukan serangan ke atas Salak North Camp. "C" Coy, Rejimen Kedua Askar Melayu.

## **UCAPAN SIR HENRY GURNEY PESURUHJAYA TINGGI MALAY- SIA DARI OKTOBER 1948 - NO- VEMBER 1949**

Ucapan di majlis mesyuarat undangan pada 17  
Februari, 1949

KEADAAN pada masa ini adalah genting. Mereka yang dahulunya berfikir bahawa hanya pihak polis dan tentera sahaja yang boleh menentang kegentingan dan keganasan dan mereka yang hanya berdiam diri sahaja, serta menolong mana-mana pihak mengikut kesenangan mereka, sekarang ini baharulah sedar bahawa kerajaan adalah berkehendakkan bantuan mereka kerana hendak menyelamatkan mereka daripada keganasan penjahat-penjahat.

Saya ulangi sekali lagi dengan menyebutkan iaitu keadaan pada masa ini adalah genting dan adalah berkehendakkan pendirian dan keazaman yang lebih kuat daripada kebanyakan orang di negeri ini. Tetapi sebaliknya perkara ini adalah memberi harapan yang lebih baik daripada beberapa bulan yang sudah-sudah oleh kerana sebab-sebab berikut:

Pertama; bolehlah ditafsirkan iaitu banyak wang perlindungan yang telah dibayar kepada penjahat-penjahat dalam bulan Oktober dan November, iaitu kira-kira \$250.00 sebulan. Tetapi oleh kerana langkah-langkah yang telah diambil oleh beberapa buah Persatuan Cina yang dianjurkan oleh Dewan

Perlombongan Cina Perak, maka bayaran wang perlindungan telah banyak kurangnya.

Sukacita saya melihat bahawa hampir-hampir semua syarikat bas telah berikrar tidak akan memberi atau membayar wang perlindungan. Mereka yang membayar wang perlindungan tiada memikirkan bahawa wang yang dibayar mereka itu adalah digunakan untuk menambah bilangan penjahat-penjahat dan jika mereka terus membayar wang itu berertilah mereka hanya membunuh diri mereka sendiri dan menjahanamkan harta benda serta menggalakkan penjahat-penjahat itu mengugut orang-orang miskin yang sepatutnya kita perbaiki keadaan mereka itu.

Rahsia berkenaan ugut mengugut dan mereka yang sedang membayar wang perlindungan banyak yang telah diketahui. Baru-baru ini 35 orang telah ditangkap kerana bersangkut-paut dengan perkara ini dan sedikit hari lagi banyak orang akan ditangkap lagi. Bilangan orang-orang yang bersubahat dengan penjahat-penjahat sememangnya tiada banyak dan telah pun makin bertambah kurang dan tiadalah akan ditunjukkan sedikit pun belas kasihan kepada mereka yang terus juga membayar wang perlindungan itu.

Keduanya: mereka yang bersungguh-sungguh menolong penjahat adalah sedang dihantar balik ke negeri mereka masing-masing dan tidak berapa lama lagi pekerjaan menghantar mereka ini akan disegerakan.

Dalam tiga bulan yang lalu pada tahun 1948, 456 orang telah dibuang negeri atau dihantarkan balik dan dalam bulan Januari dan Februari tahun ini, seramai 1,654 orang akan dibuang negeri atau dihantar balik.

Mengikut peraturan undang-undang darurat 17D, langkah-langkah keselamatan telah dijalankan ke atas empat buah kawasan penjahat-penjahat yang ganas. Sukacita saya mengatakan iaitu langkah-langkah yang demikian, bukannya menambah bilangan penjahat-penjahat baru seperti yang telah dituduhkan oleh setengah-setengah orang tetapi adalah menggalakkan pekebun-pekebun sayur dan menguatkan kepercayaan mereka hingga mereka telah mulai mengeluarkan rahsia-rahsia penjahat.



*Demonstrasi Anti Komunis Semenyih yang dianjurkan oleh Jawatankuasa "Good Citizens."*

Pasukan-pasukan tentera yang telah tamat latihan adalah sedang bertambah bilangannya. Setengah-setengah orang di luar Tanah Melayu ini menyangkakan bahawa penjahat-penjahat itu sedang berjuang dengan pasukan-pasukan tentera yang lebih banyak bilangannya daripada penjahat-penjahat itu. Mereka berasa hairan mendengarnya kerana masih belum ada sesuatu kemenangan yang segera dan besar. Bagi kita yang di Tanah Melayu ini memang mengetahui iaitu, kebiasaannya penjahat-penjahat itu amatlah susah membezakannya daripada orang ramai dan keadaan tempat mereka lari dan bersembunyi serta diburu, ditangkap atau dibunuh itu ialah suatu tempat yang jauh sungguh bezanya daripada lain-lain tempat dalam dunia ini. Oleh itu nyatalah bahawa penjahat-penjahat itu bukannya boleh dihapuskan dengan serangan-serangan tentera yang berlebihan tetapi ialah hanya dengan rahsia-rahsia penjahat yang boleh didapati daripada mereka yang menaruh kepercayaan

Pada setengah-setengah tempat pekebun-pekebun sayur itu telah meminta kerajaan membeli padinya supaya jangan dipaksa menjual padinya kepada penjahat-penjahat. Perkara ini telah dijalankan oleh mereka sendiri dan saya puji akan langkah mereka itu. Hati pekebun-pekebun sayur itu telah bertambah gembira apabila disiarkan penyata jawatankuasa berkenaan dengan masalah pekebun-pekebun sayur, kerana penyata itu mencadangkan rancangan-rancangan yang baik bagi menempatkan mereka dan memberi harapan kepada mereka yang taat-kan undang-undang dan sebenarnya mahu tinggal dalam negeri ini.

Saya tahu bahawa kebanyakan mereka itu ialah orang-orang dagang yang tiada mempunyai kebenaran tinggal di tempat-tempat mereka tetapi kita tidak akan dapat menghapuskan penjahat-penjahat melainkan jika pekebun-pekebun sayur itu diberi peluang menyebelahi kita. Oleh itu saya harap tiap-tiap kerajaan negeri Melayu akan menimbangkan penyata yang ada terbentang di hadapan mereka dengan seberapa segera. Tuan Chief Secretary, sebagai Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa yang lain-lain itu patutlah dipuji kerana dapat mengadakan penyata yang berharga itu dalam masa yang singkat.

Ketiga; saya telah menyatakan betapa sukanya kerajaan atas gerakan menubuhkan Persatuan Cina seMalaya yang mempunyai satu daripada tujuan-tujuannya ialah mencari ikhtiar dan membantu mengadakan keamanan dan peraturan bagi mencapai kemajuan di dalam Tanah Melayu. Persatuan-persatuan demikian sangatlah besar faedahnya. Misalnya masalah pekebun-pekebun sayur yang akan berkehendakkan perbelanjaan yang besar dan perhubungan di antara kaum-kaum Cina yang terasing dengan pihak-pihak berkuasa itu kelak akan dapat diselesaikan. Dengan tujuan-tujuan ini saya percaya bahawa majlis mesyuarat ini suka mengalu-ngalukan persatuan ini.

Pendaftaran diri bolehlah dikatakan telah sempurna dan langkah-langkah adalah sedang dijalankan untuk memeriksa mereka yang belum mendaftarkan diri.

kepada kerajaan dan daripada pasukan polis yang cekap dan teratur.

Kemajuan kita akan dianggarkan daripada rahsia-rahsia penjahat yang didapati dan bilangan orang-orang yang memberi sokongan, bukannya daripada banyak serangan yang dijalankan.

Pasukan polis telah bertambah besar dan oleh kerana rahsia-rahsia penjahat pun makin bertambah banyak datangnya, maka pekerjaan mereka akan bertambah berat pula daripada enam bulan dulu iaitu pada masa mereka sedang menumpukan tenaganya siang dan malam dengan kejayaannya. Bila kita mengira bilangan pasukan polis yang ada sekarang hendaklah diingatkan bahawa hampir-hampir 32,000 orang polis khas adalah sedang membuat pekerjaan mengawal. Penjahat-penjahat itu hanya boleh dihapuskan jika langkah membinasakan tempat-tempat perkumpulan mereka dan mereka sekalian dijalankan seperti yang sudah-sudah.

Tugas menentang penjahat-penjahat itu sangatlah banyak menggunakan wang si pembayar cukai pada hal ia lebih suka melihat wangnya digunakan untuk pelajaran dan perkhidmatan masyarakat yang lain-lain. Pada masa ini kita mengeluarkan wang untuk tujuan itu sebanyak \$300,000 sehari. Saya telah mengemukakan kepada Tuan Setiausaha Negara bagi Tanah-tanah Jajahan betapa mustahaknya kerajaan British membantu perbelanjaan bagi keselamatan dan pertahanan negeri kita ini. Walau bagaimanapun tiadalah boleh kita biarkan keadaan seperti yang ada sekarang ini melarat hingga dua tahun atau beberapa lamanya.

Jika dibiarkan sahaja nescaya keadaannya kelak akan bertambah buruk. Maka jalan yang boleh mengelakkan daripada melarat ialah hanya jika semua orang sedar bahawa penjahat-penjahat komunis itu ialah suatu penyakit yang mesti dihapuskan dengan segera di mana-mana ia dijumpai. Saya berkata begini ialah kerana hendak menegaskan betapa gentingnya keadaan sekarang ini, tetapi saya percaya kita akan dapat mengembalikan keamanan dan peraturan dalam masa



yang tidak berapa lama lagi jika diadakan beberapa syarat yang dengannya dapat kita berikhtiar dengan bersungguh-sungguh.

Baru-baru ini saya telah menghantar suatu ucapan terima kasih kepada kerajaan Nepal kerana jasa-jasa cemerlang yang telah dibuat oleh Pasukan Gurkha di sini. Kerajaan Nepal telah membalas ucapan saya itu dengan perkataan yang membe-rangsangkan dan menunjukkan persahabatan.

Pekebun-pekebun dan pelombong-pelombong patutlah dipuji kerana telah menjalankan pekerjaan mereka dengan begitu lama dan mengalami kesusahan dengan tiada mengenal penat dan takut. Tetapi jasa mereka adalah lebih daripada itu. Sebagaimana orang-orang yang taatkan undang-undang di sini mereka hendaklah diberi jaminan bahawa kerajaan tiada akan terpesong daripada suatu dasar yang kukuh dan muktamad, iaitu mengembalikan keamanan dan peraturan yang dikehendaki oleh semua penduduk-penduduk negeri ini melainkan hanya satu peratus sahaja yang tiada suka kepadanya. Kekuatan pasukan kita dan banyak rahsia yang kita terima adalah semakin hari semakin bertambah. Kita bercadang hendak menggunakannya dengan penuh dan saya berseru sekali lagi kepada mereka yang ternanti-nanti hendak menunjukkan kesedarannya atas kewajipan kepada negeri ini bahawa masa adalah singkat dan ternanti-nanti itu adalah merbahaya.

### **Ucapan Di Majlis Mesyuarat Undangan pada 31 Mac 1949**

Kita masih menghadapi darurat, sungguhpun keadaan beransur baik tetapi kita menghadapi dua bahaya besar. Pertamanya ialah masih ada beberapa ribu orang lagi pembunuh-pembunuh dan penjahat-penjahat yang sedang berleluasa. Sungguhpun mereka itu telah bercerai-berai tetapi masih lagi lengkap dengan alat senjata. Sungguhpun semangat mereka telah lemah tetapi mereka masih boleh melakukan pembunuhan dan keganasannya.

Mereka hendaklah dihapuskan sama sekali. Keduanya;



TAWARAN pengampunan yang dikeluarkan oleh kerajaan sekurang-kurangnya telah mempercepatkan darurat tamat beberapa bulan lebih awal.

Tahun pertama selepas merdeka, hampir 500 orang komunis telah menyerah diri secara sukarela atau dipujuk untuk menyerah di bawah syarat-syarat pengampunan.

Untuk membanteras kegiatan komunis, kerajaan telah menjalankan perang urat saraf di samping serangan-serangan ke atas tempat yang menjadi sarang komunis. Perang psikologi dan fizikal ini telah menyebabkan pihak komunis meninggalkan perjuangan mereka.

Mereka telah menghadapi kelaparan dalam hutan dan mereka yang takut mati telah mengambil langkah untuk menyerah diri.

Pihak kerajaan telah mengisytiharkan bahawa peperangan terhadap komunis akan dilakukan sehingga ke akhirnya. Dari kempen-kempen yang dijalankan oleh kerajaan, terdapat anggota-anggota komunis yang menyerah diri memberikan maklumat kepada pihak tentera dan polis akan tempat-tempat

bahaya yang disebabkan oleh perasaan takbur dan kecuaiian daripada bersungguh-sungguh melawan pengganas-pengganas itu. Kita hendaklah sentiasa berjaga dan berusaha melawan mereka itu. Saya tegaskan perkara ini kerana ada juga serangan-serangan penjahat itu yang telah berjaya disebabkan oleh orang ramai cuai dan tiada mengendahkan nasihat kerajaan.

Sekarang ini rahsia penjahat-penjahat dapat kita perolehi lebih banyak lagi daripada yang sudah-sudah. Rahsia-rahsia itu menunjukkan bahawa masih banyak lagi orang-orang yang sedang membayar wang ugutan.

Saya telah katakan bahawa kerajaan telah berazam hendak menghapuskan perkara ini dan amaran-amaran pun banyak yang telah diberi. Kerajaan tidak akan memberi amaran lagi. Kerajaan tidak boleh mengiktiraf sebarang adat yang menyebabkan manusia hidup dalam ketakutan. Saya juga telah katakan dahulu, iaitu tiap-tiap seorang hendaklah sanggup mempertahankan kebebasan hidupnya. Jika dia tiada sanggup berbuat demikian nescaya haknya akan hilang. Semua pengalaman dan sejarah telah menunjukkan demikian juga. Seseorang itu tidak akan mencapai kemajuan jika dia tidak mahu mempertahankan haknya. Orang demikian kelak akan menjadi kusut dan tiada tentu kehidupannya.

Di beberapa buah negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu masalah keselamatan hendaklah kita berusaha dengan lebih cepat lagi. Saya mengetahui bagaimana susahnya menyelenggarakan hal ini dan berapa tekunnya kerajaan-kerajaan negeri Melayu dalam perkara ini. Tetapi saya harap kita akan dapat mengubah langkah-langkah bagi keselamatan sementara kepada langkah-langkah yang kekal iaitu dengan kerjasama pekebun-pekebun sayur itu sendiri.

persembunyian rakan-rakan mereka yang masih berada dalam hutan.

Pada bulan Januari 1959, dikatakan terdapat kira-kira 250 orang pengganas komunis yang aktif di Malaya. Di hutan Pahang dikatakan terdapat kira-kira 35 orang, yang diketuai oleh seorang komunis yang bernama Ah Chun dari Jawatan-kuasa Pusat. Ah Chun kemudian mati dalam satu operasi yang dijalankan oleh pihak tentera.

Di Perak, satu gerakan memburu Siu Mah dan 170 orang komunis yang masih tinggal. Bila pihak Cawangan Khas menerima maklumat tentang di mana Siu Mah berada, gerakan memburu dijalankan. Pihak pasukan keselamatan kemudiannya berjaya membunuh tiga orang pengawal peribadinya. Siu Mah terus berjuang tetapi dia dan dua orang pembantunya terpaksa keluar dari tempat perlindungan kerana kelaparan. Mereka keluar ke tengah khalayak ramai, kira-kira satu batu dari Ipoh untuk mencari makanan.

Siu Mah kemudian menghantar kedua orang pembantunya itu mencari makan sementara dia menunggu dalam sebuah gua tidak jauh dari situ. Kedua pembantunya itu rupa-rupanya tidak pergi mencari makanan tetapi menyerah diri kepada pihak berkuasa. Mereka kemudian membawa pihak polis ke tempat persembunyian Siu Mah. Siu Mah, pembunuh Henry Gurney itu kemudiannya berjaya dibunuh. Dendam untuk menuntut bela ke atas pembunuh Gurney akhirnya berbalas juga.

Tidak lama selepas itu, seorang lagi anggota komunis, Chan Hong telah menyerah diri dan Choy Foong yang ganas telah berjaya dibunuh. Operasi di Perak kemudian berakhir. Kira-kira 103 orang komunis telah berjaya dibunuh atau ditangkap. Ibu pejabat pertubuhan mereka dimusnahkan. Ramai dari ketua-ketua komunis di beberapa buah negeri berjaya dibunuh. Dan Chin Peng telah kehilangan orang-orang kuatnya di kebanyakan negeri. Kedudukan ini telah melemahkan perjuangan komunis.

Darurat yang berlaku selama 12 tahun telah menyebabkan kerajaan British mengeluarkan belanja sebanyak kira-kira 600

juta pound semenjak tahun 1948, dan merupakan perbelanjaan yang termahal untuk sebuah negara sekecil Malaya.

Akibat dari darurat itu kira-kira 1,851 orang anggota keselamatan telah dibunuh dan 2,526 yang lain cedera. Orang-orang awam yang kehilangan nyawa dianggarkan 2,461 dan 1,383 cedera, sementara 807 orang hilang.

Pihak komunis telah kehilangan banyak nyawa. Kira-kira 6,398 orangnya terbunuh, 1,245 ditangkap dan 1,938 menyerah diri, kira-kira 2,760 yang lain mengalami cedera, tetapi tidak diketahui beberapa yang mati atau hilang.

Pada 30 Julai 1960, Tunku Abdul Rahman telah menandatangani pengisytiharan tamat darurat setebal 176 muka. Dengan itu darurat selama 12 tahun, yang telah mengorbankan banyak harta dan nyawa berakhir.

Satu perarakan kemenangan peringkat kebangsaan telah diadakan di Kuala Lumpur pada 1 Ogos, 1960. Perarakan peringkat negeri juga diadakan. DYMM Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong telah menerima tabik hormat dari kira-kira enam ribu orang askar Malaya dan Komanwel yang mengadakan perbarisan. Kira-kira 400 kenderaan perang seperti kereta kebal dan kereta perisai, 70 buah kapal terbang juga mengambil bahagian dalam perarakan kemenangan itu.

Malaya yang telah bebas dari ancaman komunis secara serius dan keganasan itu mula menerima perutusan dari berbagai negara di dunia terutamanya Amerika Syarikat, Australia, Kanada dan New Zealand.

Presiden Eisenhower berkata: "Rakyat Amerika Syarikat bersama saya melahirkan perasaan gembira kepada DYMM Yang diPertuan Agong dan seluruh penduduk Malaya atas tamatnya darurat."

"Ini menandakan kemenangan cemerlang Malaya dalam mengatasi gerakan komunis bersenjata dan keganasan. Dan kami akan memberikan sokongan di atas tindakan Malaya untuk menghapuskan sebarang keganasan."

John Diefenbaker, Perdana Menteri Kanada pula menghantarkan kawat berbunyi: "Setinggi-tinggi tahniah atas ke-

## KEGAGALAN PARTI KOMUNIS MALAYA

RAYUAN Parti Komunis Malaya kepada penduduk Tanah Melayu supaya menyertai mereka menjatuhkan atau menggulingkan kerajaan menghadapi kegagalan sama sekali. Orang ramai, terutama para petani, penoreh getah dan para pelombong memberikan sambutan dingin terhadap seruan tersebut sebaliknya memberikan sokongan kepada kerajaan.

Sungguhpun mereka yang duduk di kawasan pedalaman yang terpencil menghadapi bahaya-bahaya ugutan dari para pengganas komunis itu, namun mereka tidak terpengaruh dengan dakwah komunis yang mengatakan bahawa dengan menyertai mereka, kawasan-kawasan mereka akan dijadikan "kawasan bebas." Mereka tetap menyebelahi kerajaan dengan memberikan maklumat-maklumat tentang kegiatan PKM.

### Tindakan Kerajaan

Dalam usaha untuk mengukuhkan kedudukan di pihak kerajaan, satu pasukan sukarelawan khas dan bantuan ditubuhkan untuk memberikan bantuan kepada pihak polis.

menangan cemerlang penduduk Malaya di bawah pimpinan tuan dalam menamatkan darurat.”

“Kami berharap bahawa rakyat Malaya sekarang bolehlah menumpukan tenaga mereka dalam usaha untuk membangunkan negara mereka.”

Perdana Menteri New Zealand, Walter Nash pula mengirinkan perutusannya berbunyi: “Saya menyampaikan rasa bangga di atas kebijaksanaan dan keberanian yang tuan tunjukkan dalam menghapuskan keganasan di Malaya.”

“Kejayaan tuan dalam usaha yang bertahun-tahun ini sekurang-kurangnya memberikan inspirasi kepada penduduk di negara bebas di mana-mana pun juga.”

Sir Robert R. G. Menzies, Perdana Menteri Australia berkata: “Kegigihan dan keyakinan kerajaan persekutuan dalam usaha menghapuskan keganasan komunis di Malaya merupakan suatu penghormatan kepada bentuk kepimpinan tuan dan merupakan suatu sumber inspirasi bagi kami semua ...”

Demikian di antara beberapa kawat perutusan yang dikirim oleh ketua-ketua negara asing selepas tamatnya darurat yang telah menggugat kestabilan dan kedamaian negara kita selama 12 tahun.

Pengambilan sukarelawan itu bermula pada 26 Jun, 1948 dan dalam masa tiga bulan kira-kira 24,000 orang telah mendaftarkan diri. Majoriti dari para sukarelawan itu terdiri dari orang-orang Melayu yang diberikan latihan sebagai *Special Constables*. Mereka diberi latihan oleh pihak tentera. Pada akhir tahun 1949, jumlah mereka meningkat hingga 29,987.

Polis khas juga diambil untuk menjalankan tugas secara sukarela dan separuh masa. Pada akhir tahun 1948, kira-kira 17,000 orang telah diambil. Mereka termasuk pekerja-pekerja ladang dan lombong.

Pada akhir tahun 1949, jumlah mereka meningkat kepada 38,878 orang termasuk orang-orang Melayu yang menjadi pengawal kampung.

Pasukan polis telah diperkembangkan dengan cepatnya. Senjata dan peluru telah dibekalkan oleh tentera dan sejumlah besar darinya telah diterbangkan ke Singapura dari kerajaan Australia. Pasukan polis telah berkembang dari 11,500 orang pekerja pada tahun 1947 kepada 17,526 pada akhir tahun 1948. Pada akhir tahun 1949, jumlahnya meningkat kepada 17,871.

Pada bulan Februari 1950, terdapat kira-kira 235 pasukan polis hutan menjalankan tugas mereka.

Pada bulan Ogos 1948, satu batalion pasukan *Royal Inniskilling Fusiliers* tiba dari Hong Kong sebagai menyahut permintaan untuk menyertai pasukan tambahan. Pada akhir bulan September pula, tiba pasukan 2nd Guards Brigade dari United Kingdom.

Satu latihan perang gerila di hutan telah diadakan untuk pasukan-pasukan yang baru tiba itu. Dari pasukan itu dipecahkan pula kepada satu-satu unit kecil yang diketuai oleh orang-orang yang berpengalaman dalam perang terutama mereka dari pasukan Force 136.

Kebanyakan anggota dalam unit ini ialah orang-orang Melayu dari *Malay Regiment* dan askar-askar Gurkha. Unit-unit ini dikenali pada umumnya sebagai *Ferret Force*. Turut menyertai unit-unit ini ialah orang-orang Dayak dari Borneo

yang mempunyai pengalaman yang luas mengenai selok-belok hutan belantara. Penyertaan mereka memberikan sebesar-besar pertolongan kepada unit-unit tersebut.

Sebaik saja pasukan tentera mendapat banyak pengalaman mengenai keadaan tempatan dan *Ferret Force* dirasakan kurang perlu lagi, maka ia beransur-ansur dimansuhkan pada akhir tahun 1948. Untuk menggantikannya, ditubuhkan pula Pasukan Perhubungan Awam yang dianggotai oleh orang-orang Eropah dan Cina yang mempunyai pengalaman dan hubungan dengan penduduk-penduduk tempatan.

Pada peringkat awal darurat, Angkatan Tentera Udara Malaya telah menubuhkan ibu pejabat di Kuala Lumpur dan telah membawa kapal terbang, jenis Dakotas dan Spitfires dari Singapura. Hasilnya penyelarasan kerja berjalan lancar. Dengan adanya kemudahan-kemudahan itu, pasukan-pasukan bantuan, polis, peluru dan senjata boleh diterbangkan ke mana sahaja bila-bila masa perlu.


Serangan udara dengan menggunakan roket telah dilakukan oleh Spitfires. Bila maklumat diperolehi tentang kawasan penjahat bersembunyi, Spitfires akan melakukan serangan udara tanpa berlengah-lengah lagi.

Dalam serangan yang dilakukan itu, pihak berkuasa tentera memastikan bahawa hanya kawasan hutan yang menjadi tempat persembunyian penjahat komunis sahaja diserang, tidak kawasan-kawasan awam yang boleh membahayakan penduduk ramai. Askar-askar yang sedang membuat operasi-operasi di dalam hutan sentiasa dibekalkan dengan bekalan-bekalan makanan dari masa ke masa. Dengan menjalankan serangan darat dan udara menyebabkan pengganas-pengganas tersepit dan mengalami kemalangan yang teruk.

#### Kecederaan Di Pihak Musuh:

Berikut ialah angka-angka kecederaan pihak musuh yang dicatat sehingga 31 Disember, 1949:





*Sebahagian dari senjata yang dirampas.*

Jenis Senjata Yang Dirampas Dari Pegganas:

	1948	1949
Revolvers	87	193
Pistol	69	191
Raifel	3,065	619
Shot Gun	71	134
Sten/TSMG	51	67
Senjata Buatan Sendiri	11	15
Bom Tangan	743	829
Bren-Gun	-	10
Mesin Gun	-	46
Mortar	-	1,191

Peluru-Peluru Yang Dirampas Dari Pegganas

1948	1949
<u>123,018</u>	<u>447,770</u>

Bangsa	Terbunuh	Cedera dan Lari	Cedera dan Ditawan	Ditawan Tidak Cedera
Melayu	38	8	7	34
Cina	932	346	106	440
India	10	-	1	4
Indonesia	3	1	2	4
Siam	1	-	1	-
Sakai	7	-	-	-
Lain-lain	1	-	-	1
Jumlah	992	355	117	483

#### Pengganas Menyerah Diri:

Jumlah pengganas dan para penyokongnya yang menyerah diri kepada Pasukan Keselamatan sehingga 31 Januari, 1950 ialah 337 orang. Di bawah syarat-syarat penyerahan diri yang dikeluarkan pada bulan September 1949, para pengganas yang menyerah diri tidak akan dibicarakan atas dakwaan yang boleh membawa hukuman mati dengan syarat mereka sebenarnya tidak melakukan pembunuhan.

#### Senjata-senjata Yang Diperolehi:

Sehingga 31 Disember, 1949, senjata-senjata berikut telah dirampas oleh Pasukan Keselamatan. Angka tersebut dengan jelas menunjukkan jumlah senjata yang disembunyikan oleh Parti Komunis Malaya dari senjata-senjata tentera Jepun yang telah menyerah diri:

Jumlah senjata segala jenis yang dirampas oleh Pasukan Keselamatan:

1948	1949
<hr style="width: 20%; margin: auto;"/>	<hr style="width: 20%; margin: auto;"/>
3,308	2,914

### Pengganas Yang Dibunuh:

Sehingga 26 Januari, 1950, 82 orang pengganas telah dibunuh di bawah undang-undang darurat kerana memiliki senjata api dan peluru secara haram.

### Perbuatan Buruk Pengganas:

Walaupun dalam propaganda-propagandanya, komunis mendakwa sebagai "pembebas" rakyat dan negara dan orang yang sebenar-benarnya menjalankan demokrasi, tetapi apa yang mereka lakukan adalah sebaliknya. Apa yang mereka cakapkan tidak sama dengan apa yang mereka lakukan. Banyak perkara buruk yang mereka lakukan seperti menyeksa dan membunuh orang-orang yang tidak berdosa. Di bawah, diperturunkan antara keburukan-keburukan yang dilakukan oleh pengganas-pengganas komunis:

1. Pengganas-pengganas komunis telah membunuh 655 orang awam yang tidak bersenjata dan mencederakan seramai 360 yang lain, kebanyakannya orang-orang Cina. Pembunuhan itu dilakukan secara kejam untuk menakut-nakutkan orang ramai.
2. Sebutir bom tangan yang dilemparkan di tengah-tengah orang ramai yang menyaksikan pertunjukan sarkas di Kampar, Perak pada 5 Julai, 1949, telah membunuh empat orang dan mencederakan 46 yang lain, termasuk wanita dan kanak-kanak. Di antara yang terbunuh ialah seorang wanita yang sedang mengandung.
3. Para pengganas telah membakar bangunan anak-anak yatim di Serendah, Selangor pada 13 Disember, 1948 dan membunuh seorang pengawas bangsa Eropah di rumah kebajikan itu.
4. Pengganas-pengganas di daerah Plentong, Johor Bahru mencampakkan seorang kanak-kanak berumur lapan

tahun ke dalam api dan membunuh kaum keluarganya pada 21 September, 1949.

5. Pegganas komunis mendakwa mereka mahu menolong orang miskin, tetapi dua kejadian menjadi contoh bahawa apa yang mereka cakap berlainan dengan apa yang mereka buat. Dua puluh orang peganas telah pergi ke kongsi di sebuah ladang di Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan merompak gaji buruh-buruh Cina yang diterima awal pagi itu. Dalam suatu kejadian yang lain pula, para peganas itu telah menahan sebuah bas di Jalan Pontian, Johor lalu merompak para penumpang termasuk duit, barang-barang kemas, dan kad pengenalan. Kemu-diannya mereka membakar bas tersebut.
6. Rumah para pekerja telah dibakar, juga dirompak wang, pakaian, makanan dan barang-barang berharga, walaupun pena oleh peganas-peganas yang bersenjata. Pada 12 Ogos, 1949, contohnya, dua orang peganas telah memasuki rumah para buruh di Ladang Jany, Selangor dan merompak wang tunai dan barang-barang kemas bernilai \$1,000.
7. Orang-orang yang tidak berdosa telah dibunuh dalam serang hendap yang dilakukan ke atas bas-bas dan keretapi-keretapi, pemandu-pemandu lori yang tidak berdosa juga telah ditembak.
8. Pegganas-peganas telah menyeksa dan mendera orang-orang awam yang tidak berdosa dalam usaha untuk mendapatkan wang dan maklumat. Ahli keluarga telah dibunuh dengan kejamnya jika apa yang mereka hajati tidak tercapai.
9. Para peganas telah membakar kampung di Sim-pang Tiga, Perak pada 4 Februari, 1950. Kira-kira 1,000 orang telah kehilangan rumah tangga. Sir Henry Gurney yang melawat ke kampung tersebut telah berucap kepada orang ramai.

## RASHID MADIN MASIH DI HUTAN

RASHID MADIN ialah salah seorang anggota PKM yang menyertai rundingan Baling pada tahun 1955 bersama Chin Peng dan Chen Tien.

Rashid mula bergiat dalam PKM sekitar tahun 1940-an. Bapanya Madin bin Kambulan telah meninggal dunia dalam tahun 1941 dalam usia 45 tahun dan dikebumikan di Kampung Gunung Mesah dekat Gopeng, iaitu kampung halaman Rashid sendiri. Ibunya pula meninggal dunia di Kampung Sungai Itek, Gopeng dekat Ipoh.

Rashid Madin mendapat didikan awal di Sekolah Melayu Gunung Panjang, Gopeng dalam tahun-tahun 1930-an. Kemudian melanjutkan pelajarannya ke sebuah sekolah Inggeris persendirian di Tapah.

Isteri Rashid Madin bernama Hamidah atau Zabedah binti Abd. Rashid dilahirkan kira-kira pada tahun 1920. Dia kini tinggal menetap di Kampung Sungai Itek bersama-sama empat orang anaknya yang kesemuanya sudah berumah tangga. Anaknya yang sulung bernama Johan Arifin dilahirkan pada tahun 1937, Khairuddin lahir pada tahun 1938, Rokiah pada

“Kerajaan akan menolong kamu untuk membina sebuah kampung baru yang lebih baik. Kamu telah cuba untuk membaiki hidup kamu sendiri dan saya amat gembira melihat bahawa semangat kamu semua tidak lemah dengan kejadian yang menyedihkan ini. Kami akan memberi bantuan makanan kepada semua orang yang kehilangan rumah tangga. Ini ialah satu contoh kejahatan yang dilakukan oleh komunis, dan perkara ini mungkin boleh dielakkan jika sekiranya ada di antara kamu yang mendapat maklumat mengenai niat buruk mereka itu memberitahu pihak berkuasa. Sesiapa juga boleh membakar rumah kita tetapi kita akan membinanya semula dan kami akan bekerja bersama kamu semua untuk membina dan membangunkan semula kampung ini lebih baik dari masa-masa lalu.”

Persatuan Cina Malaya telah mengeluarkan satu kenyataan berikut dengan kejadian kejam itu: “Tragedi kejam ini seharusnya menyedarkan orang-orang yang mempunyai keraguan bahawa nasib malang pasti akan menimpa mereka sekiranya pihak komunis berkuasa di negara ini.”

Segala bantuan yang diperlukan termasuk kewangan telah diberikan kepada mereka yang kehilangan rumah tangga itu. Dengan tragedi tersebut, orang ramai semakin benci terhadap pengganas komunis dan Bulan Anti Pengganas Komunis telah diadakan kemudiannya.

tahun 1939 dan yang bongsu, Sudirman lahir pada tahun 1945.

Seorang adik sebapa Rashid, Mohd. Yusuf Madin pernah menjadi ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional kawasan Sungai Manik, Perak. Beliau memenangi pilihan raya tahun 1977.

Kali terakhir Mohd. Yusuf berjumpa Rashid ialah di Singapura, iaitu di atas kapal bernama *Overanto* tempat Mohd. Yusuf bertugas. Selepas itu Rashid telah berlepas ke London mewakili MPAJA dalam satu upacara perarakan perbarisan kemenangan tentera sekutu selepas Perang Dunia Kedua.

Setelah Rashid kembali ke Malaya selepas menyertai perayaan itu dia telah ditangkap oleh kerajaan British dan ditahan di kem tahanan Tanjung Beruas, Melaka.

Semasa dalam tahanan semua sanak saudaranya tidak dibenarkan menemuinya kecuali berhubung melalui surat yang sudah ditapis oleh pihak berkuasa tahanan. Bagaimanapun dalam tahun 1951, Rashid telah dapat melarikan diri dari tahanan dan kemudiannya masuk ke dalam hutan menyertai gerakan komunis.

Sejak dari tarikh itu hubungannya dengan keluarganya terputus hinggalah dia muncul dalam rundingan Baling bersama Chin Peng dan Chen Tien mewakili PKM.

Dalam rundingan itu salah seorang adik sebapa Rashid bernama Shamsuddin yang bertugas dalam Batalion Pertama Askar Melayu Di-Raja telah ditugaskan mengawal sekitar kawasan perundingan itu. Tetapi oleh kerana Shamsuddin sendiri tidak pernah bertemu muka dengan Rashid, jadi dia tidak mengenalinya.

Selepas Rashid ditahan oleh pihak British, anak sulungnya Johan Arifin terpaksa bekerja bertungkus lumus bersama ibunya untuk menyara adik-adiknya yang lain.

Waktu bapa mereka ditahan, Johan sekeluarga tinggal di Kampung Sungai Lampam, Sungai Manik, Teluk Intan.

Johan ketika menceritakan tentang ayahnya berkata: "Suatu hari dalam tahun 1950, iaitu ketika kami berenam sedang makan tengah hari, tiba-tiba datang kira-kira 10 orang

anggota polis hendak bertemu dengan ayah saya. Setelah kami selesai makan orang-orang itu pun membawa ayah saya keluar rumah ...”

“Kami terpinga-pinga. Tak mengerti mengapa ayah dibawa pergi. Ayah berpesan: Jangan susah hati. Ayah pergi tak lama. Tapi apa yang belaku sebaliknya. Ayah pergi tak balik-balik lagi.”

Setelah Rashid Madin tidak pulang-pulang lalu sekeluarga itu berpindah ke Sungai Itek, Gopeng. Mereka tinggal di rumah datuk mereka iaitu keluarga sebelah Puan Hamidah hinggalah sekarang.

Sementara itu, Rashid Madin pula telah terlepas dari tahanan dan kawalan khas di Air Keroh. Cerita tersebut amat menarik dan ia menggambarkan bagaimana komunis sentiasa menjalankan taktik baik secara agresif mahupun secara halus. Taktik itu termasuklah menyamar sebagai orang awam atau anggota pasukan keselamatan hingga mereka berani masuk ke tempat-tempat kawalan atau depot-depot yang strategik kedudukan dan kawalannya.

Menurut ceritanya, beberapa hari selepas tahanan-tahanan Melayu dipindahkan dari kem tahanan Tanjung Beruas ke Ipoh, sekumpulan anggota komunis dengan menaiki kenderaan pasukan keselamatan telah menyamar sebagai anggota polis dan datang ke tempat di mana Rashid Madin dan rakan-rakannya sedang bekerja membina kem askar di Air Keroh.

Mereka datang kononnya hendak mengambil Rashid untuk dibawa ke Ibu Pejabat Polis untuk disoal siasat dengan lebih lanjut lagi. Oleh kerana mereka datang dengan berpakaian seragam polis dan dengan kenderaan polis tiada siapa yang mengesyaki mereka.

Setelah Rashid dibawa keluar barulah pihak tahanan menyedari bahawa rombongan yang datang mengambil Rashid itu sebenarnya anggota-anggota komunis yang menyamar sebagai anggota-anggota polis.

Pada waktu itu memang banyak balai-balai polis terutama di daerah-daerah yang terpencil telah menjadi sasaran serangan



muanya sudah pun berumah tangga. Mereka sekarang berada di Gunung Mesah, Gopeng dekat Ipoh.

Bagaimanakah nasib Rashid Madin dan orang-orangnya masih belum diketahui. Sebagaimana harapan keluarganya, harapan orang ramai juga adalah sama, iaitu beliau dan rakan-rakannya sewajarnya meninggalkan perjuangannya yang sia-sia itu.

gerombolan-gerombolan komunis yang melakukan serangan di waktu malam dan serangan curi. Dalam serangan-serangan yang dilakukan itu mereka mengambil kesempatan merampas uniform-uniform polis dan kenderaan-kenderaan disamping merampas senjata-senjata dan peluru.

Pihak media massa ketika itu telah memberikan liputan utama terhadap kehilangan Rashid Madin dari kem tahanan. Kebanyakan berita-berita disiarkan di muka depan akhbar-akhbar, baik yang berbahasa Melayu, Inggeris, India atau Cina.

Selepas peristiwa tersebut, Kapten Wommen yang menjadi pengawas kem tahanan Tanjung Beruas telah dipanggil balik ke London. Kapten Wommen dikatakan pegawai yang bertanggungjawab melepaskan Rashid membuat kerja-kerja di kem Air Keroh, Perak.

Rashid Madin sekarang masih berada dalam hutan, tetapi di daerah mana masih belum dapat dipastikan. Beliau sekarang dikatakan dalam lingkungan umur 66 tahun. Turut bersamanya yang masih berada di hutan ialah Ibrahim Chik berumur 64 tahun, Abu Samah berumur 59 tahun, Shamsiah Fakeh berumur 60 tahun dan beberapa orang lain lagi.

Mereka dikatakan ingin keluar dari hutan tetapi disebabkan kawalan terlalu ketat maka peluang mereka untuk meloloskan diri masih belum berjaya.

Musa Ahmad yang berjaya balik ke pangkuan keluarga pernah memberitahu tentang keinginan kumpulan komunis Melayu itu ingin balik ke pangkuan keluarga. Hanya Tuhan yang dapat menentukan, kata Musa Ahmad.

Haji Mohd. Yusuf Madin, adik satu bapa dengan Rashid Madin tetapi berlainan ibu juga berdoa semoga abangnya balik ke pangkuan keluarga.

"Kami berserah kepada takdir Ilahi," katanya.

Haji Mohd. Yusuf Madin berkata, pihaknya sangat-sangat berharap supaya abangnya akan menyerahkan diri kepada kerajaan Thailand dalam tawaran pengampunan beramai-ramai.

Beliau berkata, isteri dan anak-anak Rashid Madin seramai 4 orang, tiga lelaki dan seorang perempuan, yang kese-

## KOMUNIS GAGAL PENGARUHI MELAYU

DALAM masa pendudukan Jepun, sebilangan kecil orang-orang Melayu menyertai Pasukan Tentera Rakyat menentang Jepun atau MPAJA yang lebih dikenali sebagai Pasukan Bintang Tiga.

Kebanyakan orang Melayu pada zaman itu belum mempunyai kesedaran politik. Orang-orang Melayu tidak menghiraukan sangat sama ada Inggeris yang memerintah atau Jepun yang memerintah. Mereka tetap menjalani kehidupan seperti biasa. Kalau pada zaman pemerintahan British mereka bekerja sebagai polis maka pada zaman pemerintahan Jepun pun mereka menyambung terus perkhidmatan tersebut, begitu juga seterusnya selepas Jepun menyerah kalah.

Sebaik sahaja Jepun menyerah diri kepada pihak Berikat, setengah-setengah anasir Bintang Tiga telah mengambil kesempatan membalas dendam terhadap orang-orang Melayu. Perbuatan itu telah mencetuskan kemarahan di kalangan orang-orang Melayu. Akibatnya berlakulah permusuhan di antara dua kaum.

Permusuhan Melayu-Cina itu berpanjangan dan memper-sulitkan usaha-usaha Parti Komunis Malaya untuk mendorong

orang-orang Melayu menjadi ahli-ahli Parti Komunis. Orang-orang Melayu mula menaruh perasaan curiga terhadap orang-orang Cina, dan perasaan ketegangan itu berlaku beberapa lama. Akibat dari sikap prejudis itu, orang-orang Melayu secara langsung telah menolak PKM dan menganggapnya sebagai musuh nombor satu mereka.

Menyedari kesulitan ini, pihak komunis menukar taktik. Selepas tamat pemerintahan Jepun PKM menunjukkan minatnya untuk membantu Gerakan Kebangsaan Melayu yang berjuang menuntut kemerdekaan.

Satu kemujuran yang didapati oleh PKM ialah wujudnya satu Gerakan Kebangsaan Melayu yang bekerjasama dengan Jepun untuk menghapuskan penjajahan Inggeris.

Gerakan itu ialah Parti Kesatuan Melayu Muda (PKMM) yang ditubuhkan tidak lama sebelum Jepun menyerah diri. Parti Kesatuan Melayu diketuai oleh Allahyarham Ibrahim Haji Yaakob dan dianggotai oleh beberapa orang tokoh Melayu yang terkenal pada masa itu dan beberapa orang guru-guru Melayu lulusan Maktab Perguruan Tanjung Malim.

Kesatuan Melayu Muda ditubuhkan dengan satu hakikat untuk menuntut kemerdekaan tanah air dari penjajahan Inggeris. Kesatuan ini secara senyap-senyap bekerjasama dengan Jepun untuk mengusir imperialisme barat dari Asia Tenggara.

Kerjasama itu didasarkan dari matlamat bahawa negara Asia hendaklah dikembalikan kepada orang-orang Asia tetapi Jepun sebenarnya bukanlah bertujuan hendak menjadi juara kebebasan rakyat Asia yang terjajah, Perang Jepun pada hakikatnya ialah perang untuk menguasai ekonomi dan pasaran negara-negara Asia Tenggara sedangkan Kesatuan Melayu Muda hanya mengharapkan kejujuran Jepun untuk melepaskan Malaya dari belunggu Inggeris.

Sebelum Jepun melanggar Malaya beberapa orang pemimpin Kesatuan Melayu Muda telah ditangkap dan dikurung di penjara Changi, Singapura, di antara yang ditangkap termasuklah Ibrahim Haji Yaakob.



*Mukhtaruddin Lasso: Ahli MPAJA/PKI bekerjasama dengan PKM untuk menyerap masuk ke dalam MALAY NATIONALIST PARTY (MNP).*

ini hanyalah kira-kira tiga peratus dari jumlah seluruh penduduk Semenanjung Tanah Melayu.

Jika dilihat dari luar, kerjasama di antara Parti Komunis Malaya dengan Parti Kebangsaan Melayu berjalan dengan baik

Selepas Jepun menyerah diri beberapa orang yang dipercayai tokoh komunis Indonesia yang terkemuka telah membantu menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu di Perak. Penubuhan parti itu dipelopori oleh seorang yang bernama Mukhtaruddin Lasso atau nama samarannya Langlang Buana. Mukhtaruddin adalah bekas anggota Tentera Rakyat yang menentang Jepun. Beliau dipercayai seorang anggota komunis yang bergerak di Perak.

Beberapa orang tokoh nasional Perak yang kebanyakannya terdiri dari bekas anggota-anggota Kesatuan Melayu Muda telah menyertai penubuhan parti itu. Sebahagian besar bekas anggota Kesatuan Melayu Muda di seluruh Semenanjung kemudiannya menyertai Parti Kebangsaan Melayu dan menubuhkan cawangan di negeri masing-masing.

Manakala Ibrahim Haji Yaakob dan beberapa temannya telah melarikan diri ke Indonesia untuk menyertai revolusi Indonesia.

Tujuan utama Parti Kebangsaan Melayu ialah berjuang untuk kemerdekaan dalam lingkungan "Indonesia Raya" atau "Indonesia-Malaysia Satu." Api revolusi Indonesia yang ditiup oleh Sukarno-Hatta turut memancarkan semangat perjuangan Parti Kebangsaan menentang British.

Parti Kebangsaan Melayu kemudiannya dipimpin oleh Dr. Burhanuddin Al Helmy dan Ishak Haji Muhammad. Kedua tokoh ini adalah tokoh nasional yang bercita-cita melihat perkembangan rumpun Melayu muncul sebagai bangsa yang kuat dan bersatu di Asia.

Parti Kebangsaan Melayu kemudiannya menubuhkan badan pemuda yang militan yang dikenali sebagai Angkatan Pemuda Insaf atau ringkasnya API dan bahagian wanitanya dikenali sebagai AWAS, atau Angkatan Wanita Sedar.

Parti Kebangsaan Melayu mempunyai cawangannya di seluruh Semenanjung Tanah Melayu tetapi kubunya yang terkuat ialah di Perak, Melaka dan Pahang. Dalam bulan Disember 1946, Parti Kebangsaan mendakwa mempunyai ahli seramai 70,000 orang dan API seramai 10,000 orang. Jumlah

tetapi di dalamnya kedua belah pihak mempunyai tujuan yang tersendiri.

Pihak komunis sebenarnya cuba mempergunakan Parti Kebangsaan Melayu untuk menarik orang-orang Melayu menjadi ahli komunis. PKM telah menyusupkan kader-kadernya ke dalam Parti Kebangsaan Melayu dan kemudiannya menguasai parti itu.

Di antara kader-kader komunis Melayu yang telah berjaya memegang jawatan penting dalam Parti Kebangsaan termasuklah Musa Ahmad mengetuai Biro Kaum Tani, Abdullah C.D. menjadi Ketua Perburuhan, Kamarulzaman Teh menjadi ketua API di Pahang dan Shamsiah Fakeh mengetuai Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Pendek kata banyak jawatan penting dalam parti telah berjaya dikuasai oleh orang-orang komunis.

Sebenarnya selain dari Rashid Madin yang terang-terang dilantik menjadi wakil komunis, Parti Komunis juga telah melantik Musa Ahmad sebagai Pengerusi Parti Komunis Malaya. Abdullah C.D. duduk sebagai ahli Jawatankuasa Pusat Parti Komunis dan kemudiannya menjadi Komander Rejimen Yang Ke-10 Tentera Pembebasan Rakyat yang berpangkalan di Pahang. Wahi Anuar dilantik sebagai Timbalan Komandernya. Ketiga-tiga tokoh ini berasal dari Perak.

Manakala Kamarulzaman Teh yang menjadi Ketua API di Pahang dalam tahun 1946/48 dilantik menjadi wakil PKM. Beliau ditangkap pada 21 Jun, 1948 dan ketika ditangkap beliau memiliki sepucuk pistol dan telah dijatuhkan hukuman penjara selama 15 tahun. Beliau dibebaskan pada tahun 1962.

Shamsiah Fakeh, ketua satu AWAS masuk ke hutan dan menjadi salah seorang anggota Rejimen Ke-10, manakala setiausahanya Zainab Mahmud turut bersama-sama Shamsiah Fakeh menganggotai Rejimen Ke-10. Dalam hutan Zainab telah berkahwin dengan Musa Ahmad.

Abdullah C.D. dikatakan telah berkahwin dengan Eng Meng Cheng, seorang Ahli Jawatankuasa Pusat Wanita PKM.

Kesemua mereka ini diketahui berada di dalam hutan Malaya dari tahun 1948 hingga 1955, selepas itu tidak dapat

dipastikan apakah kesemuanya masih berada di hutan atau berhijrah ke negara lain, sama ada ke Thailand, Indonesia, Indo-China atau Peking.

Pada awalnya, memang tujuan PKM untuk menguasai Parti Kebangsaan Melayu dan menyingkirkan Dr. Burhanuddin Al Helmy, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam keluar dari pimpinan parti, tetapi percubaan komunis untuk menyingkirkan ketiga-tiga orang tokoh itu dan kemudiannya menguasai pucuk pimpinan Parti Kebangsaan, gagal kerana ketokohan tiga tokoh tersebut yang sukar dicabar pada masa itu.

Sebahagian besar dari ahli-ahli Parti Kebangsaan Melayu tidak bersimpati dengan fahaman komunisme, hal ini mungkin disebabkan prejudis perkauman orang-orang Melayu terhadap orang-orang Cina. Orang-orang Melayu menganggap PKM adalah parti orang-orang Cina.

Dalam pada itu PKM terus berusaha memujuk orang-orang Melayu menyertai parti itu dengan menggunakan kader komunis bahagian Melayu menerusi kursus-kursus komunis, dakyah-dakyah dan melalui organisasi kaum tani tetapi usaha-usaha itu tidak berjaya kecuali dapat mempengaruhi sebilangan kecil intelektual dan pemuda-pemuda militan Melayu manakala majoriti orang Melayu tetap tidak menyokong komunis malahan membenci dan mengutuknya habis-habisan.

Bagaimanapun di sepanjang masa darurat, politbiro komunis terus mengeluarkan arahan-arahan untuk menyusun dan memperkemaskan organisasi bahagian Melayu. Salah seorang Ahli Jawatankuasa Pusat yang ditugaskan mengawasi bahagian Melayu ialah seorang Cina yang bernama Chong Yin Nam atau dikenali di kalangan kader komunis Melayu sebagai Haji Hashim. Haji Hashim atau Chong Yin Nam telah ditembak mati pada 10 Januari, 1950.

Dalam mendekati masyarakat Melayu, PKM membahagikan masyarakat Melayu kepada dua bahagian; pertama kaum tua dan kedua kaum muda.

Kaum tua terdiri dari kaum tani, guru-guru agama, imam-



Komunis menganggap golongan kaum tua sebagai sasaran yang paling baik untuk dipengaruhi. Untuk tujuan itu, pemimpin-pemimpin komunis Cina diarahkan mempelajari selok-belok agama Islam sedalam-dalamnya dan mereka dikehendaki menunjukkan hormat kepada segala pantang larang dalam Islam dan menghormati segala upacara agama Islam.

Walaupun PKM cuba memperalatkan agama Islam untuk memenangi hati orang-orang Melayu tetapi ternyata segala ikhtiar komunis itu tidak berjaya malah di kalangan orang-orang Melayu mula timbul syak dan curiga, yang akhirnya membawa kepada rasa benci yang meluap-luap terhadap PKM.



*Chong Yin Nam @ Haji Hashim, tokoh PKM yang ditugaskan untuk pengaruhi orang-orang Melayu ditembak mati, pada 10 Januari 1950.*

imam dan rakyat Melayu yang biasa manakala kaum muda pula terdiri dari golongan pertengahan atau kaum intelek dan ahli-ahli perniagaan. Golongan kaum muda dianggap sebagai golongan yang tidak begitu setia kepada raja-raja Melayu dan tidak begitu kuat pegangan agama.

## MUSA AHMAD TINGGALKAN KOMUNIS

MUSA bin Ahmad, Pengerusi Parti Komunis Malaya yang juga menjadi Komander Rejimen Yang Ke-10 komunis telah menyerah diri kepada Kerajaan Malaysia pada bulan November, 1980. Beliau, sewaktu menyerah diri berumur 60 tahun, telah menyerah bersama-sama isterinya Zainab binti Mahmud 54 tahun, bekas anggota Jawatankuasa Daerah Parti Komunis Malaya. Penyerahan diri kedua orang suami isteri yang menjadi pemimpin Parti Komunis Malaya itu telah diumumkan sendiri oleh Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie dalam satu kenyataan yang berbunyi: "Hari ini (5 Januari, 1981) saya mengumumkan bahawa Musa bin Ahmad, Pengerusi Parti Komunis Malaya (PKM) dan isterinya, Zainab binti Mahmud, seorang bekas anggota Jawatankuasa Daerah PKM, telah menyerah diri kepada Kerajaan Malaysia pada bulan November, 1980."

Kedua suami isteri itu telah melibatkan diri mereka dengan Parti Komunis Malaya sejak pengisytiharan darurat pada bulan Jun, 1948. Beliau telah menyertai gerakan bawah tanah sejurus selepas perisytiharan darurat dan seterusnya

menganggotai gerombolan pengganas komunis dan menjadi komander apa yang mereka namai Rejimen ke-10 PKM.

Dalam tahun 1955, Musa bin Ahmad telah dilantik menjadi Pengerusi Parti Komunis Malaya dan sejak tahun 1956, beliau telah menetap dan berpangkalan di Peking. Dan dari Peking, Musa telah menjalankan dua tugas iaitu selaku Pengerusi Parti Komunis Malaya dan juga sebagai ketua perwakilan PKM ke sidang-sidang di luar negeri.

Musa dilahirkan di Perak. Sebelum menyertai Parti Komunis beliau bergerak cergas dalam Parti Kebangsaan Melayu Malaya. Beliau dilantik menjadi ketua kaum tani dalam Parti Kebangsaan. Beliau juga dikenali sebagai seorang penulis sebelum Perang Dunia Kedua.

Kedua orang anak gadis Musa yang dilahirkan di Peking telah pulang lebih awal iaitu dalam bulan Jun, 1980. Manakala Musa dan isterinya tiba pada bulan Julai, 1980. Kedua orang anaknya itu lulus dari Universiti Peking dalam jurusan perubatan dan mereka pernah berkhidmat sebagai doktor di salah sebuah hospital di sana.

Selain dari dua orang anak gadisnya itu Musa dan Zainab juga mempunyai dua orang anak yang telah dilahirkan di dalam hutan Pahang kira-kira dalam tahun 50-an, iaitu ketika Musa dan isterinya menjadi anggota Rejimen Ke-10. Kedua orang anak itu telah diserahkan kepada orang-orang kampung untuk dibesarkan di luar.

Bagi masyarakat Malaysia, bila menyingkap balik sejarah perjuangan Parti Komunis Malaya (PKM), orang akan segera teringat Chin Peng kerana Chin Penglah dianggap orang terkuat PKM yang menggembelng tenaga untuk mencapai cita-cita komunis.

Kalau ada beberapa nama Melayu dalam PKM itu orang hanya akan menganggap mereka itu sebagai ikut-ikutan (*followers*) kepada Chin Peng saja.

Tidak ramai bilangan anggota-anggota PKM dari keturunan Melayu yang diketahui oleh kebanyakan orang. Nama-nama Rashid Madin, Abdullah C.D. dan Shamsiah Fakeh merupakan

Malah dalam ucapan-ucapan Allahyarham Datuk Ahmad Boestamam waktu itu, Musa Ahmadlah yang menambahkan *point-point* ucapannya terutama perkara-perkara yang melibatkan soal-soal agama.

Allahyarham Datuk Ahmad Boestamam dalam satu wawancara dengan sebuah akhbar berbahasa Inggeris di negara kita memberitahu Musa Ahmad tidak begitu mempunyai kebolehan dalam pidato (*oratorical skills*) tetapi *point-point* yang diberikannya terutama mengenai Islam adalah tajam dan tepat.

Musa Ahmad, dikatakan mahu supaya idea-idea MNP lebih mirip kepada Islam supaya dapat menarik kaum muda menyertai pertubuhan tersebut.

Datin Paduka Aishah Ghani yang pernah menjadi Pemimpin wanita pertama dalam MNP bahagian wanita (AWAS) dalam suatu wawancara dengan sebuah akhbar tempatan berkata: "Musa Ahmad, setakat yang saya ingat merupakan seorang yang pendiam. Lebih bersikap pengikut dari seorang pemimpin. Saya tidak tahu Musa mempunyai idea-idea komunis pada masa itu. Setiap orang sebenarnya mempunyai semangat kebangsaan dan anti British. Kita hanya ingin berjuang menentang penjajahan."

Datin Paduka Aishah Ghani meninggalkan AWAS (Angkatan Wanita Sedar) pada tahun 1947 dan tempatnya diambil alih oleh Shamsiah Fakeh, yang kemudian berjuang bawah tanah bila darurat diisytiharkan pada tahun 1948 dan menurut Musa, Shamsiah sekarang berada di Peking.

Bagaimana Musa Ahmad seorang yang berpendidikan agama dan berjiwa nasionalis tiba-tiba muncul sebagai *Top Man* dalam pergerakan komunis. Dalam wawancara di televisyen tidak lama dahulu, Musa ada menegaskan pada awal tahun 1948, iaitu sebelum darurat diisytiharkan dia telah diarah oleh Abdullah C.D. (Che Dat) seorang komunis, untuk mendapatkan sokongan dari penduduk Temerloh terutama orang-orang Melayu untuk turut serta berjuang menentang penjajahan Inggeris. Katanya, dia menerima latihan menggunakan senjata dalam hutan dekat Kampung Lubuk Kawah.

di antara nama-nama yang kerap didengar oleh masyarakat Melayu atau masyarakat Malaysia umumnya.

Orang-orang Melayu sendiri terasa hairan bagaimana anggota-anggota PKM dari keturunan Melayu itu masih boleh berada di hutan atau di mana-mana dan masih sanggup ber-lindung di bawah 'ketiak' Chin Peng, sedangkan negara sudah mencapai kemerdekaan sejak 31 Ogos, 1957.

Bila kerajaan mendedahkan tentang kepulungan Musa Ahmad bersama isterinya Zainab binti Mahmud orang agak terkejut dan hairan. Yang menjadikan masyarakat Malaysia terkejut ialah kerana Musa Ahmad pulang dari Peking atas jawatan sebagai Pengerusi PKM. Selama ini sebilangan besar masyarakat Malaysia tentunya tidak pernah tahu yang Pengerusi PKM terdiri dari orang Melayu.

Hakikat ini terjadi kerana bila menyebut penglibatan orang-orang keturunan Melayu dalam PKM itu, orang cuma teringatkan Rashid Madin, Abdullah C.D., Shamsiah Fakeh, Wahi Anuar dan lain-lain lagi. Orang tidak teringat kepada Musa bin Ahmad. Tetapi selepas mendengar wawancara RTM dan membaca akhbar-akhbar berbahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil, orang baru tahu siapa dia Musa bin Ahmad.

Ramai rakan-rakan beliau yang masih hidup menganggap beliau sebagai seorang nasionalis yang berjuang menentang penjajahan. Mungkin ciri-ciri ideologi yang ada padanya mirip kepada sosialis, tetapi ramai yang tidak menduga yang beliau boleh masuk kelambu komunis dan hidup di Peking lebih 30 tahun.

Pada peringkat awal persekolahannya Musa mendapat pendidikan agama di Sekolah Al Mashur, sebuah sekolah agama yang terkenal di Pulau Pinang. Beliau mempunyai pengetahuan yang mendalam juga dalam hal ehwal agama Islam di samping memiliki semangat kebangsaan yang agak kuat.

Sebagai seorang muda yang bersemangat kebangsaan, Musa menyertai rakan-rakannya yang lain seperti Allahyarham Ahmad Boestamam dalam Parti Kebangsaan Melayu atau *Malay Nationalist Party* (MNP) yang ditubuhkan pada tahun 1945.

Dia juga diarahkan supaya jangan memberitahu orang-orang Melayu yang komunis bercadang untuk menubuhkan sebuah republik di Malaya. Musa menjalankan arahan tersebut dengan baik dan pada bulan April 1949, Setiausaha Agung PKM, Chin Peng memberitahunya yang dia telah diterima menjadi anggota PKM. Dengan penerimaan tersebut jadilah ia seorang anggota komunis yang sah dari segi perlembagaan PKM. Dan peribadinya secara disadari atau tidak telah bertukar dari seorang yang berminat kepada agama dan berjiwa nasionalis kepada seorang yang akan menjunjung idea-idea komunisme.

*Turning Point* dirinya. Dalam hal ini mungkin kerana kegagalan dalam perjuangan asalnya dan menyebabkan ia begitu mudah masuk ke jerangkap komunis untuk mencapai cita-cita politiknya yang belum tentu hujung dan pangkalnya.

Apakah setelah diterima menjadi anggota komunis itu, dia benar-benar mengikuti ideologi tersebut secara prinsipalnya atau di sudut hatinya masih tertanam semangat nasionalisme iaitu perjuangan asalnya untuk bangsa dan negara dan apakah selepas dia ke Peking pada tahun 1955 itu dia benar-benar mempelajari ideologi komunis yang berdasarkan Marx-Lenin atau isme-isme Mao Tze Tung?

Mungkin dia telah mempelajarinya, tetapi kemudiannya berasa hampa dengan ideologi tersebut setelah dia sendiri berada di tengah-tengah masyarakat komunis yang kronik dengan sifat-sifat kejam dan tidak bertimbangrasa seperti yang telah didedehkannya dalam temu ramah melalui siaran televisyen.

Secara terus terang Musa Ahmad membuat pendedahan:

“Jika konsep ideologi Marxisme-Leninisme membolehkan pemimpin-pemimpin Parti Komunis membuat sebegitu banyak kezaliman maka sudah tentu terdapat banyak kepalsuan di dalam teori komunis itu. Oleh itu, sistem komunis tidak boleh dipraktikkan di Malaysia atau di mana juga negara di dunia ini. Dalam pendedahan itu juga Musa menyebutkan bahawa ketiadaan sokongan dari orang-orang Melayu yang tidak sanggup menerima ideologi yang menafikan Tuhan itu, me-



rupakan faktor utama sebab-sebab kegagalan perjuangan komunis di negara itu.”

PKM telah cuba mengelabui mata orang-orang Melayu dengan melantiknya sebagai Pengerusi parti, tetapi Musa Ahmad tidak lebih dari sebuah ‘boneka’ bagi PKM, kerana yang anehnya sebagai Pengerusi, Musa Ahmad masih menerima arahan dari Chin Peng. Sekiranya dia dilantik sebagai pengerusi yang berkuku atau berkuasa, bukan dia yang sepatutnya menerima arahan tetapi Chin Penglah yang sepatutnya menerima arahan darinya.

Ternyata pemergiannya ke Peking itu hanya untuk disimpan dalam ‘peti sejuk’ komunis untuk mengelabui mata orang-orang Melayu.

Dalam barisan pemimpin-pemimpin Melayu dalam PKM, nama Musa Ahmad tidaklah sehebat nama-nama Rashid Madin, atau Abdullah C.D. tetapi bila beliau menyertai perjuangan bawah tanah, selepas Abdullah C.D. dipecat dari mengetuai Rejimen Ke-10 PKM, Musa Ahmad dilantik mengetuai rejimen tersebut.

Musa mencipta nama hanya selepas dilantik menjadi pengerusi parti sewaktu PKM memerlukan kaum lain selain dari kaum Cina untuk memaparkan ianya dianggotai oleh pelbagai kaum terutama menjelang perundingan di Baling. Tujuannya ialah kerana Chin Peng hendak menarik minat British, Tunku dan David Marshall dari Singapura yang PKM juga merupakan sebuah *multiracial party*.

Oleh yang demikian bila Musa menyerah diri orang ramai tertanya-tanya siapakah sebenarnya Musa Ahmad, kerana yang hadir di perundingan Baling dahulu ialah Rashid Madin, bukan Musa Ahmad.

Isteri Musa, Zainab binti Mahmud berasal dari Raub, Pahang. Sebelum darurat dan sebelum menyertai Parti Komunis Malaya, Zainab cuma turut aktif di dalam Parti Kebangsaan Melayu di mana beliau dilantik menjadi Setiausaha Angkatan Wanita Sedar (AWAS), sebuah pertubuhan wanita parti tersebut.



telunjuknya menolak buah-buah dam atau catur itu maju ke hadapan anak jari atau jari manisnya sempat mengheret sama ke depan buah yang di belakang menjadikan dua biji dam atau catur sekali jalan. Kawan-kawannya amat arif betul tentang perangnya itu. Sebab itu setiap kawan yang diajak bermain dengannya amat berhati-hati jika bermain dam atau catur dengannya. Dan dari perangnya itulah dia mendapat gelar 'Pak Pechokok.'

Dalam pendedahannya, Musa menyebutkan bahawa ketiadaan sokongan dari rakyat Melayu yang tidak sanggup menerima ideologi yang menafikan Tuhan itu adalah merupakan pokok dari beberapa sebab kegagalan perjuangan komunis. PKM, selama mereka bergerak di dalam hutan mendakwa kononnya berjuang untuk merebut kemerdekaan Malaya dari penjajahan Inggeris. Namun begitu niat jahat komunis ternyata bila di dalam rundingan di Baling pada tahun 1955 dahulu, Chin Peng tidak bersetuju untuk menyerahkan senjatanya walaupun jika PKM diakui sebagai sebuah parti politik yang halal.

Sebelum rundingan itu berlangsung memang sudah ada tanda-tanda yang perjuangan parti komunis itu sedang menuju ke arah keruntuhannya, sebab itulah mereka setuju untuk berunding. Memang sudah menjadi tabiat komunis bahawa mereka tidak akan berunding dengan lawan jika sekiranya mereka yakin yang mereka masih kuat.

Dalam ikrarnya yang terakhir PKM cuba mengelabui mata rakyat dengan melantik Musa Ahmad sebagai Pengerusinya. Tetapi setelah perlantikan itu dibuat, Musa telah dikirim ke Bangkok dan seterusnya 'disimpan' di Peking.

Dalam buku *Menoleh Ke Belakang*, Tunku Abdul Rahman mencatatkan bahawa pada petang 19 Disember, 1955 di tempat perundingan yang disediakan khas di Baling, Chin Peng duduk tenang di kerusinya berdepan dengan sebuah meja panjang yang dialas dengan kain putih bersih. Tunku yang ketika itu menjadi Ketua Menteri Malaya duduk berhadapan dengan Chin Peng. Tunku memakai pakaian kebangsaan Melayu dan bersongkok. Chin Peng menurut pandangan Tunku kelihatan berpakaian

Zainab pernah menuntut di Sekolah Agama Al Huda, Pulau Pinang bersama-sama Puan Syarifah Radhiah, isteri Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj. Beliau pernah juga bertugas di Ibu Pejabat Parti Buruh di mana Abdullah C.D. jadi pengurusinya. Sewaktu aktif di dalam AWAS, ibu pejabat pertubuhan tersebut bertempat di tingkat tiga tapak bangunan Fong Keong, Jalan Petaling, Kuala Lumpur. Sementara bangunan Ibu Pejabat Parti Komunis Malaya pula terletak di Foch Avenue hanya beberapa ela saja dari bangunan Ibu Pejabat AWAS. Chin Peng, Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya berpejabat di Foch Avenue itu. Menurut beberapa orang yang kenal biasa dengan Chin Peng sewaktu berpangkalan di Foch Avenue itu sentiasa melatih dirinya dengan kesusahan. Di antaranya ialah dia membiasakan dirinya tidak makan pada waktu malam.

Di antara beberapa orang tokoh dan pemimpin Parti Komunis Malaya pada waktu itu, terdapat seorang yang handal berpidato. Kalau dibandingkan dengan Allahyarham Ahmad Boestamam dan lain-lain tokoh Parti Kebangsaan Melayu Malaya seperti Ishak Haji Muhammad atau Dr. Burhanuddin sekalipun dia masih handal lagi. Orang itu ialah Baharudin Tahir, seorang yang berketurunan Mendeleng, Sumatera tetapi berkeluarga dan beranak pinak di Kati, Kuala Kangsar, Perak. Di dalam PKM dia ditugaskan sebagai Ketua Penerangan parti tersebut. Baharudin kemudiannya lari balik ke Indonesia dan suatu ketika dulu dia pernah bertanding di dalam pilihan raya umum (di Indonesia) dengan menggunakan tiket PKI (Parti Komunis Indonesia) tetapi kalah.

Sewaktu Allahyarham Tun Dr. Ismail menjadi Menteri Dalam Negeri, Baharudin pernah datang ke Malaysia untuk menziarahi anak dan keluarganya di Kati, tetapi segera diperintahkan pulang oleh Tun Dr. Ismail.

Di kalangan rakan-rakan yang sama-sama dalam tahanan dahulu Baharudin dikenali dengan panggilan 'Pak Pechokok.' Kegemarannya sewaktu di dalam tahanan ialah bermain dam dan bermain *chess*. Tetapi di dalam dia bermain itu Baharudin sering melakukan penipuan. Kadang-kadang dalam masa jari

kemas, wajahnya segar tidak bermisai dan berjanggut. Semuanya rapi dan segar. Tidak syak lagi bahawa Setiausaha Agung Komunis itu tidak mengalami penderitaan atau kekurangan makanan. Dan dari air mukanya yang berjaga rapi itu dia tentu hidup mewah dan tidak menderita mengalami penyeksaan batin berpindah randah dari satu tempat ke satu tempat apabila diburu oleh pasukan keselamatan sebagaimana yang terjadi pada anggota-anggota komunis yang lain. Untuk menghadiri perundingan itu Chin Peng telah keluar dari hutan Klian Intan sesudah meninggalkan pasukan pengawal peribadi yang berjumlah 40 orang yang telah diberi jaminan tidak akan diserang kerana perintah berhenti tembak menembak telah dikeluarkan lebih dahulu dan pasukan keselamatan telah ditarik keluar dari kawasan pertemuan. Dia diiringi oleh Chen Tien yang sebelum ini bertugas sebagai pegawai seranta Chin Peng hingga membolehkan perundingan itu diadakan menurut jadual. Seorang pengiring lagi ialah Rashid Madin.

Meskipun kawasan tempat perundingan itu dikawal rapi namun perundingan itu terbuka kepada para perwakilan akhbar dan jurugambar baik dari dalam dan luar negeri. Sebenarnya cadangan untuk mengadakan perundingan dengan komunis itu telah dikritik oleh beberapa buah akhbar di London, namun Tunku mempunyai rahsia dan matlamat sendiri. Tunku sedar bahawa perjuangan komunis sedang goncang, sebab itulah mereka setuju untuk berunding. Tunku juga berharap jika Chin Peng bersetuju untuk menyerah, persetujuan itu akan dijadikan senjata yang paling berkesan dalam rundingan kemerdekaan yang akan diadakan tidak beberapa hari setelah pertemuan di Baling itu.

Tunku telah diiringi oleh Datuk Sir Tan Cheng Lock, Presiden MCA dan David Marshall, Ketua Menteri Singapura. Tunku membuka rundingan dengan memberi jaminan atas keselamatan Chin Peng dan rombongannya sepanjang masa perundingan itu dijalankan serta juga memberi jaminan mereka boleh pulang ke dalam hutan tanpa sebarang gangguan selepas rundingan itu tamat.

Tunku juga menjelaskan tujuan utama pertemuan itu hanya untuk menerangkan secara terperinci butir-butir tawaran menyerah diri kepada penganas di dalam hutan yang telah diumumkan sebelumnya. Lain-lain perkara yang disebut oleh Tunku di dalam bukunya *Menoleh Ke Belakang* itu ialah:

*Kemenangan Parti Perikatan di dalam pilihan raya membuktikan hasrat rakyat berhubung dengan janjinya bahawa "penjajahan asing akan ditamatkan dan negeri ini akan diberi kemerdekaan."*

*Jaminan telah diberi oleh kerajaan Inggeris menerusi Pesuruhjaya Tinggi Sir Donald MacGillivray bahawa darurat di negeri ini tidak lagi dianggap sebagai penghalang kemajuan politik Tanah Melayu ke arah kemerdekaan.*

*Cita-cita Tunku bukan hanya untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu, malah untuk mengamankannya.*

*Kedatangannya ke Baling bukan sebagai jurucakap British atau boneka kerajaan penjajah, tetapi mewakili rakyat yang telah memilih untuk memimpin kerajaan Tanah Melayu.*

Chin Peng telah menjawab semua tawaran-tawaran Tunku itu di dalam bahasa Mandarin walaupun memang dipercayai yang Chin Peng boleh berbahasa Inggeris. Sementara Chen Tien menjadi jurubahasanya.

Setelah mengakui kedudukan Tunku sebagai wakil rakyat Tanah Melayu, dia menyatakan syarat-syarat penyerahan diri tanpa syarat itu tidak dapat diterima begitu saja, kerana ia tidak membenarkan orang-orang komunis tegak sama tinggi dan duduk sama rendah dengan orang lain yang membolehkan mereka berjuang mencapai kemerdekaan dengan jalan damai.

Tunku menjawab, tawaran itu menjamin orang-orang komunis yang membuang ideologi komunismenya akan dijamin hidup bebas di dalam masyarakat sama seperti rakyat yang lain. Tetapi mula-mulanya mereka hendaklah menyakinkan rakyat bahawa mereka menumpukan taat setia kepada Malaya sahaja, bukan ke negeri lain. Sekadar berjuang menentang Inggeris belum menjadi bukti taat setia mereka terhadap negara ini.

orang yang ada di dalam perundingan itu dengan katanya: "Sekiranya Kerajaan Persekutuan dan Singapura yang dipilih oleh rakyat telah bertanggungjawab dalam urusan pertahanan dalam dan luar negeri, ketika itu semua kesulitan dapat diselesaikan dengan mudah. Dan sebaik-baik, kedua-dua kerajaan ini boleh mentadbirkan diri sendiri dan mengatur urusan keselamatan dalam dan luar, ketika itu kami akan menghentikan peperangan dengan serta-merta."

Bila Tunku menjawab bahawa pemergiannya ke England nanti pasti akan mendapat apa yang disebut oleh Chin Peng itu, iaitu kemerdekaan penuh, Chin Peng pula mencelah lagi: "Tetapi meletakkan senjata bukanlah maksudnya menyerahkan senjata kepada kerajaan. Penyerahan senjata kami hanya boleh dibuat jika PKM diakui dan kebebasan kami tidak lagi disekat."

Dan bila David Marshall meminta penjelasan Chin Peng menambah: "Ini tidak bererti menyetujui syarat-syarat tawaran serahan diri yang ada sekarang."

Ucapan Chin Peng yang akhir sekali ialah: "Berdamai bererti suatu kehinaan. Kami tidak akan menyerah tetapi akan berjuang hingga ke titisan darah yang akhir," tegas Chin Peng. Lalu dijawab oleh Tunku: "Kalau keamanan hendak dicapai di dalam negara ini, salah satu pihak hendaklah menyerah, saya tak rela melihat Malaya jadi seperti Korea atau Vietnam. Kami dipilih oleh rakyat untuk berkuasa dan bukan untuk menyerah, sebab itu saudaralah yang mesti menyerah." Akhirnya rundingan itu berakhir dengan kegagalan.

Kira-kira satu jam kemudiannya Chin Peng dan rakan-rakannya telah dibawa balik ke pinggir hutan di Klian Intan dan melenyapkan diri ke dalam hutan menuju ke sempadan Thailand.

Chin Peng kemudiannya meminta supaya Parti Komunis dihancurkan. Dia mahu syarat-syarat tawaran menyerah diri itu dikaji dan dipinda kerana ideologi mereka tidak boleh dibuang, katanya.

Tunku menolak permintaan itu. Katanya, "Apabila saudara keluar dari hutan dan menyerah diri, soal fahaman dan kepercayaan itu adalah urusan saudara sendiri, tetapi gerak-geri saudara, terutama gerakan yang ditujukan supaya orang ramai menerima fahaman komunis itu adalah suatu masalah lain." Tunku menegaskan, negara ini tidak dapat mengakui Parti Komunis kerana gerakan komunis selama ini berdasarkan pembunuhan, kekejaman dan berbagai rupa kekerasan.

Pertemuan mereka pada hari kedua bermula jam 6.30 petang dan tamat pada jam 8.00 malam. Dalam pertemuan kedua itu soal pengakuan Parti Komunis Malaya ditimbulkan lagi oleh Chin Peng tetapi Tunku tetap tegas dengan jawapannya, menolak.

Mengenai soal orang-orang komunis yang menyerah, Tunku menegaskan bahawa mereka terpaksa disiasat sebelum dibebaskan atau dibantu meneruskan kehidupan biasa di tengah-tengah masyarakat. Chin Peng mahu pembebasan mereka diberi tanpa syarat. Dan kalau dasar serupa ini hendak dipaksakan juga, mereka lebih suka meneruskan perjuangan mereka di dalam hutan.

David Marshall mencelah: "Maafkan saya, apakah yang saudara perjuangkan?"

"Maruah setiap manusia!" Jawab Chin Peng.

"Kekerasan dan pembunuhan bukanlah caranya untuk menjaga maruah. Maruah rakyat negara ini menghendaki supaya tiap-tiap rakyat berkorban untuk kebajikan Malaya seluruhnya!" Jawab David Marshall pula. Pada peringkat ini Chin Peng mengaku bahawa pendapat mereka sangat berbeza. Perbezaan ini tidak mengizinkan rundingan itu diteruskan lagi pada hari itu.

Pada esoknya pertemuan dimulakan pada jam 10.50 pagi. Dalam pertemuan ini Chin Peng telah mengejutkan orang-

## TEMU RAMAH DENGAN MUSA AHMAD

MUSA AHMAD, bekas Pengerusi Parti Komunis Malaya (PKM) yang juga Komander Rejimen Ke-10 telah menyerah diri kepada kerajaan Malaysia pada bulan November, 1980.

Sewaktu menyerah diri, beliau berumur 60 tahun, dan isterinya yang turut menyerah diri bersamanya berumur 54 tahun. Isterinya yang bernama Zainab binti Mahmud (meninggal dunia pada tahun 1981 kerana sakit jantung) ialah bekas anggota Jawatankuasa Daerah Parti Komunis Malaya.

Kedua suami isteri itu telah melibatkan diri dengan PKM sejak pengisytiharan darurat pada bulan Jun 1948. Beliau telah menyertai gerakan bawah tanah sejurus selepas pengisytiharan darurat dan seterusnya menganggotai gerombolan penganas komunis dan menjadi Komander Rejimen Ke-10 PKM.

Sebagai bekas Pengerusi PKM, Musa Ahmad adalah orang penting yang banyak mengetahui tentang gerakan komunis di Malaya, baik semasa beliau bersama-sama rakan-rakannya berjuang di dalam hutan atau selepas beliau berhijrah ke Peking dan tinggal di sana selama kira-kira 25 tahun.

Dalam temu ramah dengan saya itu umpamanya, Musa





*Musa Ahmad: Pengerusi PKM sejak tahun 1955.*

Ahmad telah membongkar sebab sebenar mengapa pihak PKM meminta untuk mengadakan rundingan dengan kerajaan Malaya pada tahun 1955 itu.

Beliau menerangkan pada tahun 1950-an, kedudukan PKM semakin tersepit dan Chin Peng yang dapat merasakan kesulitan itu telah menghantar seorang wakilnya bernama Siow Chong ke Peking untuk berunding dengan pegawai-pegawai



luar negeri, dan ini membolehkan saya berhubung dengan Parti-Parti Komunis yang lain.

Soalan: Sewaktu Chin Peng hendak ke Peking itu, apakah Encik Musa telah diberitahu mengenainya.

Musa: Pada pertengahan tahun 1961, saya diberitahu Chin Peng akan datang ke Peking ikut jalan darat. Dia bertolak dari sempadan Thai-Malaysia dengan menaiki kereta menuju ke Bangkok. Di Bangkok dia tinggal selama dua malam, kemudian meneruskan perjalanan ke utara Thailand hingga sampai ke Mekong. Perjalanan tersebut adalah secara rahsia. Dari Sungai Mekong, dia menaiki perahu menyeberangi sungai hingga ke Laos. Semasa di Laos itu, kerajaan Vietnam sudah diberitahu tentang kedatangan Chin Peng itu. Kerajaan Vietnam kemudian menghantar sebuah helikopter untuk mengambil Chin Peng. Dari Laos ke Vietnam, Chin Peng menaiki helikopter. Di Hanoi dia tinggal selama satu minggu. Kerajaan China pula telah menghantar sebuah kapal terbang khas untuk mengambilnya dari Hanoi itu.

Pada hari ketibaannya itu, saya, seorang penterjemah dan seorang kakitangan yang bertanggungjawab di *International Liaison Department* (ILD) menunggunya di Lapangan Terbang Peking.

Parti Komunis China sudah menyediakan sebuah banglo besar di Kompleks *International Liaison Department* (ILD) sebagai tempat kediamannya.

Banglo itu dua tingkat. Tingkat atas terdapat empat bilik, tingkat bawah dua bilik, termasuk dua bilik makan yang luas.

Waktu datang itu, Chin Peng seorang diri sahaja. Isterinya tiba lebih dahulu darinya iaitu pada tahun 1957. Isterinya sakit dan telah mendapat rawatan di Peking, tetapi semasa

tertinggi komunis di sana, meminta idea bagaimana caranya untuk mengatasi masalah tersebut.

Pihak komunis China dikatakan meminta Chin Peng berbuat apa sahaja yang difikirkan mendatangkan faedah. Salah satu idea yang diberikan ialah mengadakan rundingan untuk memperdayakan pihak kerajaan Malaya supaya meringankan tekanan ke atas gerakan komunis. Chin Peng kemudian menghubungi YTM Tunku Abdul Rahman Putra, untuk mengadakan rundingan tersebut. Rundingan itu yang dikenali sebagai "Rundingan Baling" 1955, ternyata tidak mendatangkan sebarang faedah kepada Chin Peng dan PKM.

Sebaliknya ia memberi tamparan hebat kepada kewibawaan Chin Peng sebagai seorang pemimpin PKM. Beliau balik ke hutan sebagai seorang yang kecewa dan enam tahun kemudian mengambil keputusan untuk berhijrah ke Peking mengikut jejak langkah Musa Ahmad.

Semasa di Peking, Chin Peng diberikan sebuah banglo dan tinggal dalam kemewahan sedangkan anak-anak buahnya yang masih bersarang di hutan belantara Tanah Melayu berada dalam kepayahan dan kesulitan.

Berikut ialah temu ramah dengan Musa bin Ahmad, bekas Pengerusi PKM yang sekarang telah kembali ke jalan Allah:

Soalan: Antara Encik Musa dan Chin Peng siapa yang terlebih dahulu berada di Peking?

Musa: Saya. Saya tiba di Peking pada bulan Ogos 1956. Chin Peng datang ke Peking tahun 1961.

Soalan: Mengapa Encik Musa dihantar ke Peking sedangkan perjuangan PKM berpusat di Malaya?

Musa: Saya dihantar ke Peking atas dua sebab utama:  
Pertama, untuk mempelajari dengan mendalam ideologi komunis iaitu Marxisme-Leninisme secara teori dan praktik.

Kedua, sebagai Pengerusi PKM, saya dikehendaki menjadi Ketua Perwakilan PKM di

pin yang bertanggungjawab, sanggup meninggalkan anak buahnya sedangkan dia hidup senang di Peking.

**Soalan:** Selepas Encik Musa dan Chin Peng tinggal bersama di banglo itu, apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan?

**Musa:** Bermula dari saat itu, segala aktiviti yang melibatkan PKM berpusat di rumah itu. Segala mesyuarat Jawatankuasa Pusat diadakan di situ. Segala pemilihan delegasi untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat atau persidangan-persidangan komunis antarabangsa pun bermula dari rumah itulah.

Gerakan PKM ini sebenarnya ada dua, iaitu (1) Gerakan Gerila dan (2) Gerakan Bawah Tanah.

Gerila-gerila menjalankan operasinya dari dalam hutan. Dalam hutan di sempadan Malaysia-Thai umpamanya, ada sebuah biro yang dipanggil Biro Utara Malaya. Segala aktiviti yang dijalankan oleh biro ini akan dilaporkan ke Peking, sama ada sekali seminggu atau dua kali seminggu, mengikut keadaan. Segala laporan itu akan dibaca dan dianalisa oleh Chin Peng yang kemudiannya akan memberikan arahan kepada pengganas-pengganas yang berpusat di hutan sempadan itu.

Organisasi Bawah Tanah pula bergerak secara rahsia dan ejen-ejenya berada di Indonesia, London dan Singapura. Cara mereka membuat hubungan ada tiga macam, iaitu pertama melalui pengirisan surat secara terbuka. Di Peking, terdapat satu alamat di mana ejen-ejen ini boleh mengiriskan suratnya. Alamat tersebut tidak diketahui oleh sesiapa kecuali orang-orang tertentu. Pengirisan tersebut cuma menggunakan nombor kod sahaja. Bila surat tersebut sampai, ia dibaca melalui kod-kodnya.

Cara kedua ialah surat rahsia yang dibawa sendiri oleh orang berkenaan atau wakil-wakilnya.

Chin Peng sampai itu, isterinya baru sembuh dari sakit. Isterinya yang bernama Lee Che itu kemudian datang tinggal bersamanya.

Soalan: Waktu itu Encik Musa tinggal di mana?

Musa: Waktu itu, saya tidak tinggal di banglo itu. Tetapi selepas Chin Peng datang, saya diarah oleh Parti Komunis China supaya tinggal bersama Chin Peng. Kata mereka, banglo itu terlalu besar, eloklah saya tinggal bersama di situ. Keesokannya, saya dan isteri saya pun berpindahlah ke banglo tersebut.

Di banglo itu, Chin Peng diberikan dua orang setiausaha. Seorang setiausaha peribadi dan seorang lagi setiausaha penerbitan yang mengendalikan urusan penerbitan seperti dokumen-dokumen dan risalah-risalah.

Pihak China juga memberi seorang tukang masak, pelayan, pemandu, pengawal peribadi (*bodyguard*) dan sebuah kereta yang dipanggil *Red Flag*.

Soalan: Pada waktu itu, perjuangan PKM berpusat di Malaya, mengapa kedua-dua orang penting PKM (Pengerusi dan Setiausaha Agung) melarikan diri ke Peking.

Musa: Sebenarnya, semasa saya diberitahu mengenai kedatangan Chin Peng ke Peking itu, saya telah membuat bantahan. Saya tidak bersetuju sama sekali Chin Peng datang ke Peking. Saya berpendapat Chin Peng mesti tinggal di hutan bersama-sama anggota PKM yang lain, tetapi Chin Peng berdegil hendak berhijrah ke Peking.

Soalan: Apakah kerana Chin Peng merasa kedudukannya sudah tersepit.

Musa: Bukan itu saja, tetapi tindakannya itu menggambarkan yang dia bukanlah seorang pemim-

Manakala cara ketiga ialah orang itu sendiri yang datang, sama ada dari Singapura, Indonesia atau London. Mereka datang jumpa Chin Peng dan bercakap sendiri masalah mereka.

Setiap laporan yang disampaikan kepada Chin Peng itu diteliti, dan Chin Peng nanti akan mengeluarkan arahan secara kasar, tentang tindakan yang patut dibuat atau diambil oleh anak-anak buahnya di tempat masing-masing.

**Soalan:** Semasa di Peking itu, adakah Chin Peng berulang-alik ke sempadan Malaysia-Thai?

**Musa:** Setakat yang saya tahu, sampai kepada bulan Mei, 1978, Chin Peng tidak berulang-alik ke sempadan Malaysia-Thai. Sekarang ini lagi susah, sempadan Thai, Laos dan Vietnam ditutup akibat sengketa China-Vietnam. Lagipun, Chin Peng sekarang sudah berusia 62 tahun. Dia lahir di Setiawan, Perak pada tahun 1924. Sudah agak tua, tetapi kesihatannya masih baik. Dia cuma mengidap penyakit gastrik. Selepas saya balik ke sini akhir tahun 1980, saya tidak tahu lagi apa yang berlaku.

**Soalan:** Sejauh mana sokongan yang diterima oleh Chin Peng dari anggota-anggota PKM?

**Musa:** Di dalam hutan sekarang, pergerakan komunis telah berpecah kepada beberapa puak. Chin Peng hanya mempunyai kuasa ke atas apa yang kita panggil PKM Indok, atau dalam bahasa Inggerisnya, CPM *Proper Group* Chin Peng ini mendapat sokongan dan bantuan dari Komunis China. Jadi pada umumnya, Chin Peng hanya berkuasa ke atas grupnya sahaja. Arahan-arahan yang dikeluarkannya pun hanyalah ke atas kumpulannya sahaja. Ke atas kumpulan lain, dia tidak mempunyai kuasa. Dari segi kepimpinan, Chin Peng bukanlah seorang

pemimpin yang diterima oleh keseluruhan anggota PKM.

**Soalan:** Dalam organisasi PKM, siapa lebih berkuasa, Pengerusi atau Setiausaha Agung?

**Musa:** Kalau di China, pemimpin yang berkuasa ialah Pengerusi, tetapi di Malaya, Setiausaha Agung mempunyai kuasa yang lebih. Dalam hal ini, Chin Peng mempunyai kuasa menyeluruh. Dalam organisasi kami waktu itu terdapat enam polit-biro yang dianggotai oleh empat orang Cina dan dua orang Melayu, iaitu saya dan Abdullah C.D.

**Soalan:** Dalam rundingan Baling, mengapa Rashid Madin yang dipilih mewakili orang Melayu, tidak Encik Musa?

**Musa:** Rashid Madin dipilih hanya sebagai alat. Memang sudah menjadi dasar komunis, bahawa orang yang ditonjolkan itu bukan orang yang dianggap penting.

**Soalan:** Bagaimana perwatakan Rashid Madin semasa di hutan itu?

**Musa:** Setakat yang saya tahu, Rashid ini ialah orang yang cepat marah dan kedekut. Kalau kami dapat bekalan makanan, dan kalau Rashid yang membahagi-bahagikannya, dia akan memilih yang baik-baik dan elok-elok untuknya. Kalau kita mahu berdebat dengannya, kita tunggu semasa dia marah, sudah pasti kita akan menang.

**Soalan:** Tahukah Encik Musa, mengapa Chin Peng meminta untuk mengadakan rundingan dengan Tunku di Baling pada tahun 1955 itu?

Peng sahaja. Tapi kalau Chin Peng ditangkap pun apa penggantian. Waktu itu, orang yang disebut-sebut akan menggantikan Chin Peng sekiranya berlaku keadaan yang tidak diduga ialah Lee An Tong, iaitu Timbalan Setiausaha Agung PKM.

Pada waktu itu, saya memang sudah direncanakan untuk dihantar ke luar negeri. Saya dicadangkan untuk mewakili kongres Parti Komunis China Ke-8 di Peking.

Semasa rundingan Baling itu berlangsung, anggota-anggota PKM sudah dipecah-pecahkan atau diselerakkan ke merata tempat. Lee An Tong umpamanya lari ke hutan Perak, begitu juga dengan orang-orang lain.

Chin Peng berharap melalui rundingan Baling itu dia akan beroleh kejayaan dan dapat memperdayakan Tunku, tetapi hasrat dan niatnya itu gagal. Pihak kerajaan bertegas dan tidak bertolak-ansur. Rundingan itu memberi pukulan hebat kepada PKM terutama Chin Peng.

**Soalan:** Boleh Encik Musa terangkan sedikit mengenai Rejimen Yang Ke-10?

**Musa:** Rejimen Yang Ke-10 ini ditubuhkan khusus untuk menarik orang-orang Melayu yang beragama Islam menyertainya. Pada mulanya, kita mempunyai pasukan yang umum saja. Di Pahang sudah ada pasukan yang ke-6. Pihak Jawatankuasa Pusat PKM merasakan betapa pentingnya diwujudkan sebuah rejimen yang dianggotai oleh orang-orang Melayu saja. Mereka memikirkan itulah cara yang lebih efektif untuk menarik orang-orang Melayu menyertainya. Waktu itu sudah ada Rejimen Yang Ke-9. Untuk tujuan penubuhan itu, Chin Peng telah memanggil kader-kader Melayu berkumpul di Kerbau, Pahang. Semasa penubuhan itu, saya, Abdullah C.D. dan Wahi Anuar ada bersama.

Semasa penubuhan itu kami memilih nama pasukan sebagai Rejimen Ke-10, kerana perkataan 'sepuluh' itu ada



Musa: Setahu saya, pada sekitar tahun 1950-an itu, pergerakan komunis menjadi semakin lemah. Orang ramai enggan memberikan sokongan. Chin Peng memang sudah merasa kesusahan dan kesulitan itu. Pada hujung tahun 1952, Chin Peng telah menghantar seorang wakilnya bernama Siow Chong ke Peking untuk mengadakan rundingan dengan pihak Komunis China di samping meminta idea bagaimana cara mengatasi masalah pergerakan komunis yang semakin lemah dan tersepit itu. Pihak Komunis China dikatakan memberikan pendapat buat apa saja yang difikirkan mendatangkan faedah. Dari idea Peking itulah timbul idea untuk meminta pihak kerajaan mengadakan rundingan. Chin Peng kemudian menulis surat kepada Tunku meminta diadakan rundingan, tetapi surat pertama, tidak berjawab. Kalau tidak silap, Chin Peng menulis lagi bagi kali kedua, dan barulah menerima jawapan. Pada bulan Ogos, 1955 pihak China menghantar seorang yang bernama Siow Meng ke Malaya untuk memasang set wireless. Siow Meng seorang operator wireless yang mempunyai kemahiran. Pada masa itulah bermulanya alat komunikasi terbaru bagi PKM, untuk menghubungi antara unit-unitnya.

Selepas menerima jawapan dari Tunku, bahawa beliau bersetuju untuk mengadakan rundingan, maka pihak komunis telah mengadakan mesyuarat. Dalam mesyuarat itu, Chin Peng agak resah dan bertanya: Apakah saya mesti pergi atau tidak? Kalau saya pergi, adakah saya ditangkap atau tidak? Demikian soalan-soalan yang ditanya oleh Chin Peng. Tetapi mesyuarat yang dijalankan hari itu mengambil keputusan bahawa Chin Peng mesti menghadiri rundingan itu.

Kalau Chin Peng, Rashid dan Chen Tien ditangkap, ada penggantinya. Dalam rundingan itu, tokoh terpenting ialah Chin



maknanya yang simbolik. Dalam Islam, 10 Zulhijjah ialah hari raya korban ataupun hari raya haji. Jadi kami memilih angka sepuluh itu sebagai simbol kepada sikap 'pengorbanan.' Tujuannya untuk menaikkan semangat orang Melayu dan Islam, untuk menyertai pasukan tersebut.

Sebanyak tiga jawatan penting dibentuk pada hari penubuhan itu, iaitu (1) Komander, (2) Penolong Komander dan (3) Pegawai Politik.

Dalam penyusunan jawatan itu, Abdullah C.D. telah dilantik menjadi Komander merangkap Pesuruhjaya Politik mewakili Jawatankuasa Pusat Ke Rejimen Ke-10, Wahi Anuar dilantik menjadi Penolong Komander, dan saya waktu itu dilantik menjadi Pegawai Politik.

Pada mulanya Rejimen Ke-10 mempunyai seramai lebih kurang 400 orang rekrut tetapi senjata yang ada cuma untuk satu platon seramai 30 orang sahaja.

Waktu itu kami menuntut kepada Chin Peng untuk menggunakan uniform hijau dan bersongkok bagi anggota-anggota Rejimen Ke-10, tetapi Chin Peng menolaknya. Kami memilih warna hijau dan songkok sebagai lambang keMelayuan dan Islam. Kami merasa hampa dengan penolakan Chin Peng itu.

Pada peringkat awalnya, anggota PKM memakai topi mengandungi tiga bintang. Setiap biji bintang itu mengandungi lima bucu. Tiga biji bintang itu dipilih untuk mewakili kaum Cina, Melayu dan India.

Masa Jepun dulu, terutama selepas Jepun menyerah, nama Bintang Tiga dikenali dan ditakuti. Penggunaan bintang tiga kemudiannya diubah menjadi satu bintang saja. Perubahan itu dibuat kerana Parti Komunis China membantah penggunaan tiga bintang. Mereka berkata, penggunaan tiga bintang menggambarkan tidak ada perpaduan. Pihak China mengarahkan dipakai satu bintang saja, bagi melambangkan perpaduan, mewakili rakyat Malaya.

Rejimen Ke-10 diberi sedikit kebebasan, tetapi tidak boleh lari dari kawalan Jawatankuasa Pusat.

Pada masa itu ada beberapa orang tokoh Melayu terkenal

seperti Kamaruzzaman Teh, Rashid Madin dan lain-lain tetapi Kamaruzzaman dan Rashid telah ditangkap oleh pihak berkuasa kira-kira pada pertengahan tahun 1948.

Saya dan lain-lain anggota, sebelum darurat diisytiharkan, telah menjalani latihan di Lubuk Kawah, Temerloh. Ada kira-kira 30 orang menjalani latihan bersenjata ketika itu. Dalam masa latihan, kami diberikan 7 pucuk raifel, 2 pucuk pistol .32 dan .45, dua carbide, 2 pucuk Thomson submesin gun, dan beberapa biji bom tangan.

Senjata-senjata ini sudah agak lama dan tidak mencukupi. *Orang-orang Melayu dalam pasukan kami merungut, sedangkan orang-orang Cina mendapat senjata yang lebih baik dan banyak, tetapi rungutan kami tidak diendahkan langsung.*

Soalan: Bukankah itu menunjukkan ada diskriminasi di kalangan anggota PKM sendiri.

Musa: Memang benar. Terdapat perbezaan antara orang-orang Melayu yang jadi komunis dan orang-orang Cina yang jadi komunis. Orang-orang Cina yang jadi komunis mendapat lebih banyak keistimewaan.

*Orang-orang Melayu dilarang pergi ke kawasan orang-orang Cina tetapi orang-orang Cina bebas ke kawasan orang-orang Melayu.*

Dari segi bekalan pakaian dan makanan pun, orang-orang Melayu didiskriminasikan. Umpamanya kalau kita minta 20 pasang kasut, mereka hanya akan memberi 10 pasang sahaja. Kalau orang-orang Cina, 20 yang diminta 20 akan diberi. Begitu juga dalam bekalan makanan. Dari segi mendapat rawatan perubatan pun, orang-orang Melayu dalam PKM tidak mendapat layanan yang sama.

Soalan: Kalau begitu kedudukannya, maka orang-orang Melayu dalam PKM dianaktirikan?

Musa: Ya. Saya tidak menafikan.

Soalan: Kalau sudah begitu hakikatnya, mengapa orang-

Apabila rejimen kami diserang pada kali pertamanya oleh Pasukan Keselamatan pada akhir tahun 1949, lebih dari 75 peratus anggota-anggota kami lari dan menyerah diri beramai-ramai kepada pihak berkuasa di Mentakab, Pahang.

Ekoran dari serangan tersebut, Komander Rejimen Ke-10, Abdullah C.D. dengan diiringi oleh kira-kira 30 orang pegganas komunis telah lari ke utara dan saya telah diarah mengetuai seramai lebih kurang 50 orang pegganas yang bergerak di kawasan Temerloh.

Di sepanjang tahun 1950, hubungan unit saya dengan unit-unit pegganas komunis yang lain terputus sama sekali.

Kami hampir mati kebuluran dan cuma hidup dengan memakan ubi kayu dan bahan-bahan makanan yang terdapat di dalam hutan.

Dalam tahun 1951, unit di bawah kelolaan saya telah dapat bergabung semula dengan unit markas Rejimen Ke-10 di Mentakab. Dalam tahun 1952, Rejimen Ke-10 telah menerima arahan berundur ke sempadan Malaysia-Thailand dengan sertamerta.

Saya dan rombongan tiba di kawasan sempadan pada tahun 1954, dan sewaktu kami tiba, kami dapati Chin Peng dan ahli-ahli tertinggi PKM bersama-sama dengan berbagai unit pegganas komunis yang lain telah pun berundur ke sana kira-kira setahun lebih awal dari kami. Yakni mereka berundur lebih awal dari kami.

Tidak berapa lama selepas berada di selatan Thai itu, Abdullah C.D. telah dilucutkan sebagai Komander Rejimen Ke-10 kerana mempunyai hubungan sulit dengan Eng Meng Cheng, yang pada waktu itu masih menjadi isteri seorang pegganas komunis dan seorang kader kanan PKM.

Saya kemudian dilantik menjadi Komander dan Komisaris Politik Rejimen Ke-10. Selepas rundingan Baling 1955, saya dilantik menjadi Pengerusi PKM.

Soalan: Boleh Encik Musa ceritakan sedikit bagaimana mulanya Encik Musa menyertai PKM?

orang Melayu yang masih ada dalam hutan itu tidak melarikan diri dan menyerah kepada pihak kerajaan?

**Musa:** Perkara ini susah saya hendak berikan sebabnya, kerana banyak perkara yang perlu ditinjau. Tetapi saya rasa, untuk keluar dari hutan itu mereka memerlukan keberanian yang luar biasa. Mungkin mereka dikawal ketat oleh pihak PKM. Kalau ada yang terniat untuk keluar pun, mereka tidak dapat berbuat demikian. Macam saya dulu, saya sudah bertekad, hendak balik ke tanah air. Apa pun terjadi saya mesti balik ke tanah air, walaupun yang pulang itu hanya mayat saya.

**Soalan:** Siapakah di antara rakan-rakan Encik Musa dahulu yang masih berada dalam hutan?

**Musa:** Saya tidak dapat mengagak dengan tepat, tetapi setahu saya, Rashid Madin, Abu Samah Kassim, Abdullah C.D., Ibrahim Chik dan beberapa orang lagi masih berada dalam hutan. Keadaan mereka agak berlainan dari saya. Mereka hanya terkurung di dalam hutan, sedangkan saya sudah ekspos ke dunia luar. Hidup mereka terkawal, dan hanya dibenarkan mendengar siaran-siaran radio komunis saja. Siaran RTM memang tidak dibenarkan dengar langsung.

**Soalan:** Berbalik kepada penubuhan Rejimen Ke-10, apakah penubuhan tersebut berjaya mempengaruhi orang-orang Melayu?

**Musa:** Penubuhan tersebut tidak mencapai matlamatnya. Kami menghadapi kegagalan, kerana orang-orang kampung langsung tidak mahu membantu kami sama ada dari segi membekalkan makanan mahupun alat-alat lain.

**Musa:** Pada zaman penjajahan dulu, saya menyertai sebuah pertubuhan Melayu berhaluan kiri, iaitu Parti Kebangsaan Melayu Malaya. Perjuangan kami waktu itu ialah menentang penjajah. Sebagai orang muda, pada waktu itu saya terpengaruh dengan corak dan gaya kepimpinan Sukarno. Kami masuk hutan waktu itu untuk menentang orang putih dan kami tidak menganggap masuk komunis. Tetapi lama kelamaan, selepas bergaul dengan puak-puak komunis, kami secara tidak langsung telah terperangkap ke dalam kumpulan tersebut.

Sewaktu dalam hutan itu, saya banyak membaca buku-buku dan risalah-risalah tentang ideologi komunis yang dibekalkan oleh PKM kepada kami. Buku-buku dan risalah-risalah itu banyak mengenai negeri China dan Rusia. Rencana-rencananya mengenai perjuangan komunis. Malah saya pernah menterjemah sebuah rencana bertajuk *How To Be A Good Communist ?* yang ditulis oleh Liu Sow Chee (Perdana Menteri China waktu itu). Lama kelamaan pengaruh komunisme itu mula masuk ke dalam diri saya.

**Soalan:** Boleh Encik Musa terangkan sedikit kegiatan Encik Musa sebagai Pengerusi PKM semasa berada di Peking.

**Musa:** Setibanya saya di negeri China pada bulan Ogos, 1956, saya berpangkalan dengan kumpulan ahli PKM di Peking.

Saya telah mengetuai delegasi PKM ke persidangan Parti Komunis Antarabangsa termasuklah menghadiri kongres-kongres Parti Komunis Soviet di Moscow. Saya seorang diri pernah mewakili PKM di kongres Parti Buruh Albania di Tirana pada tahun 1961. Di kongres itu saya telah bertemu dan bertukar-tukar fikiran dengan Enver Hoxhna, Pengerusi Parti

Komunis Albania, dan Mehmet Shehu, seorang tokoh terkemuka.

Selepas Chin Peng tiba di Peking tahun 1961, kami duduk bersama di sebuah banglo dan kami menubuhkan perwakilan PKM di luar negeri, atau dalam bahasa Inggerisnya, *Delegations Abroad*. Kami kemudiannya, menghadiri kongres-kongres komunis antarabangsa. Di kongres ke-22, di Moscow, Rusia seramai 4 orang wakil PKM hadir dalam sidang itu. Chin Peng menggunakan nama Majid, dan saya menggunakan nama Mohd. Ali. Chin Peng menggunakan nama Melayu kerana mahu memberi *impression* kepada wakil-wakil asing sebagai perwakilan dari Malaysia. Di Peking, Chin Peng lebih dikenali dengan nama Hong Tou.

Kegiatan perwakilan PKM di luar negeri menjadi semakin rancak selepas Chin Peng berada di Peking.

Kegiatan kami terutamanya termasuk membincangkan aspek-aspek bantuan yang diperlukan oleh PKM daripada Parti Komunis China, seperti latihan bagi ahli-ahli PKM di China, penubuhan stesen pemancar PKM (Suara Revolusi Malaya) di China dan juga bantuan kewangan kepada PKM.

**Soalan:** Di Peking, Chin Peng hidup dalam kemewahan dengan mempunyai segala kemudahan, bagaimana dengan kehidupan peribadinya.

**Musa:** Dia hidup bersama seorang isterinya, tetapi malangnya, isterinya itu tidak dapat melahirkan anak, kerana sakit di bahagian rahim. Kalau tidak silap saya, dia mempunyai dua orang anak semasa masih berada di tanah air. Anak-anak itu dipelihara oleh keluarga sebelah isterinya. Saya tidak tahu di mana mereka berada. Kalau tidak silap saya, anaknya itu seorang lelaki dan seorang perempuan.

**Soalan:** Dalam usianya yang sudah meningkat sekarang ini, apakah Chin Peng masih aktif lagi dalam kegiatan PKMnya.

## TEMU RAMAH DENGAN YTM TUNKU ABDUL RAHMAN PU- TRA AL HAJ

YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj adalah seorang tokoh negara yang mencatat sejarah dengan mengadakan rundingan secara langsung dengan tokoh PKM, Chin Peng, di Baling pada tahun 1955. Pertemuan tersebut boleh dianggap sebagai pertemuan bersejarah yang telah memberikan kemenangan kepada Tunku dalam perjuangannya untuk meleburkan kegiatan komunis. Dari pertemuan itu Tunku telah muncul sebagai wira negara yang telah berjaya membawa kemenangan kepada rakyat dan negaranya.

Tunku ketika saya temui di rumahnya, nombor 1, Jalan Tunku, Kuala Lumpur pada pagi 8 Mac, 1984 kelihatan segar dan riang. Ingatan-ingatannya terhadap peristiwa lampau masih lagi segar walaupun peristiwa itu sudah lama berlaku.

Tunku yang mensifatkan Rundingan Baling 1955 sebagai peristiwa paling bersejarah dalam hidupnya, menceritakan satu demi satu pengalaman-pengalamannya terutama persiapan-persiapan untuk mengadakan rundingan Baling pada 28 dan 29 Disember, 1955.

Tunku melangkah ke Baling sebagai seorang wira, dan



**Musa:** Kegiatannya sudah menurun. Lagipun, sejak rundingan Baling, beliau telah keluar sebagai seorang pemimpin yang tewas. Lebih dari itu, beliau tidak mendapat sokongan penuh dari ahli-ahli PKM.

**Soalan:** Akhir sekali, selepas 25 tahun berada di Peking, hidup di tengah-tengah masyarakat yang tidak percayakan Tuhan, apakah pandangan Encik Musa terhadap sistem komunis itu?

**Musa:** Pada mulanya, saya terpedaya dengan dasar-dasar sama rata yang diperjuangkan oleh komunis, dan semasa saya di Peking, saya telah belajar teori-teori komunis di Sekolah Marxisme/Leninisme selama tiga tahun. Di sana, saya bukan hanya belajar teori sahaja, tetapi mesti membuat praktikalnya sekali.

Setelah bertahun-tahun hidup di tengah-tengah masyarakat mereka, saya mendapati kehidupan mereka bertentangan dengan apa yang mereka laung-laungkan. Hanya teori yang manis tetapi dari segi praktikalnya sangat jauh berbeza. Antara mereka terdapat diskriminasi yang lebih buruk.



pulanginya pun sebagai seorang wira. Pertemuan yang dianggapnya memberi banyak faedah untuk membuahakan kejayaan dalam menentang pengganas-pengganas komunis dan mempercepatkan tamatnya darurat yang telah banyak menyusahkan rakyat jelata.

Berikut ialah temu bual saya dengan YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj:

**Soalan:** Rundingan Baling tercatat dalam sejarah negara sebagai suatu peristiwa penting dalam zaman darurat. Bagaimana mulanya timbul idea untuk menemui Chin Peng di Baling itu?

**Jawapan:** Mula-mula saya terima tawaran dari wakil Chin Peng, minta jumpa saya. Kalau saya bersetuju, dia suruh saya jawab dalam akhbar. Saya pun jawab, kalau tak silap saya, dalam *Malay Mail*, di ruangan *Personal Column*, saya memberitahu mereka yang saya bersetuju untuk berjumpa Chin Peng. Selepas itu saya berjumpa dengan Pesuruhjaya British untuk memberitahu perkara tersebut. Waktu itu, apa yang hendak kita lakukan mesti mendapat kebenaran pihak berkuasa British dulu.

**Soalan:** Apa reaksi beliau?

**Jawapan:** Pada mulanya, Pesuruhjaya Tinggi British itu tidak bersetuju. Dia kata, perkara itu berbahaya, lagipun apa perlunya kita berunding dengan musuh negara. Dia menasihatkan saya supaya jangan melayan permintaan tersebut. Saya memberitahunya yang saya mesti berjumpa dengan Chin Peng. Saya hendak tahu apa yang dia hendak cakap kepada saya. Saya tak boleh tarik diri. Saya sudah beritahu mereka yang saya bersetuju untuk berjumpa dengan Setiausaha Agung PKM itu.



*Tunku: "Mula-mula British tidak benarkan kita berjumpa Chin Peng."*

Selepas itu, Pesuruhjaya Tinggi meminta tempoh. Dia hendak berfikir dan berbincang dengan pegawai-pegawainya. Selang beberapa hari, dia memberitahu saya supaya pergi ke Singapura. Dia menyuruh saya berjumpa dengan *General-general In Command* di situ. Saya sudah lupa nama-nama mereka. Saya disuruh berbincang dengan mereka terutama dengan pegawai yang menjaga hal ehwal memerangi komunis.

Saya dok ingat, saya ini seorang diri saja. Apa yang boleh saya buat, kalau kesemua mereka mengatakan tidak bersetuju dengan rancangan saya itu. Oleh itu, saya telefon David Marshall, yang waktu itu menjadi Ketua Menteri Singapura. Saya memberitahunya supaya datang bersama saya dalam perjumpaan penting itu. Saya mengharapkan sokongan darinya. Kalau dia menyokong saya, kuatlah sedikit permintaan saya itu.

Setelah berbincang beberapa jam, Jeneral-Jeneral British itu sebulat suara tidak bersetuju dengan rancangan saya. Saya resah. Lebih resah lagi, bila David Marshall yang saya harap akan memberikan sokongan kepada saya, menyebelahi British

saya berlepas dari Singapura dengan menaiki kereta api malam menuju ke Kuala Lumpur, dan dari Kuala Lumpur, kami naik kereta api menuju ke Seberang Prai, dan terus ke Baling. Apabila sampai di Baling, pasukan polis dan askar telah mengadakan kawalan di sekitar pekan itu.

**Soalan:** Apa reaksi penduduk Baling terhadap rundingan itu?

**Jawapan:** Orang ramai tentulah ingin tahu apa yang sedang berlaku. Mereka keluar beramai-ramai macam hari raya. Waktu itu bukan penduduk Baling saja yang diserang perasaan ingin tahu apa yang berlaku, seluruh penduduk negara pun saya rasa mempunyai perasaan yang sama. Publisiti mengenainya telah dibuat oleh akhbar-akhbar dan radio. Orang ramai tentu hendak tahu apa yang sedang berlaku dan apa keputusan yang bakal diambil. Wartawan-wartawan luar negeri pun ramai yang datang untuk membuat liputan. Pendeknya Baling waktu itu menjadi tumpuan bukan saja penduduk negara kita malah negara-negara asing juga. Maklumlah, itulah pertama kali, kita berjumpa dengan orang yang kita anggap sebagai musuh negara nombor satu.

**Soalan:** Siapa yang menjemput Chin Peng dan orang-orangnya untuk dibawa ke tempat rundingan itu?

**Jawapan:** Orang yang pergi menjemput Chin Peng di pinggir hutan untuk dibawa masuk ke kawasan sekolah tempat rundingan ialah seorang pegawai British yang bernama John Davis. Davis ini semasa pendudukan Jepun pernah bertemu dan mengenali Chin Peng secara lebih dekat.

pada mulanya. Mereka tidak bersetuju saya pergi berjumpa Chin Peng. Saya seorang saja yang berkeras dengan rancangan saya itu. Saya terpaksa lawan British. Macam-macam hujah saya berikan kepada mereka. Saya terangkan niat dan rancangan saya. Mereka geleng kepala juga. Saya naik bingung, tetapi saya tidak berputus asa. Saya ambil keputusan tegas. Walau dengan apa cara sekalipun, saya mesti berjumpa Chin Peng.

Soalan: Setelah mendengar hujah Tunku, adakah mereka berlembut dengan sikap tegas Tunku?

Jawapan: Ya. Lama-lama, selepas mereka tengok saya berkeras sangat hendak berjumpa Chin Peng itu, akhirnya mereka memberikan kebenaran, tetapi dengan dua syarat.

Soalan: Apa syarat-syaratnya?

Jawapan: Dua syarat yang pihak British berikan kepada saya ialah, yang pertama "Jangan ambil atau buat sebarang keputusan muktamad" (*Dont take any decisions*) dan syarat kedua ialah "Jangan berjabat tangan dengan Chin Peng." (*Dont shake hands*).

Soalan: Apa muslihat British melarang Tunku berjabat tangan dengan Chin Peng?

Jawapan: Mungkin mereka tidak mahu kita merendahkan diri kita kepada Chin Peng. Chin Peng itu musuh negara dan dianggap penjenayah.

Soalan: Jadi Tunku tidak berjabat tanganlah semasa masuk ke bilik rundingan hari pertama?

Jawapan: Tidak.

Soalan: Selepas British memberi lampu hijau, apa tindakan Tunku selanjutnya?

Jawapan: Urusan perjumpaan dibuat dengan segera. Dan

Dialah yang menjadi jurupandu pada hari rundingan itu.

Soalan: Bagaimana persiapan yang diadakan di tempat rundingan itu berlangsung?

Jawapan: Rundingan itu dilangsungkan di sebuah bilik bangunan Sekolah Kebangsaan Baling. Sebuah alat perakam ditempatkan di bilik sebelah tempat rundingan itu untuk merakam butir-butir rundingan.

Dalam perjumpaan itu Chin Peng dan orang-orang kanannya Chen Tien dan Rashid Madin duduk di depan saya. Pada meja saya pula terdiri dari saya sendiri, David Marshall, Tan Cheng Lock dan Too Joo Hing. Kami duduk sebaris. Kami mengadap antara satu sama lain.

Pada hari itulah, buat pertama kali saya melihat Chin Peng dan orang-orang kanannya dari dekat.

Dalam perjumpaan itu saya memberitahu Chin Peng yang kita hendak mendapatkan kemerdekaan dari pihak British. Jadi, kalau kita mencapai kemerdekaan, apa guna lagi kita berperang dan meneruskan sikap permusuhan. Saya cadangkan baiklah Chin Peng dan orang-orangnya keluar dari hutan dan ambil bahagian dalam pilihan raya. Dia boleh tubuhkan parti politik tetapi bukan Parti Komunis. Kita tidak boleh terima Parti Komunis. Kita sudah bergaduh selama tujuh tahun. Sudah ramai orang yang mati. Harta benda sudah banyak musnah.

Soalan: Apakah Chin Peng menerima cadangan Tunku?

Jawapan: Tidak. Chin Peng tidak menerima cadangan kita. Kemudian bertengkar dengan David Marshall. David Marshall keras sedikit. David Marshall dok tunjuk sangat sikap anti komunisnya. Chin Peng marah. Dia berkata; antara dia dan kita, berlainan fahaman politik. Saya anti komunis dan dia pendukung komunis. Nampaknya antara kedua pihak tidak boleh *coexist*, yakni

tidak boleh bekerjasama. Dia tetap mahu mempertahankan ideologi komunismenya, dan enggan meletakkan senjata.

Kita tawarkan pengampunan beramai-ramai untuk mereka yang ingin menyerah diri pun dia menolaknya. Dia berpegang kuat kepada perjuangannya.

**Soalan:** Sikap kerasnya itu menunjukkan yang dia hendak meneruskan perjuangan bersenjata?

**Jawapan:** Ya. Dan kita, sebagai kerajaan yang memerintah sekali-kali tidak akan tunduk kepada sesiapun. Dia berkeras, kita pun berkeras juga.

**Soalan:** Bagaimana karekter Chin Peng pada pandangan Tunku?

**Jawapan:** Pada pandangan saya, orangnya biasa saja. Tak ada apa-apa keistimewaan. Keras hati dan teguh pendiriannya. Tidak mahu buang fahaman komunismenya.

**Soalan:** Selama dua hari rundingan di Baling itu, di mana Chin Peng ditempatkan?

**Jawapan :** Saya tidak pasti, tetapi di dalam kawasan sekolah itulah. Saya tidak ingat lagi. Saya dan kawan-kawan duduk di Rest House.

**Soalan:** Bagaimana pula pandangan Tunku terhadap Rashid Madin? Adakah dia bercakap dalam rundingan itu?

**Jawapan:** Rashid Madin agak hitam sedikit kulitnya. Saya tengok dia biasa saja. Tidak banyak bercakap. Lebih banyak mendengar. Yang menjadi jurucakap dalam rundingan itu ialah Chin Peng. Apa-apa pandangan dari pihak PKM, kesemuanya datang dari Chin Peng. Macam sebelah pihak kita juga, saya yang jadi juru-

Soalan: Tunku ingat tak, masa darurat itu, di mana Musa Ahmad, bekas Pengerusi PKM yang menyerah diri pada tahun 1981 dahulu?

Jawapan: Saya tidak tahu. Saya tidak ingat langsung fasal dia.

Soalan: Negara kita telah mencapai kemerdekaan, komunis-komunis Melayu yang masih berada dalam hutan itu apa lagi yang hendak mereka perjuangkan?

Jawapan: Saya pun tidak mengerti. Komunis Melayu yang masih berada di dalam hutan itu tidaklah berapa ramai. Saya rasa ramai dari mereka sudah tua dan uzur. Saya sendiri pun susah hendak meneka apa yang hendak mereka perjuangkan. Jadi pak turut agaknya. Dahulu, masa kita keluarkan *Amnesty*, mereka tidak mahu keluar. Ada yang keluar menyerah diri pun sedikit sangat. Saya tidak ingat.

Soalan: Apakah kesan atau faedah yang Tunku perolehi selepas rundingan di Baling itu?

Jawapan: Kita dapat banyak faedah dari rundingan tersebut. Dari rundingan itulah kita mengetahui pendirian sebenar Chin Peng. Dia memberitahu kita, yang dia tetap akan perjuangkan komunis. Macam mana sekalipun dia tidak akan tinggalkan komunis.

Dengan saya, yang anti komunis ini, katanya, dia tidak boleh bekerjasama langsung. Penegasannya itu sudah menjadi bahan kempen saya selepas itu.

Saya beritahu rakyat, Chin Peng hendak jadikan negara ini sebuah negara komunis. Saya bertanya orang ramai; Kalau mahu komunis sokong Chin Peng; Kalau mahu demokrasi sokong saya (kerajaan). Dan yang menggemb-



cakap tetapi David Marsahll mencelah juga bila kita menyentuh soal-soal penting.

**Soalan:** Rundingan itu diadakan dalam bahasa Inggeris, bolehkah Chin Peng bercakap dalam bahasa Inggeris?

**Jawapan:** Dalam rundingan itu kita ada penterjemah. Apa yang saya dapat tahu, Chin Peng hanya boleh bertutur bahasa Inggeris sedikit-sedikit sahaja.

**Soalan:** Selepas rundingan dua hari itu, Chin Peng dan orang-orangnya balik semula ke hutan, siapakah yang menghantarnya ke pinggir hutan. Tidak bimbangkan mereka kalau-kalau ditembak oleh pasukan keselamatan ketika itu?

**Jawapan:** Pada dua hari rundingan itu kawalan ketat memang diadakan. Mungkin mereka merasa bimbang tetapi tidak ada perkara yang tidak dingini berlaku pada hari itu.

Selepas rundingan, saya turut menghantarnya ke pinggir hutan, sehinggalah dia dan orang-orangnya masuk ke hutan. Saya suruh dia dan orang-orangnya masuk ke hutan dulu. Selepas satu jam barulah saya naik helikopter untuk pulang ke Kuala Lumpur, tetapi dalam penerbangan itu kami dipukul ribut. Helikopter yang saya naiki terbabas hingga masuk ke kawasan Thai. Helikopter yang dinaiki oleh orang-orang lain saya tak tahu ke mana menghilangnya. Kami cemas ketika itu. Mujurlah tidak berlaku sebarang kemalangan. Kami akhirnya dapat mendarat di Alor Setar. Pada malam itu saya dan kawan-kawan bermalam di Alor Setar. Saya bimbang juga nasib rakan-rakan yang naik dua buah helikopter lagi, tetapi kemudian kami mendapat berita bahawa mereka selamat sampai di Kuala Lumpur.



rakan kita, orang ramai telah memberikan sokongan yang kuat kepada kita. Mereka sudah tahu niat sebenar Chin Peng, jadi mereka tidak ragu-ragu lagi untuk memberikan sokongan terhadap kerajaan.

Hasil dari kempen secara besar-besaran itu, kita mendapat maklumat-maklumat tempat persembunyian komunis. Komunis ini sebenarnya bukan duduk dalam hutan kesemuanya, dalam bandar pun ada juga. Jadi dengan sokongan dan maklumat-maklumat dari orang ramai, kita dapat mengesan di mana komunis bersembunyi. Kubu dan sarang mereka kita gempur. Pihak komunis sudah menjadi macam cacing kepanasan. Di mana-mana saja terdapat sarang mereka, orang ramai akan memberitahu dan kita melancarkan serangan dan tangkapan.

Saya percaya jika kita tidak dapat berjumpa Chin Peng, dan kita tidak tahu niat sebenar Chin Peng, saya rasa perjuangan menentang mereka akan berterusan. Zaman darurat berlangsung selama 12 tahun, suatu jangka masa yang amat menyeksakan rakyat. Macam-macam penderitaan yang rakyat tanggung. Macam duduk dalam neraka.

Dalam perjuangan menentang komunis ini, kita mesti berusaha memenangi hati dan fikiran rakyat (*We must win the hearts and mind of the people*). Itulah cara yang kita lakukan pada masa itu. Kita beri pilihan secara terbuka kepada mereka; Sama ada mahu menyokong Chin Peng atau kita (kerajaan) dan syukur Alhamdulillah, mereka (rakyat) telah memberikan sokongan kepada kita dengan kuatnya. Akhirnya kita beroleh kemenangan, sehingga tamatnya darurat.

Kalau kita tidak berjumpa dengan Chin Peng, saya merasa kita tidak akan dapat menyelesaikan darurat dengan cepat. Terang-terang dia sebut hendak menubuhkan negara komunis di Malaya, dan dia sama sekali tidak mahu bekerjasama dengan kita. Tidak mahu meletakkan senjata.

Dengan itu kita mengambil sikap *Run the war against Chin Peng* secara meluas dan besar-besaran. Saya pergi ke merata ceruk, menjalakan kempen dan penerangan, siang dan malam. Saya tegaskan kepada orang ramai; Kalau mahu demokrasi sokong kita, kalau mahu komunis sokong Chin Peng. Saya dedahkan niat sebenar Chin Peng terhadap negara ini. Dan orang ramai telah memilih demokrasi dan memberikan sokongan padu kepada kita. Sikap yang telah ditunjukkan oleh rakyat itu telah melemahkan semangat orang-orang komunis.

Bagi saya, perjumpaan dengan Chin Peng di Baling telah memberikan *Good Result* dalam usaha kita menentang komunis.

**Soalan:** Apakah selepas masuk ke hutan, Chin Peng ada menulis surat lagi kepada Tunku?

**Jawapan:** Saya lupa.

**Soalan:** Bukankah dia ada menulis surat dalam bahasa Malaysia meminta disambung semula rundingan.

**Jawapan:** Ya. Ya. Tapi kita *reject*. Kita menolak. Buat apa lagi kita menyambung rundingan. Kita sudah dapat modal. Kita sudah tahu pendiriannya. Kita sudah tahu isi hatinya. Kita tidak layan lagi permintaannya.

**Soalan:** Pada ramalan Tunku, Chin Peng sekarang ini masih hidup atau sudah mati?

Tanah Melayu berada dalam sebuah neraka selama 12 tahun.

Rundingan Baling boleh dianggap sebagai *Turning Point* dalam usaha kerajaan untuk melumpuh dan meleburkan pengaruh dan kegiatan komunis di Tanah Melayu.

- Jawapan: Saya tidak dapat pastikan. Semasa saya pergi ke China dahulu, saya ada juga bertanya tentangnya, tetapi tidak ada siapa yang beritahu.
- Soalan: Mungkin masih berada di China?
- Jawapan: Boleh jadi. Tapi saya rasa dia sudah tua. Semasa di Baling tahun 1955, umurnya kira-kira 45 tahun. Sekarang tentu sudah lebih 70 tahun.
- Soalan: Tidak lama dahulu, terdapat suatu laporan dari Thailand yang mengatakan dia mati di sempadan Thailand.
- Jawapan: Kalau benar dia sudah mati, tentu berita mengenainya menjadi tajuk besar semua akhbar.
- Soalan: Terdapat juga laporan yang mengatakan dia ada berulang-alik ke sempadan Thailand.
- Jawapan: Kalau semasa mudanya dulu mungkin, tetapi dalam keadaan dirinya yang sudah tua itu, tak mungkin lagi. Tetapi tidak tahulah, kita tidak dapat pastikan perkara itu.
- Soalan: Akhir sekali dalam karier politik Tunku, sebagai seorang negarawan terkemuka di negara kita, apakah pengalaman yang paling menarik pernah Tunku alami.
- Jawapan: Pengalaman menarik agak banyak, tetapi rundingan Baling di mana, kami bersemuka dengan Chin Peng itu, merupakan detik sejarah yang tidak dapat saya lupakan. Ia merupakan detik sejarah terpenting dalam zaman darurat.

Demikian YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj, yang berjaya mencungkil niat sebenar Chin Peng melalui rundingan bersejarah Baling dan mempergunakan isu itu untuk menghancurkan pergerakan komunis di Persekutuan Tanah Melayu, dan mempercepatkan tamatnya darurat yang telah menjadikan

BUKAN mudah untuk merintis jalan damai antara kerajaan dengan pihak PKM. Apatah lagi untuk meminta mereka meletakkan senjata. Tetapi disebabkan keinginan ada di kedua-dua belah pihak, maka jalan sulit boleh dirintis bersama untuk mencapai perdamaian.

Antara orang yang memainkan peranan penting merintis jalan damai itu ialah Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Rahim Mohd Noor bagi pihak kerajaan dan Rashid Madin, bagi pihak PKM.

Chin Peng, orang kuat PKM membuat segala keputusan berkaitan dengan partinya hanya muncul pada saat-saat akhir sahaja.

Hasil rundingan berterusan antara Datuk Rahim dan Rashid Madin telah membawa kepada perletakan senjata PKM yang dipersetujui pada 2 Disember 1989.

Datuk Rahim dan Rashid Madin dikatakan bertemu secara sulit buat pertama kali di Phuket pada 2 Februari 89. Datuk Rahim ketika itu memegang jawatan sebagai Pengarah Cawangan Khas.

Pertemuan mereka itu merupakan kemuncak kepada beberapa "pertemuan kecil" sebelum ini antara orang tengah Rashid Madin dan orang tengah tentera Thai.

Selepas pertemuan 2 Februari itu, mereka telah mengadakan empat pertemuan lagi dalam siri rundingan mereka seterusnya iaitu dalam bulan Mac, Jun, Oktober dan November. Semua pertemuan berlangsung di Phuket. Setiap rundingan berlangsung selama lima hari.

Rundingan yang hendak diadakan itu bukanlah mudah. Ia diatur dengan rapi dan penuh rahsia. Rashid Madin tinggal di hutan. Setiap kali rundingan hendak diadakan Rashid terpaksa dibawa keluar dari hutan dengan helikopter tentera Thai. Pada hari rundingan hendak diadakan itu, Rashid Madin keluar dari markas di daerah Weng menuju ke suatu destinasi yang telah dipersetujui. Di tempat pertemuan itulah Rashid Madin menaiki helikopter dan seterusnya dibawa ke Phuket.

Antara orang yang memainkan peranan penting mengatur pertemuan antara pihak PKM dengan pihak berkuasa Malaysia ialah Timbalan Komander Wilayah Empat Angkatan Tentera Thailand, Mejar Jeneral Kity Ratanajaya.

Hubungan pertama dengan PKM dibuat dalam tahun 1985, melalui sepucuk surat yang dikirimkan oleh Mejar Jeneral Kiti kepada Rashid Madin.

Surat tersebut dikirim melalui orang tengah, iaitu orang kepercayaan Mejar Jeneral Kiti kepada orang kepercayaan Rashid Madin. Mereka bertemu di Haadyai, iaitu di suatu tempat yang dirahsiakan.

Dalam surat itu Mejar Jeneral Kiti bertanya Rashid Madin apakah dia dan orang-orangnya berminat untuk berdamai.

Tidak lama kemudian Mejar Jeneral Kiti terperanjat bila surat yang dikirimkannya itu mendapat reaksi daripada Rashid Madin. Pada mulanya dia tidak menduga yang Rashid Madin akan memberi reaksi atau membalas surat itu. Dia menawarkan peluang perdamaian. Dan Rashid tanpa disangkanya telah memberikan jawapan dengan menyatakan kesediaannya untuk merundingkan mengenai perdamaian.

Selepas lima kali mengadakan rundingan akhirnya mereka mencapai persetujuan untuk berdamai pada 4 November 89.

Untuk merintis ke jalan Damai, mereka telah membentuk satu jawatankuasa kerja yang akan merangka perjanjian yang bakal ditandatangani oleh ketiga-tiga pihak.

Jawatankuasa itu telah mengambil masa selama 20 hari untuk menyiapkan draf perjanjian tersebut.

Dalam rundingan itu, Rashid Madin yang jarang terse-nyum itu banyak bertanya tentang Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan memintanya dimansuhkan.

Malaysia pula dengan tegasnya menyuarakan pandangan supaya PKM membubarkan kegiatan bersenjata dan cadangan Malaysia itu diterima oleh PKM tanpa bantahan.

### Chin Peng Muncul Buat Pertama Kali

Menjelang majlis menandatangani perjanjian damai pada 2 Disember 1989, Chin Peng telah muncul buat pertama kalinya di Haadyai selepas 34 tahun menghilangkan diri.

Beliau muncul di satu sidang akhbar di sebuah kem tentera di Haadyai. Kepada wartawan, beliau memberitahu: "Sudah lama saya menanti hari ini."

Wartawan Utusan, Zainuddin Maidin dan Khalid Mohd. yang membuat laporan di Haadyai ketika itu melaporkan bahawa Chin Peng kelihatan gemuk dan sihat. Beliau berpakaian kemas seperti seorang *businessman*. Sungguhpun kelihatan riang tetapi beliau enggan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh wartawan.

Ketika ditanya apakah beliau berhasrat untuk pulang ke Malaysia selepas menandatangani perjanjian damai, beliau memberitahu: "Saya masih belum membuat keputusan sama ada hendak pulang ke Malaysia ataupun tidak."

Dalam sidang akhbar itu, Chin Peng bercakap dalam bahasa Mandarin, Melayu dan Inggeris.

Beliau banyak menceritakan tentang kegiatan-kegiatan masa lampaunya di hutan dan di Peking.

Jawapan itu memberikan kesan amat positif. Salam perdamiaan sudah pun disambut. Suatu langkah awal yang sungguh baik. Di luar jangkaan.

Berikutan daripada kesediaan Rashid itu, Mejar Jeneral Kiti telah mengutus sepucuk surat lagi kepada Rashid dengan menjemputnya keluar dari hutan untuk mengadakan rundingan.

Mejar Jeneral Kiti memberikan jaminan bahawa mereka tidak akan ditangkap.

Jaminan Timbalan Komander tentera Thai itu disambut baik oleh Rashid Madin. Di bawah perlindungan tentera Thai, mereka sanggup keluar dari hutan untuk mengadakan rundingan.

Setelah Rashid Madin menyatakan kesediaannya, Mejar Jeneral Kiti pun menghubungi Cawangan Khas Polis Malaysia untuk megajak mereka menyertai rundingan itu.

Selepas Cawangan Khas Polis Malaysia memberikan persetujuan, rundingan pertama tiga pihak; PKM-Thai-Malaysia pun diadakan di sebuah hotel di Phuket selama lima hari. Rundingan pertama ini lebih ditekankan ke arah suaikenal antara mereka.

Dalam pertemuan itu Rashid Madin membawa bersamanya Komander Wilayah Sempadan, Chang Ling Yoon; Datuk Rahim disertai oleh beberapa orang pegawai kanannya manakala Thailand pula diwakili secara rasmi oleh Mejar Jeneral Kiti yang bertindak sebagai Pengerusi rundingan.

Chang Ling Yoon meninggal dunia sebelum berlangsungnya rundingan keempat. Tempatnya diambil alih oleh Komander Rejimen ke-12, Ah Sok.

Dalam rundingan yang diadakan itu Chin Peng tidak ikut serta kerana pada masa itu beliau masih lagi berada di China. Dia hanya muncul di Thailand (Bangkok) pada 27 Oktober 89, iaitu selepas 34 tahun beliau menghilangkan diri ekoran kegagalan Rundingan Baling 1955.

Pada 3 November 1989, Chin Peng dibawa secara sulit ke Phuket untuk kunjungan hormat ke atas Datuk Rahim. Ketika itu rundingan kelima sedang berlangsung. Walau bagaimanapun Chin Peng tidak menyertai rundingan itu.



“Walaupun kami akan membubarkan tentera kami, kami tidak akan membubarkan PKM,” tegasnya.

Menjelang hari bersejarah menandatangani perjanjian damai itu, hotel-hotel besar di Haadyai penuh dengan anggota-anggota pasukan keselamatan, kakitangan kerajaan, ahli-ahli Majlis Keselamatan Malaysia, polis cawangan khas dan para wartawan media cetak dan media elektronik dari seluruh dunia.

### Perjanjian Meletak Senjata

2 Disember mencatatkan sejarah penting bagi negara. Pada hari tersebut PKM telah menandatangani perjanjian damai dan meletak senjata. Perjanjian tiga pihak antara PKM, Malaysia dan Thailand itu secara langsung akan menamatkan perjuangan bersenjata PKM.

Perwakilan Malaysia terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Wan Sidek Wan Abdul Rahman, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Hashim Mohd Ali dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Hanif Omar.

Parti Komunis Malaya pula diwakili oleh Setiausaha Agungnya, Chin Peng (nama sebenarnya Ong Boon Hua), Pengerusinya Abdullah C.D. (nama sebenar Che Dat bin Anjang Abdullah) dan Komander Rejimen ke-10 PKM, Rashid Madin. Chin Peng ketika itu (1989) berusia 67 tahun, Abdullah C.D. 73, dan Rashid Madin, 70.

Pihak Thai pula diwakili oleh Pemangku Panglima Angkatan Tentera Diraja Thailand, Jeneral Tan Sri Chavalit Yongchaiyudh dan tiga pegawai kanannya.

Pihak Thailand terlibat secara langsung dalam perjanjian tersebut kerana angkatan tenteranya turut memainkan peranan dalam persetujuan perletakan senjata PKM itu.

Perletakan senjata anggota-anggota PKM yang dianggarkan seramai 1200 orang itu dibuat menerusi Thailand.

Anggota-anggota tersebut juga akan meneruskan hidup mereka di satu kawasan di selatan Thailand dalam apa yang dipanggil “Perkampungan Persahabatan”, sama seperti yang



Suasana damai mengagung di *Siam Conference Room*, Hotel Lee Garden, Thailand.

dan Rashid Madin serta Abdullah C.D. di sebelah kiri.

Rashid Madin dan Abdullah C.D. yang memakai kot hitam tidak bercakap sepatah pun di sidang akhbar itu.

Menurut Chin Peng, beliau memang mempunyai rancangan masa depannya sendiri tetapi enggan menerangkan lebih lanjut.

Katanya, beliau berhasrat hendak menemui kaum keluarganya yang terpisah lebih 41 tahun.

Mengenai kedudukan anggota PKM warganegara Malaysia, Chin Peng berkata, terserahlah kepada mereka untuk membuat pilihan sama ada hendak tinggal di Thailand atau Malaysia.

Chin Peng juga menyatakan pendirian PKM yang akan mematuhi perlembagaan dan undang-undang di Malaysia.

Ketika ditanya pengalamannya berada di hutan lebih 40 tahun, beliau berkata; "Ini cerita panjang. Tidak mungkin saya jelaskan dalam dua tiga ayat. Saya akan menulis berkenaan-nya."

Beliau juga menerangkan fungsinya sebagai Setiausaha Agung PKM ialah sebagai pemimpin yang memberi nasihat dari segi politik.

Katanya, disebabkan pergerakan yang sukar di antara Malaysia dan Thailand beliau tidak mempunyai penguasaan yang penuh terhadap unit-unit dalam PKM.

### Pengumuman Bersama

Ada empat perkara yang dipersetujui bersama dalam perjanjian damai dan meletakkan senjata itu, iaitu:

1. Kerajaan Diraja Thailand, Kerajaan Malaysia dan Parti Komunis Malaya (PKM) sesuai dengan hasrat bersama untuk pendamaian telah mencapai dua persetujuan bersama: Satu, di antara Markas Gerakan Keselamatan Dalam Negeri Kawasan ke 4 Kerajaan Diraja Thailand dan Parti Komunis Malaya dan yang satu lagi, di antara Kerajaan

dilakukan ke atas 600 anggota PKM cabang Marxist-Leninist yang menyerah diri dua tahun lalu.

Adalah difahamkan bahawa di bawah perjanjian 2 Disember 89 itu semua anggota PKM yang meletakkan senjata tidak akan pulang ke Malaysia.

Mereka akan ditempatkan di suatu perkampungan dengan diawasi oleh pihak keselamatan Thailand.

Perjanjian damai dan meletakkan senjata itu berlangsung di sebuah bilik bernama *Siam Conference Room* yang terletak di Hotel Lee Garden.

Selepas upacara tandatangan nama bilik tersebut ditukar kepada *The Peace Hall* atau Dewan Perdamaian.

Perjanjian tersebut yang berlangsung mulai pukul 10.30 pagi diadakan dalam dua sesi iaitu satu antara kerajaan Malaysia dan PKM dan satu lagi antara kerajaan Thailand dan PKM.

Perjanjian di antara kerajaan Malaysia dan PKM ialah yang pertama ditandatangani, kemudian diikuti oleh kerajaan Thailand dan PKM.

### Chin Peng Hargai Sikap Malaysia

Selepas perjanjian damai dan meletak senjata berlangsung, satu sidang akhbar diadakan.

Dalam sidang akhbar itu, Chin Peng menyifatkan kejayaan perjanjian damai Malaysia-PKM adalah hasil sikap tolak ansur dan semangat saling memahami dan bertolak ansur yang ditunjukkan oleh kerajaan Malaysia sekarang. Justeru kerana itulah perjanjian damai ini dapat dijayakan, katanya.

Chin Peng mengadakan sidang akhbar itu dalam bahasa Malaysia. Bagaimanapun, selepas didesak oleh beberapa orang wartawan asing, seorang jurubahasa iaitu anggota PKM, Chin Peng menterjemahkan semua jawapan Chin Peng ke dalam bahasa Inggeris.

Dalam sidang akhbar itu Chin Peng diapit oleh Pengarah Operasi Keselamatan Dalam Negeri Wilayah Empat Thailand, Leftenan Jeneral Yoodhana Yampundhu di sebelah kanannya

Malaysia dan Parti Komunis Malaya untuk menamatkan semua aktiviti bersenjata serta mewujudkan perdamaian di seluruh kawasan sempadan Thai-Malaysia dan Malaysia.

2. Bekas anggota pasukan-pasukan bersenjata yang dibubarkan pimpinan Parti Komunis Malaya memberikan jaminan mereka kepada Thailand dan Malaysia untuk menghormati undang-undang kedua-dua buah negara ini serta untuk mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi dan masyarakat demi faedah rakyat. Thailand dan Malaysia akan memberikan layanan yang adil kepada anggota-anggota ini. Kerajaan Malaysia selepas satu masa akan membenarkan bekas anggota pasukan-pasukan bersenjata yang dibubarkan pimpinan Parti Komunis Malaya itu yang terdiri daripada warganegara Malaysia untuk mengambil bahagian secara bebas dalam kegiatan politik dalam rangka Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Malaysia.
3. Semua ketiga pihak mengakui bahawa penyelesaian secara terhormat ini akan mewujudkan kemakmuran, kestabilan dan keselamatan di kawasan sempadan Thailand-Malaysia dan Malaysia.
4. Kerajaan Malaysia dan Parti Komunis Malaysia menyatakan rasa terima kasih yang tulus ikhlas kepada Kerajaan Diraja Thailand atas usaha-usahanya menyediakan kemudahan-kemudahan bagi melangsungkan perundingan dengan tiga pihak serta membawa penamatan yang berjaya bagi perundingan damai ini.

Satu Kemenangan

Perjanjian damai antara Kerajaan Malaysia dan PKM dianggap

sebagai satu kemenangan oleh Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Hashim Mohd Ali dan Ketua Polis Negara Tan Sri Hanif Omar (sekarang Tun).

Jeneral Tan Sri Hashim Mohd Ali berkata; satu perkara yang tidak harus dilupakan ialah tekanan Angkatan Tentera Malaysia ke atas komunis telah menghasilkan apa yang telah dicapai pada 2 Disember - satu perjanjian damai perletakan senjata oleh PKM.

“Kita sudah telah menang,” tegas beliau.

Ketua Polis Negara pula berkata; beliau sendiri terlibat secara langsung dalam perjuangan menentang komunis dan tidak ada sebab baginya dan anggota polis merasa rendah moral dengan perjanjian ini.

Malah, katanya, perjanjian tersebut telah meningkatkan moral anggota keselamatan kerana ini sebenarnya satu petanda kemenangan bagi semua pihak.

Ketua Delegasi Malaysia, Datuk Wan Sidek Wan Abdul Rahman ketika bercakap dalam satu sidang akhbar selepas perjanjian damai itu berkata; kerajaan Malaysia tidak akan membuat sebarang perubahan kepada undang-undang yang sedia ada untuk menyesuaikan dengan persetujuan damai tersebut.

“Setiap anggota PKM yang hendak pulang semula ke tanah air perlu mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada. Tidak ada peruntukan baru yang akan kita masukkan,” tegasnya.

Datuk Wan Sidek berkata; perdamaian itu adalah satu perdamaian terhadap konflik selama 41 tahun yang dirundingkan selama lebih kurang setahun.

Katanya, secara umum, perjanjian tersebut meliputi soal bagaimanakah PKM harus meletakkan senjata mereka dan menamatkan segala kegiatan permusuhan terhadap kerajaan Malaysia.

Perjanjian itu menetapkan bahawa anggota-anggota PKM dan semua anggota bersenjata yang merupakan orang-orang yang berasal dari Malaysia yang ingin balik ke negeri asal mereka dibenarkan berbuat demikian mengikut peraturan yang ditentukan oleh undang-undang.

Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang pula berkata, kerajaan patut menerima bekas anggota-anggota PKM itu kembali ke negara ini.

Kata Encik Lim, langkah ini patut diambil memandangkan perjanjian persefahaman antara kerajaan dan PKM telah diadakan dan PKM telah bersetuju meletakkan senjata.

UMNO Bahagian Lumut pula menyifatkan hasrat Setiausaha Agung PKM hendak kembali ke tanah air itu sebagai sesuatu yang memilukan. Ketuanya Senator Wajdi Dato Haji Ishak berkata, kisah lama yang bercampur aduk dengan ideologi politik yang dibawa oleh PKM terlalu pilu untuk ditelan begitu sahaja dan secara kebetulan pula Chin Peng adalah anak watan Kampung Koh di Perak.

Umno Bahagian Lumut berharap hasrat Chin Peng dan 400 orang pengikutnya itu perlu melalui proses biasa tanpa sebarang keistimewaan.

Bekas Setiausaha Agung MCA, Too Joo Hing, yang memainkan peranan *orang tengah* yang mengaturkan Rundingan Baling 1955 dulu melahirkan rasa gembira dengan perletakan senjata PKM.

Langkah PKM itu, katanya, membolehkan perintah berkurung ditarik balik dan rakyat akan dapat hidup dengan aman dan bahagia.

"Perbelanjaan yang digunakan untuk memerangi komunis kini boleh digunakan untuk pembangunan negara," tegasnya.

Encik Too adalah orang penting yang diberi mandat oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj untuk berunding sebanyak empat kali dengan wakil PKM bernama Chen Tien bagi mengatur rundingan di Baling.

Beliau mengadakan pertemuan pertama dengan wakil PKM pada 17 Oktober 1955 di Klian Intan, pertemuan kedua pada 19 November. Dalam pertemuan kedua ini, Chen Tien keluar lebih awal dari hutan dan tinggal di rumah nenek pengawal peribadinya di Kampung Hakka, Klian Intan. Pertemuan ketiga juga berlangsung di Klian Intan. Dalam pertemuan ketiga, kereta yang dipandu oleh Too terbalik.

"Nasib baik saya tidak cedera dan meneruskan perjalanan dengan sebuah pesawat kecil ke Keroh, kemudian saya berkereta



## Reaksi Orang Ramai

Hasrat Setiausaha Agung PKM Chin Peng dan 400 orang pengikutnya yang hendak kembali ke negara ini dan bergerak aktif dalam politik telah menimbulkan reaksi yang berbeza-beza di kalangan tokoh masyarakat.

Hasrat tersebut dinyatakan oleh Chin Peng selepas menandatangani perjanjian damai dan perletakan senjata.

Aktivitis masyarakat yang juga bekas Timbalan Setiausaha Agung DAP, Encik Lee Lam Thye menyambut baik hasrat Chin Peng dan pengikut-pengikutnya.

Beliau berharap kerajaan mempercepatkan proses membenarkan kumpulan tersebut pulang ke tanah air supaya mereka dapat bersama-sama memainkan peranan dan memberikan sumbangan kepada negara.

Encik Lee bagaimanapun menegaskan, mereka perlulah terlebih dahulu melalui proses pemulihan yang ditentukan oleh kerajaan sebelum dibenarkan bebas.

Presiden Aliran, Dr. Chandra Muzaffar berkata, sekiranya Chin Peng dan pengikut-pengikutnya hendak diterima kembali, kerajaan mesti memastikan bahawa kecenderungan mereka terhadap komunisme telah dikikis melalui program pemulihan yang bakal mereka lalui.

Menurut Dr. Chandra, memandangkan ideologi komunisme di peringkat antarabangsa telah merosot berikutan perubahan mendadak di Soviet Union dan Eropah Timur, beliau menganggap Chin Peng dan para pengikutnya bukan lagi ancaman utama kepada keselamatan negara.

Bagaimanapun, beliau menegaskan sekiranya Setiausaha Agung PKM itu ingin bergiat cergas dalam politik dan berhajat menubuhkan sebuah parti politik, dia mestilah sedar tentang akar umbi politik negara ini.

"Cing Peng mesti menerima hakikat bahawa sejarah politik negara ini adalah berasaskan sistem politik Melayu dan menerima agama Islam, Bahasa Melayu dan raja-raja Melayu sebagai tunjang kehidupan bernegara," tegasnya.



ke Klian Intan untuk mengambil Chen Tean dan pengawal peribadinya untuk dibawa ke kem tentera di Keroh.”

Bila mesyuarat berakhir pada pukul 3.30 petang, Chen Tian dibawa ke pinggir hutan Klian Intan dan dia pun menghilang.

Mesyuarat terakhir berlangsung pada 24 Disember di rumah kepunyaan seorang Ketua Pengawal Hutan.

Berikut dari empat pertemuan itu, Rundingan Baling telah diadakan pada 28 dan 29 Disember 1955 di antara Tunku, Ketua Menteri Singapura David Marshall dan Tan Cheng Lock di pihak kerajaan, sementara di pihak PKM diwakili oleh Chin Peng, Chen Tien dan Rashid Madin.

Dalam rundingan itu Chin Peng telah bercakap dalam bahasa Mandarin dan Chen Tien telah menterjemahkannya. Rashid Madin tidak bercakap sepeatah pun dalam rundingan itu.

Menurut Encik Too Joo Hing, dia pernah dua kali berjumpa dengan Chin Peng. Kali pertama pada 1945 di Dewan Perniagaan China Perak dalam satu jamuan teh bagi mengalunglumkan kejayaan pasukan tentera anti-Jepun (MPAJA). Chin Peng adalah anggota MPAJA. Kali kedua ialah pada 28 dan 29 Disember 1955 semasa berlangsung Rundingan Baling itu.

Setiausaha Rendah Tetap Pertahanan Britain, Sir Michael Queensland mengucapkan taniah kepada kerajaan Malaysia kerana berjaya mengadakan perjanjian damai dengan PKM yang membawa kepada berakhirnya perjuangan bersenjata komunis selama 41 tahun.

Katanya, dengan perjanjian tersebut satu babak panjang yang mengerikan sudah pun berakhir.

“Kita masih ingat dengan jelas peristiwa-peristiwa ngeri yang berlaku sewaktu kita bersama-sama berusaha untuk menjaga keselamatan Malaysia dari ancaman komunis,” tegasnya.

### Korban Akibat Keganasan Komunis

Dengan berlangsungnya perjanjian damai ini dan meletakkan senjata itu maka era keganasan komunis berakhir.

Menurut statistik Kementerian Pertahanan, seramai 5554 anggota keselamatan terbunuh dan cedera kerana bertempur atau terkena jerangkap samar penganas komunis sejak tahun 1948 hingga 1989.

Daripada jmlah tersebut, 3327 terdiri daripada anggota polis manakala 2227 lagi anggota tentera.

Selain anggota keselamatan, seramai 2555 orang awam turut terkorban kerana menjadi sasaran penganas komunis dalam tempoh yang sama.

Jumlah penganas komunis yang terbunuh, cedera dan ditangkap pula adalah seramai 11,222 orang.

Dari angka tersebut, 6895 dibunuh dalam pertempuran dan 2968 pula cedera.

Pasukan keselamatan juga berjaya menangkap 1359 penganas. Kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai sarang komunis ialah Grik, Raub, Kuala Lipis, Gubir, Gua Musang dan Sungai Siput.

PKM sendiri dengan diawasi oleh pihak tentera Thai dan Malaysia.

Rejimen ke-8 PKM (Cabang Marxist-Leninist) telah menyerahkan 10,000 jerangkap samar yang masih belum digunakan. Penyerahan itu dibuat semasa 600 anggota cabang itu menyerah diri dalam tahun 87 lalu.

Daripada maklumat yang diterima, hampir ke semua jerangkap samar yang ditanam oleh PKM di sempadan Thai-Malaysia itu adalah ciptaan dua askar Jepun yang menyertai PKM selepas perang. Dua orang askar Jepun itu juga menjadi perancang kepada pembuatan peralatan perang yang lain.

Dua terowong yang ditemui itu ialah di Danathawi berdekatan dengan sempadan Kedah dan satu lagi di sempadan Bentong-Keroh. Terowong di Danathawi sepanjang 11 kilometer dibina dalam bentuk bulatan tiga lapis yang mengelilingi sempadan. Terowong di Bentong-Keroh dibina sejauh satu kilometer di sebelah Thailand. Kedua-duanya dikorek dengan menggunakan penyodok dan cangkul. Pembinaannya memakan masa selama tujuh tahun. Terowong itu digunakan sebagai markas dan dibina berdekatan dengan sungai di lereng bukit.

Kira-kira 200 anggota PKM dikatakan terlibat dalam kerja-kerja mengorek dan menggali terowong itu. Pintu terowong itu menuju ke sebuah markas di kaki bukit di mana tanahnya telah diratakan. Markas tersebut dikelilingi oleh bukit kecil mempunyai sebuah khemah besar yang digunakan sebagai tempat mesyuarat, sebuah pos kawalan di empat penjuru kawasan berkenaan, tempat memasak dan empat pintu terowong yang berasingan. Pintu-pintu terowong itu dikorek di kaki bukit kecil yang mengelilingi kawasan markas mereka itu.

Di tengah-tengah kawasan tanah rata itu terdapat sebuah lubang berbentuk sebuah perigi sedalam 50 kaki yang digunakan sebagai tempat menurunkan makanan dan peralatan perang ke pusat terowong itu.

Di sepanjang terowong berkenaan, terdapat tanda-tanda dalam bahasa Thai yang menerangkan arah dan kegunaan sesuatu tempat.

PARTI Komunis Malaya (PKM) telah menanam sejumlah 45,000 jerangkap samar di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand sejak mereka melancarkan gerakan bersenjata 41 tahun yang lalu.

Jerangkap samar itu sukar dikesan dan menjadi perangkap bagi anggota-anggota keselamatan kita yang memburu anggota-anggota PKM di hutan.

Selain jerangkap samar, mereka juga membina dua terowong bawah tanah yang digunakan untuk menyeberang masuk ke Thailand sepanjang 11 kilometer dan satu lagi sepanjang setengah kilometer.

Terowong itu juga digunakan sebagai tempat persembunyian dan markas operasi. Keadaannya masih lagi baik.

Sebahagian besar daripada jerangkap samar sudah pun mati atau dimusnahkan oleh pihak berkuasa tentera Thai. Jerangkap yang masih hidup dianggarkan berjumlah 5,000 iaitu yang ditanam oleh rejimen ke-10 dan ke-12 PKM.

Mengikut perjanjian damai, jerangkap-jerangkap samar yang masih hidup itu akan dimusnahkan oleh anggota-anggota

Mereka menggunakan generator untuk menyalakan lampu di dalamnya. Di dalam terowong itu terdapat bilik menulis dan bacaan, bilik memasak, tempat menyimpan barang dan peralatan perang, tempat duduk untuk kawalan dan akhir sekali yang menyeramkan ialah bilik deraan.

Setiap terowong menghubungkan satu sama lain dengan empat pintu utamanya. Lubang bawah tanah itu juga mempunyai tiga tingkat. Terowong di Danathawi pula mempunyai sebuah bilik mesyuarat seluas 20 kaki lebar dan 10 kaki panjang.

## TEMU RAMAH DENGAN CHIN PENG

SELEPAS menandatangani perjanjian damai dan perletakan senjata di Haadyai pada 2 Disember 1989, para wartawan telah mengadakan temu ramah dengan Chin Peng selama hampir satu jam di Hotel Lee Garden.

Berikut disiarkan sedutan temu ramah tersebut seperti yang dilaporkan oleh *Mingguan Malaysia* 3 Disember 1989:

**Soalan :** Saudara Chin Peng, apakah ada anggota-anggota PKM yang mahu ke Negeri China dan tinggal di sana selepas ini?

**Jawapan :** Apakah mereka akan bermastautin di Thailand atau Malaysia akan diputuskan kemudian... saya kira tak mungkin ada anggota-anggota kami yang mahu ke China. Kalau ada pun seorang dua saja akan meminta pulang ke China.

Kami sebagai pemimpin PKM akan menghormati pilihan-pilihan yang diambil oleh anggota-anggota kami. Saya tak dapat memberi bilangan sekarang berapa ramaikah yang akan

Ringkasnya kami turut mentaati undang-undang dan tertakluk kepada undang-undang Malaysia.

Soalan : Adakah difahamkan masih ramai lagi anggota-anggota PKM dalam hutan. Jadi bilakah mereka akan keluar?

Jawapan : Secepat mungkin... *very soon*.

Soalan : Adakah ini satu penyerahan diri kepada angkatan tentera?

Jawapan : Tidak! Saya tak fikir begitu...tadi saya sudah jawab. Segala-galanya mengikut apa yang terkandung di dalam pengumuman bersama.

Soalan : Sejauh manakah kekuatan ahli-ahli PKM sekarang?

Jawapan : Yang ada pada saya cuma bilangan anggota bersenjata yang dipimpin oleh kami...Jumlahnya lebih kurang 1,100 orang.

Soalan : Bagaimana pandangan saudara mengenai kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad?

Jawapan : Saya menghargai semangat saling memahami dan saling bertolak ansur yang ditunjukkan oleh kerajaan Malaysia sekarang.

Justeru itulah kita dapat menjayakan perundingan damai ini.

Soalan : Saudara Chin Peng...dengan termeterainya perjanjian ini apakah PKM masih wujud?

Jawapan : Telah saya jawab...pengumuman bersama telah menjelaskan segala-galanya.

Soalan : Apakah yang saudara buat dalam tempoh dua dekad ini? Apakah saudara ada mengeluarkan arahan-arahan harian berhubung dengan kegiatan PKM?

bermastautin di Thailand atau hendak pulang ke Malaysia.

Soalan : Apakah rancangan saudara?

Jawapan : Memang saya mempunyai rancangan saya sendiri tapi... saya akan bincangkan soal ini dengan jawatankuasa pusat parti... maka tak dapatlah saya jawab sekarang... saya harap tunggulah... sabarlah... dan berhubung dengan ini saya ingin mengambil peluang ini membetulkan laporan-laporan awal akhbar seolah-olah saya akan ambil bahagian dalam pilihan raya umum akan datang di negeri saya.

Soalan : Jadi apakah saudara menafikan laporan berita tersebut?

Jawapan : Ya. Ya.

Soalan : Apakah saudara Chin Peng akan bergiat dalam politik?

Jawapan : (Beliau mengambil masa untuk menjawab). Berkenaan soal itu, saya belum bincangkannya lagi dengan jawatankuasa pusat secara mendalam...selama setahun lebih kami sibuk dengan perundingan damai.

Kami tak mempunyai waktu yang cukup untuk membincangkan rancangan-rancangan yang akan datang secara terperinci tetapi dalam pengumuman bersama telah dinyatakan bahawa kerajaan Malaysia memberi pengakuan...anggota-anggota pasukan bersenjata kami yang akan dibubarkan itu yang menjadi warganegara Malaysia boleh mengambil bahagian secara bebas dalam aktiviti-aktiviti politik di Malaysia dalam rangka Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Malaysia.



Jawapan : Tidak. Saya cuma memimpin secara memberi nasihat dari segi politik yang besar-besarnya sahaja.

Soalan : Apakah saudara Chin Peng ingin berjumpa kembali dengan keluarga saudara?

Jawapan : Memang... sudah tentulah... memang saya ingin jumpa keluarga saya kerana sudah terpisah lebih 41 tahun...tapi belum saya tetapkan lagi bilakah dapat saya berbuat demikian.

Soalan : Apakah saudara berhajat hendak mengekalkan parti ini atau sebaliknya menubuhkan sebuah parti baru dan jika dilakukan atas *platform* apa?

Jawapan : Soal ini akan saya bincangkan dengan jawatan-kuasa pusat parti.

Soalan : Bagaimana pandangan saudara mengenai keadaan di negara komunis dan sosialis sekarang?

Jawapan : Ini memang soal besar sekarang antara hubungan parti-parti komunis, tapi kami memegang prinsip saling menghormati dan tidak mencampuri urusan dalaman mereka. Saya rasa tidaklah patut bagi saya mengeluarkan pandangan di depan umum.

Sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi...kami sibuk kebelakangan ini dan memang tak ada waktu untuk mengkaji perkembangan-perkembangan di negara sosialis secara teliti. Lagipun kami tak mempunyai bahan-bahan yang cukup mengenai perkembangan negeri sosialis selain daripada laporan akhbar.

Soalan : Apakah pendirian pihak komunis China mengenai perjanjian ini?

Jawapan : Saya fikir soalan ini baik dituju kepada pihak berkuasa Negeri China.

Soalan : Saudara Chin Peng, apakah saudara rasa masih ada masa depan untuk komunisme di Asia Tenggara dan apakah yang saudara buat sepanjang tempoh ini?

Jawapan : Tiada komen... *no comment*.

Soalan : Apakah saudara anggap diri saudara masih Marxist-Leninist?

Jawapan : (Sambil mengangguk perlahan-lahan, beliau berkata; Ya!)

Soalan : Apakah hasil daripada perjuangan selama 41 tahun?

Jawapan : Saya akan menulis tentang soal ini...mungkin buku, mungkin artikel. Ini sudah jadi cerita panjang..sudahlah..tuan-tuan dan puan-puan terima kasih banyak-banyak.

Semasa perang Jepun meletus, Chin Peng masih berada di Sitiawan dan dilantik menjadi AJK Parti Komunis negeri Perak. Beliau dikatakan menjadi seorang AJK yang berpengaruh dalam parti itu.

Kecekapan dan kemampuannya dalam soal pentadbiran dan organisasi akhirnya menjadikan beliau Setiausaha Komunis Negeri Perak iaitu jawatan yang paling tinggi di negeri itu.

Bila Jepun kalah dan British kembali ke Malaya, Chin Peng memasuki hutan meneruskan perjuangannya. Pada 1955, bila kekuatan komunis pimpinannya semakin lemah, dia cuba mengadakan rundingan dengan kerajaan.

Beliau muncul dalam rundingan Baling pada 28 dan 29 Disember 1955 dengan pihak kerajaan yang dipimpin oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Rundingan itu gagal mencapai sebarang persetujuan. Sejak itu Chin Peng terus hilang. Hanya namanya menjadi sebutan orang.

Kebilangannya itu mencetuskan beberapa spekulasi; ada yang mengatakan beliau berada di satu kawasan bernama Na Plang, ibu pejabat Rejimen ke-8, PKM di selatan Thailand di mana mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa pusat PKM diadakan. Ada juga yang mengatakan beliau sudah mati. Tetapi yang sebenarnya beliau berhijrah ke Republik Rakyat China bersama isterinya pada pertengahan 1961 bila perjuangan bersenjata PKM menghadapi kegagalan.

#### ABDUL RASHID BIN MADIN

Beliau berasal dari kampung Gunung Mesah, Gopeng, Perak. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Gunung Panjang, Gopeng dalam tahun 30-an sebelum melanjutkan pelajaran ke sekolah Inggeris *private* di Tapah.

Beliau adalah seorang pemimpin Parti Komunis Malaya yang berpelajaran Inggeris dan mempunyai pemikiran yang tajam dan bernas.

Nama bapanya ialah Maidin bin Kambolan. Bagaimanapun ia dieja sebagai Madin. Nama-nama lain yang dipakainya ialah Bong Ana, Bong Dato dan Datok.

## LATAR BELAKANG PEMIMPIN PKM YANG MELETAK SENJATA

### CHIN PENG

NAMA sebenarnya ialah Ong Boon Hua. Dilahirkan pada tahun 1922 di Sitiawan, Perak. Dia keturunan Hakka.

Bapanya bernama Ong Seng Peow, seorang penjual basikal di Pulau Pinang.

Chin Peng mendapat pendidikan awal di Sekolah Cina di Sitiawan sebelum melanjutkan pelajaran ke Sekolah Inggeris. Semasa bersekolah, dia diketahui sebagai seorang pelajar yang baik dan berdisiplin.

Pada tahun 1940, semasa berusia 18 tahun, dia diterima menjadi ahli parti dan memulakan hidup barunya di bawah sayap komunis.

Isterinya, seorang Cina adalah anggota Jawatankuasa Pusat PKM. Selepas berkahwin mereka memasuki hutan bersama.

Chin Peng merupakan Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya yang paling lama iaitu selama 42 tahun. Beliau mula memegang jawatan tersebut ketika berusia 24 tahun.

Sepanjang hayatnya, PKM hanya mempunyai dua orang Setiausaha Agung iaitu Chin Peng dan Lai Tek.

Rashid pernah menjadi anggota pasukan Malaya Peoples Anti-Japanese Army (MPAJA) iaitu tentera rakyat Malaya yang menentang penaklukan Jepun semasa Perang Dunia Kedua.

Pada tahun 1944-45, beliau menjadi Anggota Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Parti Kebangsaan Malaya di Tanjung Malim Perak. Beliau pernah menjadi Setiausaha API pada 1946.

Pada bulan Februari 1947, Rashid menghadiri persidangan Parti Komunis empayar British di London bersama dua orang rakannya yang merupakan perwakilan PKM.

Sekembalinya dari London beberapa bulan selepas itu, dia ditahan oleh kerajaan British di bawah undang-undang darurat pada Ogos 1948 kerana turut terlibat melancarkan gerakan nasionalisme bagi orang Melayu menuntut kemerdekaan.

Bagaimanapun beliau berjaya melepaskan diri dan memasuki hutan pada tahun 1951.

Rashid menganggotai perwakilan PKM yang menemui Tun-ku Abdul Rahman dalam Rundingan Baling 1955. Bagaimanapun beliau tidak bercakap sepatah pun sepanjang rundingan itu.

Beliau mendirikan rumah tangga dengan Hamidah binti Abdul Rashid dan dikurniakan empat orang anak yang tinggal di kampung Sungai Itik, Gopeng, Perak.

Rashid Madin tidak pernah berhijrah ke China. Dia dikatakan berada di Selatan Thailand dan menjadi Pemerintah Rejimen ke-10 PKM.

#### ABDULLAH C.D.

Namanya yang sebenar ialah Che Dat bin Anjang Abdullah. Lahir di Lambor Kanan, Parit, Perak pada tahun 1916.

Nama-nama lain yang digunakannya ialah Abu, Abdullah Sidin dan Buyong.

Abdullah memasuki hutan di Pahang pada tahun 1948.

Selepas Pengerusi PKM, Musa Ahmad menyerah diri pada November 1980, beliau dilantik menjadi Pengerusi PKM. Sebelum dilantik memegang jawatan tertinggi ini beliau ialah AJK pusat parti.

Beliau merupakan komander Rejimen ke-10 yang berpangkalan di Narathiwat di selatan Thailand.

Pada tahun 1952, beliau bergerak di kawasan Kerdu sebelum meninggalkan Pahang dengan kumpulan Rashid Madin untuk ke Perak di mana mereka bergerak pula di Ulu Kinta.

Kemudian beliau ke Sungai Siput sebelum pergi ke selatan Thailand di mana beliau menghabiskan kebanyakan masanya.

Pada tahun 1976, Abdullah C.D. telah diracun oleh sekumpulan pegganas mengakibatkan dia sakit kuat. Beliau kemudian dibawa ke satu tempat yang tidak diketahui untuk dirawat. Akhirnya, Abdullah pulih dan kembali ke kem Rejimen ke-10 pada tahun 1981.

Pegganas-peggnas yang bertanggungjawab terhadap kejadian itu dihapuskan atas arahan Rashid Madin.

Sungguhpun pulih tetapi beliau menghadapi gangguan fikiran. Mengenangkan jasanya, beliau diberi kepercayaan untuk terus mengetuai Rejimen ke-10, tetapi Rashid Madin yang mengendalikan urusan harian rejimen itu.

Isterinya, seorang keturunan Cina, Eng Meng Cheng, berasal dari Perak adalah juga anggota jawatankuasa pusat PKM.

Abdullah C.D. juga mempunyai seorang isteri Melayu bernama Enah binti Abdul Ghani. Bagaimanapun mereka telah bercerai pada akhiri tahun 1948 setelah mendirikan rumah tangga selama satu tahun lapan bulan apabila Abdullah mengambil keputusan hendak meninggalkan kampung halamannya untuk bergerak di bawah tanah.

## AH SZE

Beliau dikenali juga sebagai Ah Sek.

Dalam PKM beliau memegang jawatan sebagai Komander Rejimen ke-12 yang dianggotai oleh orang-orang Cina.

Beliau menyertai komunis pada tahun 1948 di Pahang dan kemudian bergerak di selatan Thailand.

Ah Sek pernah ditangkap di Teluk Anson (sekarang Teluk

## BAHAN RUJUKAN

1. *Utusan Melayu* 31 Disember, 1980: Sejarah Pembentukan Parti Komunis (3 siri) oleh Soria Dharma.
2. *Jungle War in Malaya (The Campaign Against Communism 1948-1960)* oleh Harry Miller terbitan *Eastern Universities Press Sdn. Berhad*, 1972.
3. "Surat Chin Peng," *Mastika*, Julai 1983.
4. "Chin Peng Melarikan Diri Ke Sempadan," *Mastika*, Julai 1983.
5. Memoir i: Persiapan Menjelang Pertemuan Tunku-Chin Peng di Baling, *Mastika*, Julai 1983, oleh Datuk Haji Shafei Haji Abdullah.
6. Memoir ii: Dialog Tunku Di Meja Rundingan, *Mastika*, Ogos 1983 oleh Datuk Haji Shafei Haji Abdullah.
7. Memoir iii: Chin Peng Tolak Tawaran Ampun Beramai-ramai, *Mastika* September 1983, oleh Datuk Haji Shafie Haji Abdullah.
8. Memoir iv: David Marshall Tumbuk Meja, *Mastika* Oktober 1983, oleh Datuk Haji Shafie Haji Abdullah.
9. Memoir v: Chin Peng beritahu, hendak masuk "Parti Buruh," *Mastika* November 1983 oleh Datuk Haji Shafei Haji Abdullah.
10. *Utusan Malaysia* 31 Ogos, 1983.

Intan) pada tahun 1951 dan dimasukkan di Penjara Taiping tetapi kemudiannya dipindahkan ke kem tahanan di Melaka. Di sinilah beliau melepaskan diri dan menyertai pergerakan komunis di kawasan Asahan dan Bahau Negeri Sembilan.

Selepas Negeri Sembilan, dia bergerak di Karak dan Ker-dau di Pahang pada 1952 sebelum pergi ke Perak untuk bersama kumpulan Abdullah C.D.

Pada tahun 1954, Ah Sek bergerak di Cameron Highlands dan menjadi anggota sidang pengarang buliten *Justice News*.

Dalam Rundingan Baling, beliau turut bersama Chin Peng dan Rashid Madin.

Selepas Rundingan Baling iaitu kira-kira tahun 1957, Ah Sek pergi ke Sadao, selatan Thailand untuk bersama dengan Rejimen ke-8 yang berpangkalan di situ.

Dalam tahun-tahun 70-an, beliau bergerak di daerah Waeng, selatan Thailand dengan memimpin Unit Tempur ke-15.

Bila Rejimen ke-10 disusun semula pada Julai 1978, Ah Sek dilantik mengetuainya.



11. *Utusan Malaysia* 17 September, 1983.
12. Musa Ahmad tinggalkan komunis, dipetik dari buku MUSA AHMAD, kembali ke pangkuan oleh Sabda S dan Wahba, terbitan *Tra-Tra Publishing and Trading Co.*, Kuala Lumpur, edisi Bahasa Malaysia, 1981.
13. Ucapan Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia dari Oktober 1948 - November 1949 - terbitan kerajaan *Persekutuan*.
14. "Baling Talks" - fourth session - kenyataan Ketua Menteri Tunku Abdul Rahman Putra - terbitan kerajaan *Persekutuan*.
15. The Emergency and Anti Bandit Month - Bandit Casualties - kenyataan terbitan kerajaan *Persekutuan*.
16. Emergency Statistics 1948 - 1960 - terbitan kerajaan *Persekutuan*.
17. Sejarah Asia Moden oleh Ibrahim Mustaffa terbitan *Utusan Publications and Distributors*.
18. Keganasan Komunis Di Tanah Melayu (1948 - 1960) kenyataan terbitan kerajaan *Persekutuan*.
19. *Utusan Melayu* 17 Februari, 1984.
20. *Utusan Malaysia* - 26 Mac, 1984.
21. *Utusan Malaysia* - 6 Januari, 1981.
22. Bahan-bahan *Arkib Negara*.
23. Ikhtisar Sejarah Pergerakan dan Kesusasteraan Melayu Moden 1945 - 1965, Oleh Drs. Li Chuan Siu, *Penerbitan Pustaka Antara* 1967.
24. Dan lain-lain.
25. Orang tengah atur pertemuan dengan Chin Peng gembira - *Utusan Melayu* 29 November 1989.
26. Chin Peng: Pelbagai pihak beri reaksi berbeza - *Utusan Melayu* 26 Mac 1991.
27. Setiausaha Pertahanan Britain ucap taniah- *Utusan Melayu* 11.12.1989.
28. Temu ramah para wartawan dengan Setiausaha Agung PKM - *Mingguan Malaysia* 3.12.1989.
29. PKM letak senjata 2 Disember - *Utusan Melayu* 28.11.1989.
30. Chin Peng metrai perjanjian hari ini - *Utusan Malaysia* 2.12.1989.


31. Parti Komunis Malaya akan letak senjata - *Utusan Malaysia* 28.11.1989.
32. Chin Peng hargai sikap Malaysia - *Utusan Malaysia* 3.12.1989.
33. PKM tanam 45,000 jerangkap samar di sempadan oleh Rozaid Abdul Rahman - *Utusan Melayu* 8.12.1989.
34. Jalan sulit ke perjanjian damai oleh Rozaid Abdul Rahman - *Utusan Melayu* 11.12.1989.
35. Latar belakang pemimpin-pemimpin Parti Komunis Malaya yang meletak senjata - *Utusan Melayu* 3.12.1989.
36. Chin Peng muncul kali pertama di khalayak ramai - Zainuddin Maidin dan Khalid Mohamad.

- Elit, 9  
 Ekspos ke dunia luar, 174  
  
 Feudalis, 9  
 Fahaman komunisme, 147  
  
 Gerombalan, 1  
 Gerila, 11  
 Genting, 22  
 Gerakan bawah tanah, 150  
 Gempur, 188  
  
 Hakikatnya, 143  
 Hal elwal agama, 152  
 Hujah, 182  
  
 Imperialisme, 3  
 Ideologi, 9  
 Intelektual sayap kiri, 20  
 Ikrarnya, 157  
  
 Jurusan, 151  
 Jerangkap komunis, 154  
  
 Komunis Internasional, 4  
 Kuomintang, 5  
 Kawasan hitam, 12  
 Konsep, 12  
 Kemudahan asas, 19  
 Kawasan putih, 30  
 Kabinet, 31  
 Kerajaan demokrasi, 88  
 Khalayak ramai, 126  
 Kawat perutusan, 128  
 Kesedaran politik, 142  
 Kader-kadernya, 146  
 Kerap didengar, 152  
 Kronik, 154  
 Komunikasi, 170  
 Kongres, 171  
 Karekter, 185  
  
 Ke merata ceruk, 189  
 Karier politik, 190  
  
 Lasykar, 1  
  
 Militan, 144  
 Menunjukkan taringnya, 16  
 Membanteras, 17  
 Mengharu-birukan, 18  
 Moral, 24  
 Mandat, 29  
 'Memancing,' 31  
 Manifesto, 36  
 Markas, 61  
 Munasabah, 77  
 Malapetaka, 82  
 Menghalalkan, 101  
 Menyelenggarakan, 124  
 Menggulingkan kerajaan, 129  
 Majoriti, 130  
 Media massa, 140  
 Meloloskan diri, 140  
 Mencetuskan, 142  
 Mendorong, 142  
 Matlamat, 143  
 Memarakkan semangat, 144  
 Menyingkirkan, 147  
 Meluap-luap, 149  
 Menyingkap balik, 151  
 Masuk kelambu, 152  
 Mirip kepada, 153  
 Menjunjung idea-idea, 154  
 Mengelabui mata, 155  
 Menafikan Tuhan, 157  
 Membongkar sebab sebenar, 163  
 Mencelah lagi, 161  
 Merangkap, 172  
 Muslihat, 182  
 Mempergunakan isu, 190  
  
 Nasionalis, 13  
 Negarawan terkemuka, 190

## INDEKS

- |                        |                          |
|------------------------|--------------------------|
| Anasir, 12             | Butir-butir tawaran, 159 |
| Aktiviti inteligen, 20 | Bertekad, 174            |
| Api perkauman, 26      | Berdebat, 169            |
| Arif, 44               |                          |
| Analisa, 46            | Cap hitam, 25            |
| Agresif, 48            | Ciri-ciri ideologi, 152  |
| Anak-anak negeri, 94   |                          |
| Anti Malaya, 98        | Diktator prolitariat, 3  |
| Api revolusi, 144      | Doktrin revolusi, 13     |
| Aspek-aspek, 177       | Darurat, 22              |
|                        | Dibubarkan, 60           |
| Bercempera, 16         | Demokrasi, 134           |
| Berkaliber, 20         | Dakyah-dakyah, 147       |
| Berdiri atas pagar, 25 | Diambil alih, 153        |
| Belunggu, 29           | Detail, 13               |
| Batu penghalang, 42    | Dipratikkan, 154         |
| Bersabung nyawa, 81    | Dikritik, 158            |
| Bersubahat, 119        | Delegasi, 167            |
| Bertungkus lumus, 138  | Dianalisa, 167           |
| Balik ke pangkuan, 140 | Diskriminasi, 173        |
| Berhijrah, 147         | Dianaktirikan, 173       |
| Boneka, 155            | Ditonjolkan, 169         |

- Organisasi, 1  
 Operasi, 9  
 Objektif, 24  
 Orang perantaraan, 57  
 Orang-orang dagang, 120  
  
 Pemerintahan diktator, 3  
 Panji-panji komunisme, 3  
 'Pencari duit,' 15  
 Polisi politik dua hala, 24  
 Pandangan politik, 25  
 Penceroboh-penceroboh tanah, 28  
 Perkara pokok, 39  
 Persefahaman, 60  
 Pancaroba, 84  
 Perikemanusiaan, 85  
 Perasaan takbur, 124  
 Perang psikologi, 125  
 Perang gerila, 130  
 Penyelarasan kerja, 131  
 Propaganda-propagandanya, 134  
 Pucuk pimpinan, 147  
 Politbiro komunis, 147  
 Pidato, 153  
 Perlembagaan PKM, 154  
 Prinsipalnya, 154  
 Publisiti, 183  
 Pendudukan, 183  
 Pendukung komunis, 184  
 Peristiwa lampau, 179  
  
 Rancangan Briggs, 19  
 Rahmat, 40  
 Reaksi, 57  
 Rumpun Melayu, 144  
 Risalah-risalah, 176  
  
 Strategi, 12  
 Subversif, 17  
 Skim, 19  
 Strategist, 20  
 Suku ras, 25  
  
 Situasi unik, 25  
 Sesi, 53  
 Sembab, 61  
 Syak wasangka, 73  
 Soal pengiktirafan, 104  
 Sumber inspirasi, 128  
 Serang hendap, 135  
 Strategik, 139  
 Sewajarnya, 141  
 Sikap prejudis, 143  
 Secara terperinci, 159  
 Sebulat suara, 181  
  
 Tradisional, 9  
 Tersepit, 11  
 Tapak perjuangan, 15  
 Tindak tanduk, 15  
 Theoretician, 20  
 Tragedi, 24  
 Terpinga-pinga, 139  
 Tokoh nasional, 144  
  
 Upacara, 138  
  
 Veto, 38  
  
 Wawancara, 153



*Tunku, David Marshall dan Dato Sir Tan Cheng Lock bersama jurugambar sebelum rundingan dimulakan.*

sing. Kamu boleh hadir dan mendengar betapa hebatnya perkataan-perkataan yang dilempar dan dikeluarkan oleh ahli-ahli dalam Majlis Mesyuarat Singapura.

Encik Marshall sendiri telah dituduh dan menuduh Si Anu-Si itu seorang komunis tetapi mereka itu sebenarnya bukan komunis. Dan begitu juga terjadi di dalam majlis mesyuarat saya sendiri. Tetapi sama ada mereka itu sebenarnya komunis atau tidak, maka saya sendiri tidak tahu.

**Chin Peng:** Tentulah kami pun nampak bagaimana banyaknya kemajuan yang telah dilaksanakan di Malaya hari ini. Kami menaruh minat akan syarahan-syarahan yang dibuat oleh Tunku Ketua Menteri Malaya dan Singapura dalam masa gerakan pilihan raya yang lalu.

Saya sendiri telah mendengar syarahan-syarahan yang dibuat oleh Tuan Marshall. Syarahan tuan ini selalunya berapi-api. Saya percaya syarahan tuan dahulu itu, kalau sekarang ini tuan buat pula, maka akan dikatakan sebagai hendak menghasut.

Betapa jauhnya kemajuan yang dicapai dalam lapangan siasah kita untuk mencapai kemakmuran seperti yang dinikmati sekarang.

**Tunku:** Sebab itulah, maka kami membuat tawaran hendak menamatkan peperangan ini.

**Chin Peng:** Saya fikir perkara fahaman jangan dibincangkan sekarang. Kita datang ke sini dengan perasaan ikhlas dan dengan harapan mencari jalan untuk menamatkan darurat. Kita tak boleh terima kehendak-kehendak dalam tawaran pengampunan beramai-ramai kerana dari segi dasar-dasar yang dibuat sekarang ini menun-